

## BAB V

### PERBEZAA ISU-ISU HUKUM IBADAT HAJI ANTARA KEMENTERIAN AGAMA DAN PERSATUAN ISLAM

#### 5.1 PENGENALAN

Khilafiah merupakan realiti yang terjadi dalam kehidupan manusia. Antara masalah khilafiah tersebut ada yang diselesaikan dengan cara yang sangat sederhana dan mudah. Dan ada juga yang menjadikannya sebagai jurang perpecahan antara sesama umat Islam oleh kerana sikap *ta'aşşūbiyyah* (fanatik) yang berlebihan.

Secara *lughah fihiyyah*, *ikhtilāf* merupakan terma yang diambil dari bahasa Arab yang bererti berselisih, tidak sefahaman. Sedangkan menurut istilah *fihiyyah*, *ikhtilāf* adalah perselisihan faham atau pendapat di kalangan para ulama fiqh sebagai hasil ijtihad untuk mendapat dan menetapkan suatu ketentuan hukum tertentu.<sup>1</sup>

*Ikhtilāf* dalam kalangan umat Islam telah terjadi semenjak zaman sahabat. Terjadinya *ikhtilāf* ketika itu kerana perbezaan fahaman dan perbezaan nas yang sampai kepada mereka.

Hal ini terjadi disebabkan pengetahuan mereka dalam masalah hadis tidak sama dan juga perbezaan pandangan mengenai dasar penetapan hukum dan berlainan tempat.

Sebagaimana yang diketahui, ketika agama Islam telah tersebar meluas ke pelbagai penjuru, banyak sahabat Nabi SAW telah berpindah tempat dan berasingan ke

---

<sup>1</sup> M. Ali Hasan, *Perbandingan Mazhab* (cet. ke-4, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2002), 114.

negeri yang baharu. Oleh yang demikian, kesempatan untuk bertukar fikiran atau bermusyawarah merungkaikan sesuatu permasalahan sukar untuk dilaksanakan.

Hingga saat ini *fiqh ikhtilāf* tetap berlangsung. Mereka tetap berselisih faham dalam masalah *furū'iyah* atas faktor kepelbagaian sumber dan aliran dalam memahami nas dan mengistinbatkan hukum yang tiada nas. Perselisihan itu berlaku antara pihak yang memperluas dan mempersempit, antara yang memperketat dan memperlonggar, antara yang cenderung rasional dan cenderung berpegang pada zahir nas, antara yang mewajibkan bermazhab dan melarangnya. Sebagai contoh, perselisihan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS dalam masalah ibadat haji dan umrah.

Perbezaan pendapat dalam kalangan umat akan terus berlangsung sehingga bila-bila dan walau dimana sekalipun. Hal ini menunjukkan kemajuan Islam, kerana pola pemikiran manusia terus berkembang.

Menurut hemat pengkaji, setiap pihak hendaklah menyedari bahawa keikhlasan dan pendapat yang lahir dari akal yang sihat akan menghidupkan daya fikir pemeluk-pemeluk agama Islam. Sebaliknya, ketidak ikhlasan dan buah fikiran yang lahir dari akal yang kurang jernih akan merugikan pemeluk-pemeluknya dan menjadi faktor perencatan perkembangan ajaran agama dalam masyarakat.

## **5.2 ISU PERBEZAAN HUKUM IBADAT HAJI ANTARA KEMENAG DAN PERSIS**

Adanya perbezaan fahaman dan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS dalam masalah ibadat haji dan umrah adalah faktor utama timbulnya isu-isu berkaitan masalah tersebut.

Antara isu-isu yang akan menjadi perbincangan dalam bab ini adalah perkara yang berhubungkait dengan pelaksanaan ibadat haji dan umrah. Seperti perkara-perkara berkaitan dengan rukun haji, syarat haji dan wajib haji.

### 5.2.1 Miqat Makani

Dalam masalah *ihlāl* pada *mīqāt makānī*, KEMENAG berpendapat bahawa bagi jemaah haji Indonesia gelombang I (pertama)<sup>2</sup> *mīqāt makānī*nya adalah Bir Ali. Sedangkan bagi jemaah gelombang II (kedua)<sup>3</sup> adalah di atas udara pada garis sejajar dengan Qarn al-Manāzil atau dapat berīhrām di King ‘Abd al-‘Azīz International Airport Jeddah (KAAIA), atau di asrama haji embarkasi tanah air.<sup>4</sup>

Alasan yang berpendapat bahawa Jeddah sebagai *mīqāt*, hasil temubual pengakaji mendapati bahawa jemaah yang datang melalui udara bermula mengambil *mīqāt* dari tempat dimana pesawat itu menyentuh daratan, dalam hal ini adalah Airport King Abdul Aziz yang terletak di Jeddah. Namun yang menjadi masalah adalah kerana posisi Airport King Abdul Aziz ini sudah berada di sebelah Barat tanah haram. Sedangkan jemaah haji Indonesia, tentunya tidak datang dari arah Barat melainkan dari Timur atau Tenggara. Jadi kalau mendarat di Jeddah, sudah pasti akan melewati garis *mīqāt*. Dan seharusnya cara ini dilarang, kerana setiap orang yang melewati garis *mīqāt* wajib berīhrām, kalau tujuannya semata-mata menuju Kaabah untuk haji dan umrah.<sup>5</sup>

Pada zaman dahulu ketika menggunakan kapal laut, jemaah haji Indonesia dengan mudah berīhrām dari *mīqāt* yang ditentukan. Namun lain pula halnya bila berīhrām di atas pesawat terbang. Sebab yang dinamakan berīhrām adalah membuka

---

<sup>2</sup> Gelombang pertama maksudnya jemaah haji Indonesia yang langsung menuju Madinah untuk melaksanakan solat empat puluh waktu di Masjid Nabawi. Kemudiannyamereka menuju ke Makkah untuk umrah haji bagi yang melakukan Haji tamattuk.

<sup>3</sup> Maksudnya jemaah haji Indonesia yang terus pergi ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji dan umrah.

<sup>4</sup> Dalam hal ini pengkaji ingin memfokuskan masalah mengambil miqat di Jeddah. Lihat: Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji* (Jakarta: Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji, 2001), 18, 60.

<sup>5</sup> [www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah](http://www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah) menjadikan-jeddah-sebagai-miqat.htm

pakaian biasa kemudian diganti dengan dua helai kain putih sebagai pakaian resmi berih̄rām, tentunya agak sedikit menyusahkan bila dilakukan di dalam pesawat terbang, yang menjadi masalah bukan bermakna pilot tidak tahu tempat batas *mīqāt*, tetapi bagaimana memastikan bahawa sekian ratus penumpang di dalam pesawat yang sedang terbang tinggi di langit boleh berganti pakaian bersama pada satu titik tertentu, sementara untuk berpakaian ih̄rām semenjak dari Indonesia, sebetulnya boleh sahaja dilakukan, namun jaraknya masih terlalu jauh. Apabila ditarik garis lurus Jakarta-Makkah di peta google earth, sekitar 9.000 km jaraknya. Perjalanan ditempuh 8 sehingga 10 jam penerbangan tanpa henti.<sup>6</sup>

Para ulama sepakat bahawa *mīqāt* orang-orang yang tidak melalui salah satu yang telah ditetapkan Nabi SAW., maka ditetapkan berdasarkan ijtihad iaitu tempat yang segaris lurus dengan *mīqāt* terdekat yang dilaluinya, atau sekiranya tidak mengetahui *mīqāt* terdekatnya maka ditetapkan dengan dua marhalah (80,4 km).<sup>7</sup>

Pendapat di atas sejalan dengan prosedur tetap pengaturan pelaksanaan ibadat haji dan umrah oleh KEMENAG, iaitu setibanya jemaah di Jeddah menuju *Madīnah al-Hujjāj*/Wisma Haji dan kemudian mengenakan kain ih̄rām untuk diberangkatkan ke Makkah dengan niat umrah dari Jeddah.<sup>8</sup>

Pendapat pihak KEMENAG untuk menjadikan Airport King Abdul Aziz sebagai tempat *mīqāt* berpegang kepada beberapa pendapat berikut:

1. Pendapat Ibn Hajar menfatwakan bahawa jemaah haji yang datang dari arah Yaman boleh memulai ih̄rām setelah tiba di Jeddah kerana jarak Jeddah-

---

<sup>6</sup> Dr. H. Muhajirin Yanis, M.Pd.I.( Direktur Pembinaan haji dan umrah), 2014, temubual.

<sup>7</sup> Suara Muhammadiyah, bulan Zulqadāh 1422 H/Janurai 2002 M.

<sup>8</sup> Departemen Agama RI, *Pelayanan Efektif Petugas Haji* (Jakarta: Direktorat Pembinaan Haji, 2008), 32.

Makkah sama dengan jarak Yalamlam-Makkah. Demikian pula al-Niswylī Mufti Makkah dan lain-lain sepakat dengan Ibn Hajar ini.<sup>9</sup>

2. Menurut mazhab Mālikī dan Ḥanafī, jemaah haji yang melakukan dua *miqāt* memenuhi *ih̄rām*nya dari *miqāt* kedua tanpa membayar *dam*.<sup>10</sup>
3. Menurut Ibn Ḥazm, jemaah haji yang tidak melalui salah satu *miqāt* boleh *ih̄rām* dari mana dia suka, baik di darat mahupun di laut.<sup>11</sup>
4. Ibn Qudāmah mengatakan, barangsiapa perjalanannya tidak melalui *miqāt* yang telah ditetapkan Nabi SAW. maka *miqāt*nya adalah tempat segaris lurus dengan terdekat.<sup>12</sup>
5. Ibn Ḥumām mengatakan, barangsiapa yang berkendaraan laut atau darat yang tidak melalui salah satu *miqāt* yang ditetapkan Nabi SAW. maka wajib ber*ih̄rām* ketika berada di tempat yang berada segaris lurus dengan *miqāt* terakhir, dan jika tidak mengetahuinya maka jaraknya adalah 2 (dua) marhalah dari Makkah.<sup>13</sup>

---

<sup>9</sup> Al-Faṭānī, Zayn al-Dīn al-Malibārī, *Fath al-Mu'īn Sharḥ Qurrah al-'Ayn bi Muḥimmah al-Dīn* (cet. ke-1, Bairut: Dār al-Fikr, 1997), 343-344.

Yalamlam dikenali dengan sebutan "*al-Sa'diyyah*," iaitu *miqat*-nya penduduk Yaman dan negara-negara di sebelah selatan yang melewati arahnya iaitu negara-negara sebelah Asia. Jaraknya lebih kurang 95-100 km sebelah Selatan Makkah. Terletak berhampiran pantai Laut Merah. Di sana terdapat masjid kuno, tetapi setelah ada jalan tar yang menghubungkan Makkah dengan *Jazan* melauai *al-Laits*, maka agak susah sampai ke masjid tersebut. Oleh kerana itu, sebagai memudahkan para jemaah haji dan *mu'tamirīn*, dibangunkan masjid baharu di depan arah *miqat* sebelah Barat, atau kira-kira 21 km Barat Daya dari masjid lama, sehingga jaraknya dari Masjidil Haram sekitar 130 km. Luas masjid tersebut 25 x 25 m = 625 m<sup>2</sup> dan dapat menampung sekitar 1500 jemaah. Pembangunan menghabiskan kos lebih kurang RS 11 juta. (Muhy al-Din Abi Zakariyya Yahya bin Sharf al-Nawawi, *I'ānah al-Talibin*, Hashiyah: Sayyid al-Bakri bin Sayyid Muhammad Shata al-Dimyati (cet. ke-1, Dar al-Fikr, 1997), 2:343; Lihat: 'Abd al-Ghanī, Muḥammad Ilyās, *Tārīkh Makkah al-Mukarramah: Sejarah Makkah*, terj. Anang Rikza Mesyhadi (cet. ke-2, Madīnah al-Munawwarah: al-Rasheed Printers, t.t.), 34; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah* (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man, 1999), 10; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah* (cet. ke-1, Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Jabatan Haji Lembaga Tabung Haji, 2007), 55; Hafidz bin Md Daud Ridhuan, *Panduan Perjalanan Umrah Yang Tepat* (Kuala Lumpur: MDC Penerbit Pencetak SDN BHD, t.t.), 10).

<sup>10</sup> Al-Jazirī, 'Abd Raḥmān, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah* (t.tp.: Dār al-Irshād, t.t.), 1: 640.

<sup>11</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (cet. ke-3, Lubnan: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1977), 1: 658.

<sup>12</sup> Ibn Qudāmah, Muwaffiq al-Dīn Abū Muḥammad, Abdullah bin Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī bin Miqdām Ibn Abdullah al-Dimasyqi, *al-Mughnī wa al-Shaḥr al-Kabīr* (Syria: Dār al-Ma'arif, 1984), 3: 219.

<sup>13</sup> Ibn Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Ḥumam al-Dīn 'Abd al-Wahīd ibn Ḥamīd al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd ibn Sa'd al-Dīn Mas'ūd al-Siwāsī al-Iskandarī al-Qāhirī al-Ḥanafī. *Fath al-Qadīr li al-'Ajz al-Faqīr* (Bairut: Dār al-Fikr, 1997), 2: 426.

6. Mazhab Mālikī berpendapat bahawa penumpang kapal laut hendaknya berih̄rām ketika mendarat di pelabuhan sebagaimana yang datang dari Afrika Utara atau Mesir ketika sampai di Jeddah.<sup>14</sup>

Perkara di atas terbukti tiga kali Majlis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan fatwa mengenai dibolehkannya Airport King Abdul Aziz sebagai tempat untuk berih̄rām, iaitu 1980, 1981 dan 2006. Berikut petikan fatwa terakhir: Surat dari Ditjen Bimas Islam dan Urusan Haji Departemen Agama RI No. D/Hj. 00/2246/1996, tanggal 26 April 1996 tentang usul perbaikan Fatwa MUI mengenai ketentuan *mīqāt makānī* bagi jemaah haji Indonesia, alasannya adalah:<sup>15</sup>

1. Kerana jemaah haji Indonesia yang akan langsung ke Makkah tidak melalui salah satu *mīqāt makānī* yang telah ditentukan Rasulullah, oleh itu masalah *mīqāt* termasuk perkara *ijtihādiyyah*.
2. Mengukuhkan Keputusan Fatwa Komisi Fatwa tanggal 12 Jumadil Ula 1400 H/29 Maret 1980 mengenai *mīqāt makānī* bagi jemaah haji Indonesia, iaitu Bandara Jeddah (King Abdul Aziz) bagi yang langsung ke Makkah dan Bir Ali bagi yang lebih dahulu ke Madinah.
3. Dengan fatwa tersebut di atas tidak bererti menambah *mīqāt* baharu selain dari yang telah ditentukan Rasulullah SAW. Sebenarnya berih̄rām dari Jeddah (Bandara King Abdul Aziz) dengan alasan-alasan, antara lain seperti berikut:
  - a. Jarak antara Bandara Bandara King Abdul Aziz Jeddah dengan Makkah telah melampaui 2 (dua) marhalah. Kebolehan berih̄rām dari jarak seperti itu termasuk hal yang telah disepakati oleh para ulama.

---

<sup>14</sup> Yūsuf Al-Qarḏāwī, *100 Tanya Jawab Seputar Haji, Umrah dan Korban* (Qatar: Ihya' al-Turath al-Islami, 2003), 68.

<sup>15</sup> [www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah](http://www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah%20menjadikan-jeddah-sebagai-miqat.htm) menjadikan-jeddah-sebagai-miqat.htm

- b. Penggunaan mawaqit mansusah (dengan teori muhazah) menunjukkan bahawa pelaksanaan penggunaan *mīqāt* adalah masalah *ijtihādi*.
- c. Dengan prinsip *jalb al-Taysir* (menarik kemudahan) serta '*adam a-ḥaraj*' (menghilangkan kesukaran) maka Pelabuhan Udara King Abdul Aziz dapat dipandang sebagai tempat yang dapat memenuhi prinsip tersebut.

Menurut perkiraan para ahli, jarak antara Bandara King Abdul Aziz dan Jeddah adalah kurang lebih 2 (dua) marhalah. Maka para ulama menetapkan bahawa Bandara King Abdul Aziz transit di tempat dapat dijadikan sebagai *mīqāt* siapa sahaja yang singgap di tempat itu kerana tidak singgah ditempat-tempat yang telah ditentukan Nabi SAW. pendapat ini juga di dukung oleh Shaykh Mustafa al-Zarqa'.<sup>16</sup>

Salah satu ulama besar dan berpengaruh juga berpendapat bahawa bandar King Abdul Aziz di Jeddah boleh dijadikan tempat *mīqāt makānī* adalah Shaykh Mustafa al-Zarqa'. Maka dengan bahasa yang tegas beliau mengatakan bahawa orang yang datang dengan pesawat terbang tidak wajib melakukan *īḥrām*, kecuali setelah pesawat mendarat di daerah yang akan mereka tempuh dengan jalur darat. Kerana Bandara Internasional Jeddah terletak di dalam *mīqāt makānī* maka dari sana mereka harus memulai *īḥrām* kerana mereka disetarakan dengan penduduk Jeddah. Sekiranya bandara itu ada di Makkah, maka tempat *īḥrām* mereka adalah dari Makkah sama dengan penduduk Makkah. Menurut Shaykh Mustafa al-Zarqa' ketentuan *mīqāt makānī* *īḥrām* yang sudah ada nasnya tidak berlaku bagi orang yang naik pesawat. Jadi beliau menolak pendapat

---

<sup>16</sup> <http://www.fatwatarjih.com>. tim fatwa majlis *tarjih* dan tajdid pimpinan pusat muhammadiyah.

ulama yang mengatakan bahawa teks hadis mengenai *mīqāt makānī* berlaku lewat darat, laut mahupun udara.<sup>17</sup>

Dalam buku “*Historiografi Haji Indonesia*” karya M. Shaleh Putuhena memberikan keterangan yang jelas mengenai perkara yang membolehkannya mengambil *mīqāt makānī* dari Jeddah, iaitu: Sebelumnya, jemaah haji yang belum memakai pakaian *īhrām* di Yalamlam, berniat untuk umrah atau haji sambil mengenakan pakaian *īhrām*. Mereka memilih Jeddah sebagai *mīqāt makānī*,<sup>18</sup> kecuali jika setelah jemaah haji sampai di Jeddah tidak terus ke Makkah, tetapi menuju ke Madinah terlebih dahulu, maka *mīqāt makānī*nya sama dengan jemaah haji yang datang dari arah Madinah iaitu Zulhulaifah/Bir Ali.<sup>19</sup>

Adapun fatwa Shaykh Abdullah bin Zaid Alu Mahmud –Ketua Mahkamah Syariah dan Urusan Agama Negeri Qatar- membolehkan Jeddah sebagai *mīqāt* bagi para jemaah haji yang menggunakan pesawat terbang dan kapal laut.

PERSIS pula mempunyai pendapat yang berbeza dengan sistem yang diselenggarakan oleh KEMENAG. Ada dua *mīqāt makānī* yang boleh dilalui oleh jemaah haji dari Indonesia pada umumnya terutama yang menempuh jalur udara, iaitu: *Pertama*, Qarn al-Manāzil (al-Sayl): Bagi yang dijadualkan terus masuk ke Makkah dari

---

<sup>17</sup> Al-Zarqā', Muṣṭafā bin Aḥmad bin Muḥammad, *Fatwā Muṣṭafā al-Zarqā'* (cet. ke-3, t.tp: Dār al-Qalam, 2004), 177-194; Lihat: Al-Zarqā', Muṣṭafā bin Aḥmad bin Muḥammad, *al-'Aql wa al-Fiqh fī Fahm al-Hadīth al-Nabawī* (Qatar: Ihya' al-Turath al-Islami, 2002), 99.

<sup>18</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 190.

<sup>19</sup> Al-Maqdisī, Shams al-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥmān bin Abī 'Umar Muḥammad bin Aḥmad, *al-Sharḥ al-Kabīr 'alā Matn al-Mughnī* (Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.), 3:207-208; Ibn Hazm, *al-Mahalli*, 7:70-72.

Perkara di atas diperjelaskan lagi oleh Syekh Dawud al-Fathani dalam Kitabnya “*Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn*,” beliau mengatakan jika jemaah haji datang daripada pihak Yaman sebelah laut *miqat*-nya Yalamlam atau Jeddah, dan yang datang daripada pihak darat Yaman dan Hijaz *miqat*-nya Qarnul Manazil. (Lihat: Muhammad bin Isma'il Dawud al-Fatani, *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn* (t.tp.: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahd wa Awladihi, t.t.), 68).

Zulhulaifah atau Abiar Ali atau selalu disebut Bir Ali adalah *miqat* bagi orang-orang yang datang dari sebelah utara Makkah melalui Madinah. Tempat ini terletak hanya 10 kilometer dari Madinah dan 420-425 km jauhnya dari Makkah. (Lihat: Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 10; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 56; Hafidz, *Panduan Perjalanan Umrah Yang Tepat*, 10).



tanah air; *Kedua*, Zulhulaifah (Abyar Ali/Bir Ali): Bagi yang dijadualkan menziarahi Madinah terlebih dahulu. Selepas itu baharulah mereka masuk ke Makkah.<sup>20</sup>

Dalam hal ini, mereka memberikan penegasan bahawa bagi jemaah haji Indonesia yang tidak mengambil *mīqāt* di Qarn al-Manāzil atau di Hazwa<sup>21</sup> (garis sejajar) di antara dua *mīqāt*. Maka *mīqāt*nya dianggap tidak sah. Seperti ijthad ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb r.a., bermaksud:

“Setelah kedua negeri ini (Kuffah dan Basrah) menyerah, mereka datang kepada ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb dan berkata: Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya Rasulullah SAW. telah menetapkan Qarn al-Manāzil sebagai *mīqāt* bagi orang Najd tetapi itu terlalu jauh bagi kami, dan jika pergi ke Qarn al-Manāzil dahulu itu menyulitkan kami, Umar r.a. menjawab: Telitilah Hazwa (tempat sejajar) dengan Qarn al-Manāzil di jalan yang kamu lalui, maka ditetapkanlah Dhāt al-‘Irqīn sebagai *mīqāt* bagi mereka”.<sup>22</sup>

Adapun fatwa Majlis Ulama Besar Saudi Arabia No. 5730 tarikh 21/10/1399 H. membantah fatwa-fatwa atau pendapat-pendapat yang menyatakan Jeddah boleh dijadikan sebagai tempat *mīqāt*, terutama pendapat Shaykh Abdullah bin Zaid Alu Mahmud, Ketua Mahkamah Syariah dan Urusan Agama Negeri Qatar:

“Sesungguhnya fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh Abdullah bin Zaid Alu Mahmud yang membolehkan untuk menjadikan Jeddah sebagai *mīqāt* bagi para jemaah haji yang menggunakan pesawat terbang dan kapal laut adalah fatwa yang batil, kerana tidak merujuk kepada ayat al-Quran atau hadis Rasulullah SAW. dan ijmak para salaf

<sup>20</sup> Cara-cara seperti ini juga dilakukan oleh para jemaah dari Malaysia. (Lihat Lembaga Tabung Haji, *Ibid.*, 56; Johari Alias, *Ibid.*, 11-12.

<sup>21</sup> Pengertian “hadzwa” itu banyak seperti disebutkan dalam kamus-kamus antaranya: garis sejajar, searah, berdekatan, disisi, bertentangan dan lain-lain, baik horizontal mahupun vertical.

Penggunaan kaedah “hadzwa” ini bukan hanya berlaku pada masalah haji sahaja, tetapi juga masalah solat. (Lihat: Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa’i Ba’da Tawaf Ifadah* (cet. ke-2. Tasikmalaya: Thulab, 1997), 17).

<sup>22</sup> H.R. al-Bukhari, Lihat: Usman Shalehuddin, *Masa’il al-Hajj (Masalah-masalah Haji)*. (cet. ke-2, Bandung, t.t.), 14; Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji* (cet. ke-1 Bandung: Alqaprint Jatinangor, 2000), 14; Shiddiq Amien, *Ibid.*, 16-17.

umat ini, serta tidak pernah ada seorang pun di antara ulama muslimin yang mendahuluinya (dalam fatwa tersebut).

Tidak dibolehkan bagi mereka yang melewati atau melintasi salah satu dari *mīqāt-mīqāt* tersebut, baik melalui udara maupun lautan, (tidak dibolehkan bagi mereka) untuk melewati *mīqāt-mīqāt* tersebut tanpa ber*īḥrām*, sebagaimana hal tersebut dikuatkan oleh dalil-dalil dan ditetapkan oleh para ulama kaum muslimin”.

Majlis Bahtsul Masā'il Nahdlatul Ulama (NU), lembaga yang banyak mengurus fatwa terkini di kalangan nahdiyyin ini, dalam salah satu keputusannya menegaskan bahawa Bandara Jeddah tidak memenuhi ketentuan sebagai *mīqāt makānī* bagi jemaah haji Indonesia.<sup>23</sup>

Shaykh ‘Abd al-‘Azīz bin Bāzz berkata dalam kitabnya “*Tuḥfah al-Ikhwān bi Ajwibah Muhimmah Tata‘allaq bi Arkān al-Islām.*” Apabila pesawat yang membawa jemaah dari Syam atau Mesir turun di Jeddah, maka hendaklah pergi ke Rabigh untuk melakukan *īḥrām*. Begitu juga apabila jemaah dari Najd maka hendaklah ia pergi ke Shayil iaitu Lembah Qarn untuk melakukan *īḥrām*. Apabila melakukan *īḥrām* di Jeddah maka hendaklah membayar *dam* dengan menyembelih seekor kambing dan disedekahkan kepada fakir miskin.<sup>24</sup>

*Fatwā Lajnah Dāimah* Kerajaan Saudi Arabia mengatakan bahawa tidak syak bahawa Jeddah tidak termasuk *mīqāt*. Siapa yang mengakhirkannya sehingga ke Jeddah, maka ia telah melewati *mīqāt* menurut hukum syarak, kerana itu dia wajib membayar *dam*. Demikian juga hal yang sama pendapat *Fatwā Majma' Fiqh al-Islāmī*, tidak boleh menjadikan Jeddah sebagai *mīqāt makānī* bagi jemaah haji dan umrah baik

<sup>23</sup> [www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah](http://www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah) menjadikan-jeddah-sebagai-miqat.htm

<sup>24</sup> Ibn Bāzz, ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allah. *Tuḥfah al-Ikhwān bi Ajwibah Muhimmah Tata‘allaq bi Arkān al-Islām* (cet. ke-1 Kerajaan Arab Saudi: Menteri Agama dan Ketua Majlis Tertinggi Agama Islam, 1423), 281.

melalui udara, darat dan laut, demikian juga bagi mereka yang tidak membawa kain *ih̄rām*, maka mereka juga tidak boleh mengakhirkkan *ih̄rām* sehingga ke Jeddah.<sup>25</sup>

Dengan keterangan-keterangan di atas jelaslah bahawa orang yang akan melaksanakan haji atau umrah tidak disahkan masuk kecuali melalui *mīqāt-mīqāt* itu dari arah terdekat yang tidak menyusahkan. Qarn al-Manāzil adalah berupa bukit yang terletak lebih kurang 94 km sebelah timur Makkah, dan tidak tepat bila digambarkan berupa sebuah batasan. Kerana ber*ih̄rām* dari Qarn al-Manāzil bukan berupa hal yang sulit apalagi dengan IPTEK (Ilmu Pengetahuan dan Teknologi) sekarang ini.

Mereka mengatakan bahawa jemaah haji yang mengambil *mīqāt* dari Jeddah seperti jemaah haji Indonesia yang diselenggarakan oleh KEMENAG adalah tidak sah kerana mengambil *mīqāt* dari tempat yang bukan ditentukan oleh *shāri'*, kecuali jika ia kembali ke *mīqāt* yang telah dilalui itu.<sup>26</sup>

Begitu juga halnya dengan jemaah haji dari Malaysia, menurut mereka Jeddah bukan merupakan *mīqāt* bagi jemaah haji yang datang dari arah Asia, khususnya dari Indonesia dan Malaysia, dan bagi mereka dikenakan *dam tertīb* dan *taqḍīr*.<sup>27</sup>

Shaykh 'Abd al-'Azīz bin Bāzz berkata: "Adapun Jeddah iaitu *mīqāt* bagi ahli Jeddah dan juga orang-orang yang asing yang telah bermukim di sana apabila mereka

---

<sup>25</sup> [www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah](http://www.rumahfiqih.com/x.php?id=1374133717&=bolehkah) menjadikan-jeddah-sebagai-miqat.htm.

<sup>26</sup> Perkara ini diumpamakan seperti jemaah yang berihlal (memasang niat) di Mina pada hari Tarwiyah, kerana Mina di luar Tanah Haram. Apabila ihlal haji dibolehkan di Mina, bagaimana halnya orang yang mengambil nafar awal pada waktu matahari terbenam dia masih di Mina. Apabila ihlal haji di Mina dibenarkan, maka orang yang mengambil nafar awal ketika maghrib masih ada di Mina pun diperbolehkan pulang ke Makkah. (Lihat: Sāmiḥ, 'Abd al-Muḥsin bin Muḥammad al-Khālid bin 'Isā al-'Aṣīrī, dan Yūsuf bin 'Abd Allāh al-Khātī, *al-Bida' wa al-Mukhālafah fī al-Ḥajj* (cet. ke-1, Kerajaan Arab Saudi: Menteri Agama dan Ketua Majlis Tertinggi Agama Islam, 1427), 31; Al-Faṭānī, *Fath al-Mu'īn*, 343; Ikin Shadikin, "Ihram Haji Yaumu Tarwiyah di Mina," dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 506; Usman Shalehuddin, *Masa'il al-Hajj*, 9; Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa'i*, 20, 22).

<sup>27</sup> 'Abd Allah al-Qari bin Hj. Salleh, *Bagaimana Nabi SAW Berhaji dan Berumrah*, (cet. ke-1, Kelantan: Pustaka Asa Kenali, 1984), 27; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah* (cet. ke-12, Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Lembaga Tabung Haji, 2006), 51-52; Ibn Bāzz, 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allah, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah* (cet. ke-4, Kerajaan Arab Saudi: Menteri Agama dan Ketua Majlis Tertinggi Agama Islam, 1420), 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Bazz, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah* (cet. ke-4, Kerajaan Arab Saudi: Menteri Agama dan Ketua Majlis Tertinggi Agama Islam, 1420), 59.

ingin menunaikan ibadat haji dan umrah. Adapun menjadikan Jeddah sebagai ganti bagi Yalamlam adalah tiada dasarnya sama sekali. Barang siapa yang melalui Yalamlam dan meninggalkan *īḥrām* di sana kemudian mengambil *īḥrām* di Jeddah maka wajib ke atasnya *dam*. Begitu juga bagi yang melewati semua *mīqāt* yang bertujuan untuk menunaikan ibadat haji dan umrah; kerana *mīqāt* mereka adalah Yalamlam, dan kerana jarak antara Makkah dan Yalamlam lebih jauh daripada jarak antara Jeddah dan Makkah.”<sup>28</sup>

Dalam petikan “*Akḥbār al-‘Ālam al-Islāmī*” disebutkan:

“Satu arahan tertinggi telah dikeluarkan supaya tidak menjadikan Jeddah sebagai *mīqāt* untuk ber*īḥrām* bagi mereka yang menaiki kapal udara atau kapal laut sebagai menyokong fatwa yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Tertinggi Ulama-ulama dan *Ṣāḥib al-Samāḥah* Ketua Besar, Pejabat Fatwa, Bimbingan dan Penyelidikan Ilmiah Kerajaan Arab Saudi yang menegaskan bahawa *mīqāt* bagi *īḥrām* adalah seperti yang diketahui.”<sup>29</sup>

Hadis Ibn ‘Abbās riwayat al-Ṭabrānī, yang bermaksud: “*Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: Janganlah kalian melewati mīqāt kecuali dengan īḥrām.*”<sup>30</sup>

Adapun masalah jemaah haji yang melalui *mīqāt* tetapi tidak berniat *īḥrām*, terdapat juga perbezaan pendapat antara KEMENAG dengan PERSIS.

Menurut KEMENAG, tidak boleh melalui *mīqāt* tanpa melakukan *īḥrām*. Kalau melaluinya tetapi tidak ber*īḥrām*, maka wajiblah ia kembali agar melakukan *īḥrām* di sana. Apabila tidak kembali lagi, hajinya tetap sah, tetapi harus membayar *dam* dan berdosa kalau tiada halangan untuk kembali. Tetapi jika mendapat halangan kerana

---

<sup>28</sup> Ibn Bazz, *Ibid.*, 59.

<sup>29</sup> *Akḥbār al-‘Ālam al-Islāmī*, 18 Februari 1980 ( 2 Rabi‘ al-Thani 2, 1400H.), 21.

<sup>30</sup> Lihat: Al-Haythamī, Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr, *Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id* (Bairut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 3:219.

khuatir di jalan, atau kerana waktu yang sangat mendesak, maka dia tidak berdosa. Baik masih ada lagi *miqāt* yang akan dilaluinya atau tidak.<sup>31</sup>

Jika ber*ih*rām setelah melalui *miqāt*, terdapat beberapa pendapat:<sup>32</sup>

- a. Wajib baginya membayar *dam*, adakah ia kembali lagi ke *miqāt* atau tidak. Itu adalah pendapat Imam Mālik, Imam Ibn Mubārak, dan Imam Aḥmad.<sup>33</sup>
- b. Menurut kalangan mazhab Syafii, jika kembali lagi ke *miqāt*, ia tidak dikenakan denda kecuali sudah menunaikan amalan/ibadat, seperti tawaf dan wuquf. Untuk itu, ia tetap harus membayar *dam*. Pendapat ini dipegang oleh Imam al-Thawrī, Imam Abū Yūsuf, Muḥammad, dan Abū Thawr.<sup>34</sup>
- c. Menurut pendapat Imam Abū Ḥanīfah, jika ia kembali lagi ke *miqāt* lalu mengucapkan niat umrah atau haji, ia tidak wajib membayar *dam*. Namun jika tidak membaca talbiyah untuk niat umrah atau haji, ia harus membayar *dam*.<sup>35</sup>

---

<sup>31</sup> Perkara ini telah dibahas secara panjang lebar pada dalam bab sebelumnya (bab 3), dalam pembahasan “Niat Ihram dari Miqat.” Lihat juga: Muhammad Jawad Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab: Ja’fari, Hanafi, Maliki, Syafii, Hambali*, terj. Masykur A.B., Afif Muhammad dan Idrus al-Kaff (cet. ke-7, Jakarta: Penerbit Lentera, 2008), 226; Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 18-19; Al-Bashanfar, Sa’id bin ‘Abd al-Qādir, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah* (cet. ke-1, Bairut: Dār Ibn Ḥazm, 2003), 88.

<sup>32</sup> Rujuk perkara ini dalam bab sebelumnya (bab 3), menerusi pembahasan “Niat Ihram dari Miqat.”

<sup>33</sup> Lihat: Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Rushd al-Qurtubī al-Andalusī Ibn Rushd al-Ḥāfiẓ, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Bairut: Dār al-Fikr, 1995), 1:260,299; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata’allaq bi Aḥkām al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 53; Al-Bardha’ī, Abī Sa’id Khalaf bin Abī al-Qāsim Muḥammad al-Azdi al-Qayruwani, *al-Tahdhīb fī Ikhtishār al-Mudawwanah*, ed. Abū al-Ḥasan Aḥmad Farīd al-Mazīdī (t.tp.: t.p., t.t.), 1:194.

<sup>34</sup> Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 51; Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf, *I’ānah al-Ṭālibīn*, ḥāshiyah: Sayyid al-Bakrī bin Sayyid Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī (cet. ke-1, t.tp: Dār al-Fikr, 1997), 2:344; Al-Rāfi’ī, Abī al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.), 7:89-90; Ibn Rushd, *Ibid.*, 299.

<sup>35</sup> Muhammad Amin Ibn ‘Abidin, *Hashiyah Radd al-Mukhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar Sharḥ Tanwir al-Absar fi Fiqh Madhhab al-Imam Abi Hanifah al-Nu‘man* (Bairut: Dar al-Fikr, 1995), 2: 501; Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 88. Lihat: Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:501, 719; Al-Samarqandī, ‘Alā’ al-Dīn. *Tuḥfah al-Fuqahā’* (cet. ke-2, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 1:395-396; Ibn Rushd, *Ibid.*, 299; Muḥammad Khāṭir, “Mujāwazah al-Mīqāt Dūna Iḥrām wa Ramy al-Jamarāt,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyya al-Barri (Mesir: Dār al-Iftā’, 1980), 209.

Sedangkan apabila berniat ihram sebelum sampai di *miqat*, berkata Ibn Mundhir: “Para ahli telah sepakat bahawa orang yang memulakan *ihram* sebelum sampai di *miqat*, *ihram*-nya itu sah. Ada juga yang mengatakan hukumnya *mubah* ada pula yang mengatakan *makruh*.” (Lihat: Sayid Sābiq, *Ibid.*, 719 ).

Pendapat ini disokong juga oleh al-Naylī seorang Mufti Makkah, al-Fāqih Aḥmad Balhaj dan Ibn Ziyād al-Yamānī.

Sedangkan menurut pendapat PERSIS bahawa setiap orang yang melalui salah satu (*mīqāt*) dan ia bermaksud menunaikan haji atau umrah maka tidak halal ia melalui (*mīqāt*) itu kecuali ia telah berīḥrām. Jika tidak berīḥrām dari tempat itu, maka tiada īḥrām baginya, tiada haji dan umrah baginya, kecuali ia kembali ke *mīqāt* yang telah ia lalui itu, lalu ia niat īḥrām dari sana, maka sahlah pada saat itu īḥrām haji dan umrahnya.<sup>36</sup>

Pendapat ini disokong oleh Imāmiyah, bahawa barang siapa yang meninggalkan īḥrām di *mīqāt* dengan sengaja, sedangkan dia mahu melaksanakan haji atau umrah, dan tidak kembali lagi, dan di hadapannya tiada *mīqāt* lain yang boleh melakukan īḥrām dari tempat tersebut, maka īḥrām dan hajinya terbatal, baik kerana ada uzur atau tidak.<sup>37</sup>

Sekiranya meninggalkannya kerana terlupa dan masih berkesempatan jika ingin kembali, maka hendaklah dia kembali. Tetapi jika tidak, maka hendaklah berīḥrām dari *mīqāt* yang ada di hadapannya. Jika tidak juga, maka seboleh mungkin dari luar Tanah Haram, atau dari dalamnya dengan mendahulukan yang kedua.<sup>38</sup>

Walaupun demikian, KEMENAG dan PERSIS mempunyai persamaan bagi orang-orang yang tinggal di Makkah dan juga bakal-bakal haji yang telah sedia berada di Makkah sebelum waktu haji dimulakan. *Mīqāt* haji mereka ialah di kampung

---

<sup>36</sup> Usman Shalehuddin, *Masa'il al-Hajj*, 11; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 51-52; Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa'i*, 15; Ahmad Sharbasi, *Yas'alūnak fī al-Dīn wa al-Hayah* (t.tp.: Dar al-Jayl, 1980), 1:175; Ibn Bāzz, 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allah, *al-Taḥqīq wa al-Idāh li Kathīr min Masā'il al-Ḥajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah* (cet. ke-22, Makkah: Menteri Urusan Agama, Waqaf, Da'wah dan Irshad, 1425), 18.

<sup>37</sup> Atfisi, Muḥammad bin Yūsuf bin 'Īsa. *Sharḥ al-Nayl wa Shifā' al-'Alīl* (t.tp.: Maktabah al-Irshād, t.t.), 27, Kitab ke-6, Bab: al-Mawaqit fi al-Hajj, 27.

<sup>38</sup> Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab*, 226-227.

halaman mereka atau di Makkah. Tetapi untuk ḥrām umrah ialah di luar kawasan Tanah Haram Makkah seperti Tan'im atau Ja'ranah.<sup>39</sup>

Demikian pula dengan jemaah haji tamattuk. Setelah selesai tahalul umrah, mereka pergi ke Madinah. Apabila mereka masuk Makkah sebelum hari Tarwiyah, maka ihlal hajinya di tempat kediaman masing-masing, tetapi apabila masuk Makkah setelah hari Tarwiyah maka ihlal hajinya di Dhū al-Hulayfah/Bir Ali (*mīqāt* yang dilaluinya).<sup>40</sup>

Apabila yang berpergian kembali ke Makkah setelah masuk waktu Maghrib dan masih berada di luar *mīqāt*, maka ia wajib berḥrām dari *mīqāt* yang dilaluinya. Tetapi apabila telah masuk *mīqāt* sebelum maghrib, maka ia wajib berḥrām di mana ia sedang berada.

Mengenai mandi dan sembahyang sunat ḥrām, terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS.

Menurut KEMENAG, perkara itu adalah disunatkan. Pendapat ini disokong oleh Ṭāwūs, Nakhā'i, Mālik dan Syafii.<sup>41</sup> Menurut pendapat Zāhiriyyah hukum mandi ḥrām adalah wajib.<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup> Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 57; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 11; Mughniyah, *Ibid.*, 225-226; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:653.

Iaitu tempat yang paling dekat dengan Makkah untuk berihram. Jarak Tan'im dengan Makkah sekitar 2-3 mil, dan dinamakan Tan'im kerana disebelah kanannya Gunung Tan'im dan sebelah kirinya Gunung Na'im. Sedangkan Ja'ranah ialah sebidang tanah atau suatu negeri Ja'ranah. Iaitu suatu tempat antara Makkah dan Ta'if. Ja'ranah dinasabkan kepada Rithah bintu Sa'din. (Atfisi, *Sharḥ al-Nayl wa Shifā' al-'Alīl*, Kitab ke-6, Bab: al-Mawaqit fi al-Hajj, 25).

<sup>40</sup> Taufiq Rahman Azhar, "Keluar Miqat Bagi Muhrim Setelah Tahalul Bagi Tamattuk," dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 604, 610-611, 613; Lihat: Usman Shalehuddin, "Jadwal Kepulangan Tiba Sebelum Tawaf Ifadah Kerana Haid," dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 490.

<sup>41</sup> Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 23; Al-Sharbini, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad. *Al-Iqnā' fī Ḥill Alfāz Abī Shujjā'* (t.tp.: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 1:234; Ibn Bāzz, *Tuḥfah al-Ikhwān*, 249, 266; Al-Bardha'i, *al-Tahdhīb fī Ikhtisār al-Mudawwanah*, 1:186; Al-Maqdisi, *al-Sharḥ al-Kabīr*, 3:224-225; Jadd al-Haqq 'ala Jadd al-Haqq, "A'mal al-Hajj wa al-'Umrah," dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyya al-Barri (Mesir: Dar al-Iftā', 1980), 198; Atfisi, *Sharḥ al-Nayl wa Shifā' al-'Alīl*, Kitab ke-6, Bab: al-Mawaqit fi al-Hajj, 13, dan dalam Bab: Fi Kayfiyyah al-Ihram, 37, 38, 39, 40; Al-Murtaḍā, Aḥmad bin Yahyā, *Tāj al-Madhhab li Aḥkām al-Madhhab* (t.tp.: Dār al-Kitāb al-Islāmi, t.t.), 146; Al-Hadhli, Ja'far

Sebagaimana sabda Nabi SAW:

أَتَانِي اللَّيْلَةَ آتٍ مِنْ رَبِّي فَقَالَ: صَلَّى فِي هَذَا الْوَادِي الْمُبَارَكِ ، وَقُلَّ عُمْرَةً فِي حَجَّةٍ.

Ertinya: “Telah datang kepadaku pada malam hari kesempatan dari Tuhanku, dan Dia berfirman: Solatlah di lembah yang diberkati ini, dan katakalah: umrah dalam ibadat haji (haji tamattuk).”<sup>43</sup>

Sementara menurut PERSIS, hanya mandi *ih̄rām* sahaja yang disunatkan.<sup>44</sup>

Sebagaimana dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Zayd bin Thābit r.a. berkata: Saya melihat Nabi SAW mandi dan mengganti pakaian untuk *ih̄rām*.”<sup>45</sup>

Sementara solat dua rakaat sebelum *ih̄rām* tiada, kerana yang dilakukan oleh Nabi SAW bukan solat sebelum *ih̄rām*, melainkan solat Zohor yang *diqas̄ar*.<sup>46</sup> Pendapat ini disokong oleh Ibn al-Qayyim al-Jawzī, beliau mengatakan: Yang dimaksudkan dengan solat dua rakaat itu adalah solat Zohor, bukan sunat *ih̄rām*.<sup>47</sup>

---

bin al-Ḥasan, *Sharāi' al-Islām fī Masā'il al-Ḥalāl wa al-Ḥarām* (t.tp.: Mu'assasah Maṭbū'ah Ismailyan, t.t.), 37; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah*, 11; Salim bin Muhammad al-Juhani, (1997), *Lebih dari 1000 Kesalahan dalam Melaksanakan Haji dan Umrah: Aktar min 1000 Khaṭa' fī al-Hajj wa al-'Umrah*, terj. Huseni A. Baraja ( cet. ke-1, t.tp.: CV Pustaka Mantiq, 1997), 29-30.

<sup>42</sup> Atfisi, *Ibid.*, Kitab ke-6, Bab: al-Mawaqit fi al-Hajj, 13, dan dalam Bab: Bab: Fi Kayfiyyah al-Ihram, 38.

<sup>43</sup> H.R. Imam al-Bukhari, dalam: *Sahih al-Bukhari*, Juz. 1, Kitab al-Hajj, Bab Qawl al-Nabi (al-'Aqiq Wadi al-Mubarak, no. 1461. H.R. Imam Ibn Mājah, dalam: *Sunan Ibn Mājah*, Juz. 2, Kitab al-Manasik, Bab Tamatta' bi al-'Umrah ila al-Hajj, no. 2976. H.R. Imam Abi Dawud, dalam: *Sunan Abi Dawud*, Juz. 1, Kitab al-Manasik, Bab fi al-Iqran, no. 1800.

<sup>44</sup> Jumhur ulama berpendapat bahawa mandi sunat ihram adalah sunat. Imam Malik berpendapat hukumnya sunat, malah lebih utama daripada mandi sunat jumaat. Ulama ahl zahir pula berpendapat hukumnya wajib. Sementara menurut Imam Abu Hanifah mandi boleh diganti dengan wuduk. (Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:270; Al-Qayruwani, Abū Muḥammad 'Abd Allah bin Abī Zayd, *Risālah Ibn Abī Zayd al-Qayruwani* (Bairut: al-Maktabah al-Thiqāfiyyah, t.t.), 364; Al-Bardha'i, *al-Tahdhīb fī Ikhtisār al-Mudawwanah*, 1:186; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah*, 11.

<sup>45</sup> H.R. Imam al-Tirmidhi, lihat: Al-Tirmidhi, Abū 'Īsā, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* (Makkah: Dār al-Bazz, t.t.), 3:193.

<sup>46</sup> Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa'i*, 23-24; Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 16; Ibn Bāzz, *Tuḥfah al-Ikhwān*, 266.

<sup>47</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād* (Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah, 1406), 107.



Dalam perbahasan ini, kesimpulan yang dapat diambil bahawa ada dua pandangan yang cukup ketara dalam masalah *mīqāt makānī* iaitu antara KEMENAG dan PERSIS.

Menurut KEMENAG, dalam masalah *ihlāl* dari *mīqāt makānī*, bagi jemaah haji Indonesia yang terus menuju ke Madinah, kemudian menuju ke Makkah untuk umrah haji bagi yang melakukan haji tamattuk *mīqāt makānī*nya adalah Bir Ali. Bagi yang terus ke Makkah, maka *mīqāt makānī*nya adalah di Qarn al-Manāzil atau di King Abdul Aziz International Airport Jeddah (KAAIA), atau di asrama haji tanah air. Sedangkan menurut PERSIS, bagi jemaah haji Indonesia yang terus menuju ke Makkah, dan tidak mengambil *mīqāt* di Qarn al-Manāzil atau di Hazwā (garis sejajar) di antara dua *mīqāt* maka *mīqāt*nya dianggap tidak sah. Dan tiada perbezaan dari dua fahaman tersebut bagi jemaah yang terus menuju ke Madinah, maka *mīqāt makānī*nya adalah Bir Ali.

Dalam persoalan melalui *mīqāt* tanpa *īhrām*, KEMENAG berpendapat, apabila melaluinya tanpa *berīhrām*, maka wajiblih ia kembali agar melakukan *īhrām* di sana. Apabila tidak kembali lagi, hajinya tetap sah, tetapi harus membayar *dam*, dan berdosa kalau tiada halangan untuk kembali. Tetapi jika mendapat halangan kerana kkuatir di jalan, atau kerana waktu yang sangat mendesak maka dia tidak berdosa. Baik masih ada lagi *mīqāt* yang akan dilaluinya atau tidak. Sementara menurut pendapat PERSIS, setiap orang yang melalui salah satu (*mīqāt*) dan ia bermaksud menunaikan haji atau umrah maka tidak halal ia melalui (*mīqāt*) itu kecuali telah *berīhrām*, dan jika tidak *berīhrām* dari tempat itu, maka tidak sah *īhrām* ibadat haji dan umrahnya, kecuali ia kembali ke *mīqāt* yang telah dilalui, lalu niat *īhrām* dari sana.

Dalam masalah solat dan mandi sunat *īhrām*, KEMENAG menghukumkan sunat dilakukan sebelum *īhrām*. Sementara PERSIS menghukumkan mandi sahaja yang disunatkan.

Apabila diteliti secara lebih mendalam dari kedua-dua pendapat di atas, KEMENAG nampak lebih lentur dan elastis dalam menanggapi fenomena yang berlaku, kerana keadaan jemaah haji yang semakin bertambah. Maka diperlukan langkah berjaga-jaga agar tidak terjadi hal-hal yang tidak diinginkan dalam pengurusan jemaah, tetapi PERSIS tetap pada pendirian mereka bahawa bagi jemaah haji yang tidak mengambil *miqāt* di Qarn al-Manāzil atau di Hazwā (garis sejajar) di antara dua *miqāt* maka *miqāt*nya dianggap tidak sah. Dalam hal ini pengkaji lebih cenderung dengan pendapat kedua, kerana apabila *miqāt* di Qarn al-Manāzil atau di Hazwā masih memungkinkan bagi jemaah haji dan belum sampai pada tahap darurat untuk *miqāt* di Jeddah atau di Asrama Haji Indonesia, maka wajib baginya untuk *miqāt* di Qarn al-Manāzil atau di Hazwā.

### 5.2.2 Ramal antara Safa dan Marwah

Mengenai *al-ramal*, terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS. Menurut KEMENAG *ramal* adalah sunat bagi lelaki, berdasarkan hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad, Muslim dan al-Nasā’ī:

فَبَدَأَ بِالصَّفَا فَرَقِيَ عَلَيْهِ حَتَّى رَأَى الْبَيْتَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ ثُمَّ نَزَلَ إِلَى الْمَرْوَةِ حَتَّى أَنْصَبَتْ  
قَدَمَاهُ فِي بَطْنِ الْوَادِي حَتَّى إِذَا صَعِدْنَا مَشَى حَتَّى أَتَى الْمَرْوَةَ.

Ertinya: “Nabi SAW memulakan dari *Şafā* dan beliau menaikinya hingga melihat Ka’bah dan menghadap *Qiblat*, kemudian turun menuju *Marwah* hingga *Batn al-Wādī* (tengah lembah) beliau berlari-lari anak, hingga bila kami naik dari lembah itu beliau berjalan (biasa) hingga di *Marwah*.”<sup>48</sup>

Menurut Imam al-Shāfi’ī, “Dalam hadis ini disunatkan bagi orang mengerjakan *sa’i* berlari-lari anak di *Batn al-Wādī* hingga mendaki, lalu jalan biasa hingga di

<sup>48</sup> H.R. Imam Muslim, dalam *Sahih Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Hajj, Bab Hujjah al-Nabi, no. 1218.

*Marwah* sebagaimana jalan biasa seseorang. *Al-raml* ini *mustahab* (disunatkan) pada setiap pusingan dari ketujuh pusingan *sa'ī* pada tempat tersebut di atas. Ada pun jalan biasa adalah sebelum *Wādī* (lembah) dan sesudahnya. Tetapi walaupun hanya jalan biasa sahaja atau *al-raml* pada keseluruhannya itu sudah memadai, namun akan bererti melewati (keutamaan).<sup>49</sup>

Dan hadis Rasulullah SAW dari Ibn 'Umar r.a.:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا طَافَ بِالْبَيْتِ الطَّوَّافَ الْأَوَّلَ حَبًّا ثَلَاثًا وَمَشَى أَرْبَعًا.

Ertinya: Dari Ibn 'Umar r.a., beliau berkata, "Rasulullah SAW jika beliau tawaf di Baitullah, tawaf yang pertama (tawaf *qudūm*), beliau berlari-lari anak pada tiga pusingan pertama dan berjalan biasa pada empat pusingan berikutnya."<sup>50</sup>

Imam al-Nawāwī dalam kitabnya "*Sharḥ Muslim*" menyebutkan:

عَنْ أَبِي الطُّفَيْلِ: قُلْتُ لِأَبْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ قَوْمَكَ يَزْعُمُونَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَمَلَ بِالْبَيْتِ وَبَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ وَهِيَ سُنَّةٌ. قَالَ: صَدَقُوا وَكَذَّبُوا.

Ertinya: Dari *Abū Ṭufayl*, "Aku bertanya kepada Ibn 'Abbās, sesungguhnya kaummu menyangka bahawa Rasulullah SAW berlari-lari anak di Baitullah dan antara *Ṣafā* dan *Marwah* padahal itu *sunat*." Kata Ibn 'Abbās, "Mereka benar dan mereka dusta."<sup>51</sup>

<sup>49</sup> Al-Ṣhawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin Abdullah al-Shawkānī al-Ṣan'ānī. *Nayl al-Awṭār* (Bairut: Dār al-Fikr, 1994), 5:56.

<sup>50</sup> H.R. Imam al-Bukhari, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Hajj, Bab Man Tafa bi al-Bayt Idha Qadama Makkah, no. 1538. H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Hajj, Bab Istihbāb al-Raml fī al-Ṭawāf al-'Umrah, no. 1261.

<sup>51</sup> Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Bairut: Dār al-Fikr, 1972), 9:11. H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitāb al-Ḥajj, Bāb: Istihbāb al-Raml fī al-Ṭawāf al-'Umrah, no. 1264. H.R. Imam Abī Dāwūd, dalam: *Sunan Abī Dāwūd*, Juz. 1, Kitab al-Manasik, Bab: fī al-Raml, no. 1885.

Pendapat KEMENAG yang mengatakan sunat hukumnya melakukan *ramal* pada tiga pusingan pertama tawaf dan *sa'ī* disokong pula oleh jumhur ulama seperti Imam Syafii, Imam Abū Ḥanīfah, Imam Aḥmad, Imam Mālik, Ishāq dan Abū al-Thawrī.<sup>52</sup> Sementara menurut pendapat Zāhiriyyah hukumnya wajib.<sup>53</sup>

Ketika tawaf *qudūm* dan umrah, juga disunatkan *ittibā'*,<sup>54</sup> sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Aslām dari 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb r.a. bahawa beliau melakukan *ramal* dan *ittibā'*. Lalu beliau ditanya: Mengapa tuan *ramal* dan *ittibā'*, sedangkan orang-orang musyrikin sudah diusir oleh Allah (dari Tanah Haram Makkah)? 'Umar menjawab:

لَا نَدْعُ شَيْئًا كُنَّا نَفْعَلُهُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Ertinya; “Sememangnya benar, tetapi kami tidak akan meninggalkan apa yang kami telah lakukan pada zaman Rasulullah SAW.”<sup>55</sup>

Berdasarkan dalil-dalil di atas, jelas bahawa *ramal* menurut KEMENAG adalah sunat bagi lelaki pada tawaf *qudūm* (bagi yang melakukan haji ifrad dan qiran) dan umrah yang pertama (bagi yang melakukan haji tamattuk), dan juga antara dua tanda hijau ketika *sa'ī* antara *Ṣafā* dan *Marwah*.<sup>56</sup>

<sup>52</sup> Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:270; Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id Ibn Hazm, *al-Maḥallī*, ed. Shaykh Ahmad Muhammad Shakir (t.tp. Dar al-Fikr, t.t.), 7:97.

<sup>53</sup> Lihat: Ibn Rushd, *Ibid.*, 96.

<sup>54</sup> Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr 'alā Matn al-Mughnī*, 3:387; 'Aṭīyyah Shaqar, “Anwā' al-Ṭawāf wa Shurūtuḥu wa Sunanuhu,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhār*, ed. Zakariyya al-Barri (Mesir: Dār al-Iftā', 1980), 363.

<sup>55</sup> H.R. Abū Dāwūd, dalam: Ibn al-Qayyim, *Tahdhīb Sunan Abī Dāwūd*, Kitab al-Manasik, Bab fī al-Raml, no. 1886. H.R. Imam al-Bayhaqī, dalam: Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl*, Jilid. 5, Kitab al-Ḥajj, Bab al-Raml, no. 12530.

<sup>56</sup> Lihat: Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 45. Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah* (cet. ke-2, Kuala Lumpur: al Furqan Enterprise, 2007), 11, 12, 19, 68, 69.

Sedangkan PERSIS berpendapat, *ramal* di Baitullah dan antara *Ṣafā* dan *Marwah* adalah dilakukan oleh Rasulullah SAW tetapi bukan sunat, sama halnya dengan tawaf atau *sa'ī* dengan kendaraan.<sup>57</sup>

Pendapat ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ṭāwūs, daripada Ibn ‘Abbās r.a. mengatakan:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: إِذَا سَعَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْبَيْتِ وَبَيْنَ الصَّغَا وَالْمَرْوَةِ لِيُرِيَ الْمُشْرِكِينَ قُوَّتَهُ.

Ertinya: Dari Ibn ‘Abbās berkata: “Rasulullah SAW tidak ramal di Baitullah mahupun antara *Ṣafā* dan *Marwah*, kecuali untuk menunjukkan kekuatannya kepada musyrikin.”<sup>58</sup>

Tatkala yang datang musyrikin dari arah Qu’ayqian, Rasulullah SAW memerintahkan para sahabatnya agar *ramal*, sabdanya:

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ إِزْمَلُوا بِالْبَيْتِ ثَلَاثًا وَلَيْسَ بِسُنَّةٍ.

Ertinya: Telah berkata Rasulullah SAW kepada sahabatnya: “*Ramal-lah* kalian di Baitullah tiga kali tapi bukan sunat.”<sup>59</sup>

A. Hassan mengatakan: “...lalu kita jalan seperti jalan biasa menuju *Marwah*, hingga bila sampai di satu tanda hijau dekat dengan tembok Masjid al-Harām, lalu kita berjalan biasa pula hingga *Marwah*, lalu kita naik ke bukit *Marwah*....”<sup>60</sup>

<sup>57</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawzī, ‘*Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd* (Madinah: t.p., 1968), 5:338; Ibn Hazm, *al-Mahallī*, 7:96.

<sup>58</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 3, Kitab al-Maghazi, Bab ‘Umrah al-Qada’, no. 4010. H.R. Imam Tirmidhī, dalam *Sunan al-Tirmidhī wa Sharḥ al-‘Ilal*, Jilid. 2, Bab ma Ja’a fi al-Sa’i bayna Ṣafā wa a-Marwah, no. 864. H.R. Imam al-Nasā’ī, dalam *Ḥāshiyah al-Sanadī ‘alā al-Nasā’ī*, Jilid. 5, Kitab Manasik al-Hajj, Bab al-Sa’i bayna al-Ṣafā wa al-Marwah, no. 2970.

<sup>59</sup> H.R. Abū Dāwūd, dalam *Sunan Abī Dāwūd*, Juz. 1, Kitab al-Manāsik, Bab fī al-Raml, no. 1885; Al-Ābādī, Muḥammad Shams al-Ḥaq al-‘Azīm, ‘*Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd* (Madinah: t.p., 1968), Kitab al-Manāsik, Bab fī al-Raml, no. 1885; Ibn al-Qayyim, *Tahdhib Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Manāsik, Bab fī al-Raml, no. 1885.

Menurut A. Hassan pula, “Menurut fatwa ulama, bahawa perempuan tidak berlari-lari *ramal* waktu tawaf dan *sa’i*, tetapi keterangan bagi fatwa itu tidak terdapat di dalam hadis-hadis atau riwayat-riwayat.”<sup>61</sup>

PERSIS mengecualikan *ramal* pada haji *wadā’*, ulama sepakat hukumnya sunat menurut hadis Muslim dari Jabir dengan *matan* (redaksi) yang panjang. Imam al-Khātibī mengatakan, “Dengan hadis itu Nabi SAW menetapkan sunat kepada sesuatu sebab, dan sunat itu tetap ada, walaupun sebabnya telah tiada.”<sup>62</sup>

Secara kesimpulan, KEMENAG menghukumkan *ramal* sama ada tawaf di Baitullah mahupun *sa’i* antara *Şafā* dan *Marwah* adalah sunat. Sementara PERSIS berpendapat bahawa *ramal* bukan sunat tetapi hukumnya mubah dilakukan.

Jika diteliti, walaupun masing-masing berpendapat bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat KEMENAG, kerana dalil yang dikemukakan oleh PERSIS tidak cukup kuat jika dibandingkan dengan sandaran KEMENAG. Terutamanya jika dilihat dari segi *sanad*, *matan* ataupun *perāwī* hadisnya.

### 5.2.3 Sa’i Selepas Tawaf Ifāḍah

Sebagaimana maklum, setelah jemaah haji melontar jamrah aqabah dan tahalul awal pada 10 Zulhijah, maka jemaah haji kembali ke Makkah untuk melaksanakan tawaf *ifāḍah*, tetapi masalahnya apakah ada *sa’i* atau tidak setelahnya? Dalam masalah ini terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS.

Menurut KEMENAG, sesudah tawaf *ifāḍah*, hendaklah melakukan *sa’i* antara bukit *Şafā* dan *Marwah*. Menurut jumhur ulama, jika melakukan haji tamattuk, maka

---

<sup>60</sup> Ahmad Hassan Bandung, *Risālatul Ḥajj* (Bangil: Persatuan Islam bahagian Pustaka, 1955), 15.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 46.

<sup>62</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawzī, *‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, 5: 341.

*sa'i* itu dinamakan “*sa'i* haji.” Sedangkan *sa'i* yang mula-mula datang dahulu dinamakan “*sa'i* umrah.” Bagi yang melakukan haji ifrad atau haji qiran dan sudah pun melakukan tawaf *qudūm* (tawaf selamat datang) ketika mula-mula sampai di Makkah, lalu melakukan pula *sa'i* antara *Şafā* dan *Marwah* sesudah tawaf *qudūm* itu. Maka kedudukan *sa'i* ini adalah “*sa'i* haji.” Bagi mereka ini tidak perlu melakukan *sa'i* sekali lagi setelah tawaf *ifāḍah*.<sup>63</sup> Tetapi sebaliknya jika sesudah tawaf *qudūm* lalu mereka tidak melakukan *sa'i*, maka tidak sah hajinya kecuali dengan melakukan *sa'i* hajinya sesudah tawaf *ifāḍah* tersebut.<sup>64</sup>

Berkata ‘Abd al-‘Azīz bin Bāzz dalam kitabnya “*Tuḥfah al-Ikhwān bi Ajwibah Muhimmah Tata‘allaq bi Arkān al-Islām*,” bagi jemaah yang melakukan haji tamattuk wajib ke atasnya melakukan dua kali *sa'i*, iaitu *sa'i* bersama tawaf umrah dan *sa'i* bersama tawaf haji. Ini kerana telah ditetapkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās, bahawasanya orang-orang yang bertahalul daripada umrah dan bersenang-senang, maka bagi mereka dua kali *sa'i*. Salah satunya bersama tawaf umrah dan dan keduanya bersama dengan tawaf haji. Sedangkan bagi jemaah yang melakukan haji dengan cara qiran baginya satu kali *sa'i* sahaja. Apabila ia dahulukan bersama tawaf *qudūm* maka memadai, dan apabila ia mengakhirkan *sa'i* bersama tawaf haji juga memadai. Ini adalah pendapat kebanyakan ahli ilmu.<sup>65</sup>

#### Perkara di atas berdasarkan dalil hadis Rasulullah SAW:

<sup>63</sup> Dijelaskan dalam kitab “*Fath al-Mu‘īn*,” bahawa hukumnya adalah makruh. (Lihat: Al-Faṭānī, *Fath al-Mu‘īn*, 328; Ibn Hazm, *al-Maḥallī*, 7:174; Ibn Bāzz, *Tuḥfah al-Ikhwān*, 253.

<sup>64</sup> Al-Zūhaylī, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (cet. ke-4, Damshiq: Dār al-Fikr, 1997), 3:2152; Muhammad bin Idris al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, ed. Rif‘at Fawzi Abd al-Muttalib (cet. ke-1, Mansurah, Mesir: Dār al-Wafā’, 2001), 3:563; Zayn al-Dīn al-Malibārī, *Ibid.*, 327-328; Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī*, 3:423, 466-467; Al-Sharbinī, *al-Iqnā’ fi Ḥill Alfāz Abī Shujjā’*, 1:233; Jadd al-Ḥaqq ‘alā Jadd al-Ḥaqq, “A’māl al-Ḥajj wa al-‘Umrah,” 198; Ibn Bāzz, *al-Taḥqīq wa al-Iḍāḥ li Kathīr min Masā’il al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 59-60, 61; Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah*, 52; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 128,143,145,163,165; Lihat: Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 52, 54, 55, 63, 74; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 93; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 119,125,127; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:713,714, 715, 716. Untuk lebih jelas, sila rujuk dalam bab 3, perbincangan “Hukum Sa’i Ba’d Tawaf Ifāḍah.”

Dalam mazhab Hanafi, orang yang berhaji *qiran* wajib melakukan dua kali *sa'i*, iaitu *sa'i* setelah tawaf *qudum* dan *sa'i* setelah tawaf *ifadah*. Lihat penjelasan dalam masalah ini dalam Al-Bashanfar, *al-Mughnī fi al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 107.

<sup>65</sup> Ibn Bāzz, *Tuḥfah al-Ikhwān*, 253.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ مُتَعَةِ الْحَجِّ فَقَالَ أَهْلَ الْمُهَاجِرُونَ وَالْأَنْصَارِ وَأَزْوَاجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوُدَاعِ وَأَهْلَلْنَا فَلَمَّا قَدِمْنَا مَكَّةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اجْعَلُوا إِهْلَالَكُمْ بِالْحَجِّ عُمْرَةً إِلَّا مَنْ قَلَّدَ الْهُدْيَ فَطُفْنَا بِالْبَيْتِ وَبِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ وَأَتَيْنَا النَّسَاءَ وَلَبِسْنَا الثِّيَابَ وَقَالَ مَنْ قَلَّدَ الْهُدْيَ فَإِنَّهُ لَا يَحِلُّ لَهُ حَتَّى يَبْلُغَ الْهُدْيَ مَحَلَّهُ ثُمَّ أَمَرْنَا عَشِيَّةَ التَّرْوِيَةِ أَنْ نُحِلَّ بِالْحَجِّ فَإِذَا فَرَعْنَا مِنَ الْمَنَاسِكِ جِئْنَا فَطُفْنَا بِالْبَيْتِ وَبِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ.

Ertinya: *Dari Ibn ‘Abbās r.a., bahawa ia pernah ditanya mengenai haji tamattuk. Ia menjawab, “Telah berihram kaum Muhajirin, Ansar dan isteri-isteri Nabi SAW pada haji wada’, maka kami pun berihram. Tatkala kami tiba di Makkah, Rasulullah SAW bersabda, ‘Jadikanlah haji kalian umrah, kecuali yang telah membawa hadyu (dari luar Makkah)’. Kami tawaf di Baitullah dan sa’i antara Şafā dan Marwah, lalu kami campuri isteri-isteri kami dan kami pakai pakaian (biasa) kami. Kemudian beliau (Rasulullah) bersabda, ‘Barang siapa yang membawa hadyu, maka ia tidak boleh tahalul sehingga hadyu itu sampai di tempat sembelihan’. Kemudian beliau memerintahkan pada hari Tarwiyah agar kami berihram haji. Tatkala kami selesai dari manasik, kami datang dan kami tawaf di Baitullah dan sa’i antara Şafā dan Marwah.*”<sup>66</sup>

Hadis tersebut di atas diperkuatkan lagi oleh hadis dari ‘Ā’ishah r.a., bermaksud:

عن عائشة قالت: خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حُجَّةِ الْوُدَاعِ، فَأَهْلَلْنَا بِعُمْرَةٍ، ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَنْ كَانَ مَعَهُ هَدْيٌ فَلْيَهْلُ بِالْحَجِّ مَعَ الْعُمْرَةِ، ثُمَّ لَا يَحِلُّ حَتَّى يَحِلَّ مِنْهُمَا جَمِيعًا). فَقَدِمْتُ مَكَّةَ وَأَنَا حَائِضٌ، وَلَمْ أَطْفِ بِالْبَيْتِ وَلَا بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ، فَشَكَوْتُ ذَلِكَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: (انْقِضِي رَأْسَكَ، وَامْتَشِطِي، وَأَهْلِي بِالْحَجِّ، وَدَعِي الْعُمْرَةَ). فَفَعَلْتُ، فَلَمَّا فَضَيْنَا الْحَجَّ، أُرْسَلَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ إِلَى التَّنْعِيمِ، فَأَعْتَمَرْتُ، فَقَالَ: (هَذِهِ مَكَانُ عُمْرَتِكَ). قَالَتْ: فَطَافَ الَّذِينَ كَانُوا أَهْلًا بِالْعُمْرَةِ بِالْبَيْتِ، وَبَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ ثُمَّ حَلُّوا، ثُمَّ طَافُوا طَوَافًا وَاحِدًا بَعْدَ أَنْ رَجَعُوا مِنْ مَنَى، وَأَمَّا الَّذِينَ جَمَعُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ، فَإِنَّمَا طَافُوا طَوَافًا وَاحِدًا.

<sup>66</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam *Şahīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Ḥajj, Bab Qawl Allāh Ta’ālā: Dhālika Liman lam Yakun Ahluhu Ḥādir al-Masjid al-Haram, no. 1497. H.R. Imam Abī Dāwūd, dalam: *Sunan Abī Dāwūd*, Kitab al-Manasik, Bab Ṭawāf al-Qarīn, No. 1896.



Ertinya: “Dari ‘Ā’ishah, berkata, kami keluar bersama Rasulullah SAW pada haji wadā’, kami iḥrām untuk umrah, lalu Nabi bersabda, barang siapa yang membawa hadyu maka ihramalah untuk haji dan umrah, dan tidak boleh tahalul sebelum selesai keduanya (haji dan umrah). Aku datang ke Makkah sementara aku sedang haid, tatkala selesai ibadat haji kami, Nabi mengirim saya bersama ‘Abd al-Rahman ke Tan’im lalu aku umrah, lalu tahalul, sesudah itu mereka tawaf lagi setelah kembali dari Mina. Adapun mereka yang menyatakan antara haji dan umrah (yang qiran) mereka tawaf satu kali.”<sup>67</sup>

Al-Hāfiẓ Ibn Hajar berkata dalam kitabnya “*Fath al-Bārī*,” Imam Ibn Abū Shaybah telah meriwayatkan dari sahabat Ibn ‘Umar r.a. dengan sanad sahih:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ: إِذَا طَافَتْ ثُمَّ حَاضَتْ قَبْلَ أَنْ تَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَلْتَسْعَ.

Ertinya: Dari sahabat Ibn ‘Umar r.a. dengan sanad sahih, ia berkata, “Jika seorang perempuan telah selesai menunaikan tawaf, kemudian dia haid dan dia belum menunaikan sa‘i antara Ṣafā dan Marwah, maka laksanakanlah sa‘inya itu.”<sup>68</sup>

Adapun yang dimaksudkan tawaf dalam hadis ini adalah tawaf *ifāḍah*, dan kewajiban melaksanakan sa‘i setelah tawaf *ifāḍah* adalah suatu kemestian. Bagi seseorang yang melaksanakan haji tamattuk, dan juga yang melaksanakan tawaf *quḍūm* apabila belum melaksanakan sa‘i pada tawaf *quḍūm*.

Kesimpulan menurut mazhab Syafii, seperti yang dijelaskan oleh al-Nawāwī dalam kitabnya “*al-Majmū’*” yang juga merupakan pendapat KEMENAG, bahawa tidak boleh melakukan sa‘i kecuali setelah menunaikan tawaf *quḍūm* atau tawaf *ifāḍah*.

<sup>67</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Ḥajj, Bab Kayf Taḥillu al-Hayd wa al-Nufasa’, No. 1481.

<sup>68</sup> Al-‘Asqalānī, al-Imām al-Hāfiẓ Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin bin Muḥammad bin Ḥajar, *Fath al-Bārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (cet. ke-1, Kaherah: Dār al-Hadīth, 1998), 3:505.

Pendapat ini ada persamaannya dengan amalan ibadat haji yang dilaksanakan oleh Lembaga Tabung Haji Malaysia.<sup>69</sup>

Berikutnya dalil dalam pelaksanaan ibadat haji ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās (iaitu sama dengan dalil bagi pendapat KEMENAG yang menerangkan adanya *sa‘i* setelah tawaf *ifādah*. Namun di dalamnya terdapat ketidakjelasan (*rukākah*) yang menuntut jalan keluar agar hadis ini dapat diamalkan.

Terdapat keraguan mengenai Ibn ‘Abbās, adakah beliau sendiri turut serta melaksanakan haji tamattuk sebagaimana yang dikatakannya? Atau ia hanya menceritakan pelaksanaan haji tamattuk sahabat-sahabat lain?

Malah, turut serta ataupun tidak dalam pelaksanaan haji tamattuk tersebut, tetap tidak dapat menghapus ketidak jelasannya, di mana ia mengatakan: “...*kami campuri isteri-isteri kami, dan kami pakai pakaian (biasa) kami.*”

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mengatakan: Perkataannya, “*kami mencampuri isteri-isteri kami*” yang dimaksudkan adalah bukan *mutakallim* (yang membicarakan dirinya sendiri), kerana saat itu Ibn ‘Abbās belum baligh dan masih baharu berumur 12 tahun.<sup>70</sup>

Pendapat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī ini, tidak memberikan jalan keluar, bagaimana *damīr* yang sama pada *وَأَتَيْنَا النِّسَاءَ* dan *وَلَبِسْنَا النِّيبَابَ* salah satunya bukan *mutakallim*?

Pendapat seperti ini, dilontarkan pula oleh Badr al-Dīn al-‘Aynī: “Sedangkan Ibn ‘Abbās tidak termasuk didalamnya, kerana waktu itu ia belum dewasa, dan hanyalah ia menceritakan itu dari mereka (sahabat-sahabat lain yang melaksanakan).”<sup>71</sup>

---

<sup>69</sup> Lihat: Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 128, 143, 145,163,165; Lihat: Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 52, 54, 55, 63, 74; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 93; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 119, 125, 127.

<sup>70</sup> Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 3:530; Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa‘i*, 33.

Pendapat ini pun tidak memberikan jalan keluar, kerana jelas *ḍamir* yang digunakan *mutakallim ma‘a al-ghayr* (yang membicarakan dirinya sendiri dengan yang lain).<sup>72</sup>

Selain itu, riwayat Ibn ‘Abbās di atas bertentangan dengan fatwanya sendiri:

وَرَوَى أَحْمَدُ قَالَ: ثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ قَالَ ثَنَا الْأَوْزَى عَنْ عَطَاءٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: الْقَارُنُ وَالْمَتَمَتِعُ وَالْمُفَرَّدُ يُجْزِيهِ طَوَافٌ بِالْبَيْتِ وَسَعْيٌ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ.

Ertinya: *Imam Ahmad meriwayatkan, ia berkata, “Telah menceritakan kepada kami Walīd bin Muslim, ia berkata, ‘Telah menceritakan kepada kami al-Awzā dan ‘Aṭā’ dari Ibn ‘Abbās, bahawa ia mengatakan, ‘Yang melaksanakan haji qiran, tamattuk dan ifrad, cukup baginya satu kali tawaf di Baitullah dan satu kali sa‘i antara Ṣafā dan Marwah.’”*<sup>73</sup>

Nasir al-Dīn al-Bānī dalam bukunya “*Hajjah al-Nabiy*” memberikan pendapat mengenai kekuatan hafazan sahabat Jābir dalam meriwayatkan hadis dari yang lain, katanya: “Sebagaimana dikatakan oleh al-Nawāwī, dia (Jābir) adalah sahabat yang terbaik susunan riwayatnya mengenai haji *wadā’*, dan sesungguhnya ia menerangkan dari semenjak Nabi SAW keluar dari Madinah hingga selesai pelaksanaan ibadat haji dan umrah. Dia lebih *ḍābiṭ* (kuat hafazannya) daripada yang lainnya.”<sup>74</sup>

Kerana itu lebih sesuai untuk mengamalkan hadis riwayat Muslim dari Jābir bin ‘Abd Allah yang lebih jelas tanpa ada kesamaran di dalamnya. Selain itu, Jābir bin ‘Abd Allah dengan terang menceritakan perjalanan manasik haji tamattuk beliau sendiri bersama kebanyakan para sahabat ketika itu.

<sup>71</sup> Usman Shalehuddin, *Masailul Haji*, 26-27.

<sup>72</sup> Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa‘i*, 34.

<sup>73</sup> *Ibid.*, lihat: Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharf, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd et al (cet. ke-1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 9:116.

<sup>74</sup> Lihat: Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa‘i*, 35.

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُهْلَيْنِ بِالْحُجِّ مَعَنَا النِّسَاءُ وَالْوِلْدَانُ فَلَمَّا قَدِمْنَا مَكَّةَ طُفْنَا بِالْبَيْتِ وَبِالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَقَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهُ هَدْيٌ فَلْيُحْلِلْ. قَالَ: قُلْنَا: أَيُّ الْحِلِّ قَالَ: الْحِلُّ كُلُّهُ قَالَ: فَأَتَيْنَا النِّسَاءَ وَلَبَسْنَا الثِّيَابَ وَمَسَسْنَا الطَّيْبَ فَلَمَّا كَانَ يَوْمَ التَّرْوِيَةِ أَهَلَّلْنَا بِالْحُجِّ وَكَفَّانَا الطَّوَافُ الْأَوَّلُ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ.

Ertinya: *Dari Jābir r.a. berkata: “Kami keluar bersama Rasulullah SAW berihram haji, bersama kami terdapat perempuan-perempuan dan anak-anak. Maka tatkala kami sampai di Makkah, kami tawaf di Baitullah dan sa‘i antara Şafā dan Marwah. Maka Rasulullah SAW bersabda kepada kami, “Barangsiapa yang tidak membawa hadyu (dari luar Makkah) maka tahalullah.” Ia bertanya, Tahalul yang mana?’ Beliau menjawab, ‘Tahalul seluruhnya’. Ia (Jābir) berkata, ‘Maka kami campuri isteri-isteri kami dan kami pakai pakaian kami dan kami pakai wangi-wangian’. Maka tatkala hari Tarwiyah (tarikh 8 Zulhijah) kami berihram untuk haji dan kamu cukupkan tawaf (sa‘i) yang pertama antara Şafā dan Marwah.”<sup>75</sup>*

Menerusi hadis ini, Jābir bin ‘Abd Allah menerangkan haji tamattuk yang beliau laksanakan bersama sahabat-sahabat yang lainnya (kerana tidak membawa *hadyu* dari luar Makkah) dengan satu *sa‘i* setelah tawaf *qudūm* dan tidak *sa‘i* lagi setelah tawaf *Ifādah*. Jābir adalah antara sahabat yang menyertai perjalanan haji Rasulullah SAW semenjak dari Madinah, berdasarkan ucapan beliau: *“Kami berangkat bersama Rasulullah SAW berihram haji.”*

Malah di dalam riwayat lain Jābir mengatakan: Abū al-Zubayr berkata:

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: لَمْ يَطْفِئِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا أَصْحَابُهُ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ إِلَّا طَوَافًا وَاحِدًا.

<sup>75</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Şahīh Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Manāşik, Bab Bayān Wujūh al-Ihrām, no. 1213; Al-Nawāwī, *Sharḥ Şahīh Muslim*, 8:161.

Ertinya: “*Dari Jābir berkata, Nabi dan para sahabatnya tidak melakukan tawaf antara Ṣafā dan Marwah (sa ‘i) kecuali satu kali.*”<sup>76</sup>

Keterangan Jābir ini sekali gus menerangkan perjalanan manasik secara keseluruhan: qiran, tamattuk dan ifrad, yang seluruhnya hanya satu kali *sa ‘i*.<sup>77</sup>

Jika digabungkan antara hadis Ibn ‘Abbās (dalil KEMENAG) dengan hadis Jābir (dalil PERSIS) yang kedua, sekiranya masih berkemungkinan kerana masih mengandungi *iḥtimāliyyāt* (kemungkinan), siapakah yang dimaksudkan dengan “*Aṣḥābuhu*” dalam hadis tersebut. Apakah sahabat yang ikut qiran dengan Nabi (Ṭalḥah dan ‘Alī) atau seluruh sahabat lainnya, yakni Jābir dan sebahagian besar sahabat yang tamattuk.

Tetapi jika digabungkan dengan hadis Jābir yang pertama, jelas tidak mungkin, kerana hadis tersebut *ṣarīḥ* (jelas), hadisnya *fi ‘liyyah* (perbuatan Nabi) yang hanya dikerjakan satu kali oleh Nabi SAW.<sup>78</sup>

Ringkasnya, menurut PERSIS adalah sama ada haji ifrad, haji qiran mahupun haji tamattuk, masing-masing hanya satu kali *sa ‘i*, ertinya tiada *sa ‘i* setelah tawaf *Ifādah*.<sup>79</sup>

---

<sup>76</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab Bayan anna al-Sa‘i la Yukarrir, No. 1279. H.R. Imam Abī Dāwūd, dalam: *Sunan Abī Dāwūd*, Juz. 1, Kitab al-Manasik, Bab Tawaf al-Qarīn, no. 1895. H.R. Imam al-Nasā‘ī, dalam: *Sunan al-Nasā‘ī*, Juz. 5, Kitab Manasik al-Ḥajj, Bab Kam Ṭawāf al-Qarīn wa al-Tamattu’ bayna al-Ṣafā wa al-Marwah.

<sup>77</sup> Keterangan Jabir ini sekali gus menerangkan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas: *Dari Ibn ‘Abbas r.a., dari Nabi SAW bahawa beliau telah bersabda, “Ini adalah Umrah yang kami bersenang-senang dengannya, maka barangsiapa yang tidak membawa hadyu (dari luar Makkah), hendaklah ia tahalul, tahalul seluruhnya, dan sesungguhnya umrah telah masuk dalam haji sampai hari kiamat.”* (H.R. Abī Dāwūd)

Dan hadis sebegini, masih dari Ibn ‘Abbas terdapat pula dalam riwayat Muslim: *Dari Ibn ‘Abbas r.a. telah berkata, “Telah bersabda Rasulullah SAW, ‘Ini adalah umrah yang kita bersenang-senang padanya, maka siapa yang tidak membawa hadyu, maka tahalul-lah seluruhnya. Kerana sesungguhnya umrah telah masuk ke dalam haji sampai hari kiamat.’* (H.R. Muslim)

Kedua-dua hadis di atas menunjukkan, haji tamattuk adalah satu sistem, walaupun ada tahalul umrah, kerana umrah haji tamattuk itu, dilaksanakan pada bulan-bulan haji. Iaitu tidak sah haji tamattuk bila umrah-nya dilaksanakan bukan pada bulan-bulan haji. Dengan demikian, apabila kita berihram umrah untuk haji tamattuk, tidak sah haji tamattuk itu bila tidak tahalul umrah.

<sup>78</sup> Shiddiq Amien, *Tanya Jawab Tentang Miqat dan Sa‘i*, 33.

Secara kesimpulan, KEMENAG berpendapat bahawa adanya *sa'ī* setelah tawaf *Ifāḍah*, sedangkan menurut PERSIS tiada *sa'ī* setelah tawaf *Ifāḍah*.

Dalam hal ini pengkaji lebih cenderung kepada pendapat KEMENAG kerana dalil-dalil yang dikemukakan cukup kuat dan dapat diterima sebagai dasar hukum. Sedangkan bantahan dari PERSIS yang menyatakan tiada *sa'ī* setelah tawaf *Ifāḍah* adalah lemah.

#### 5.2.4 Tarikh Keberangkatan Jemaah Haji Tamattuk ke Mina

*Tarwiyah* ialah orang-orang yang memberi unta mereka minum dengan sebanyak-banyaknya, dan mereka pula membawa air sebanyak-banyaknya, kerana di Mina tiada sumber air.<sup>80</sup>

Dan yang dimaksudkan dengan “*yawm tarwiyah*” ialah hari kelapan dari Zulhijah.<sup>81</sup> Iaitu orang-orang yang memberi unta mereka minum dengan sebanyak-banyaknya, dan mereka pula membawa air sebanyak-banyaknya, kerana di Mina tiada sumber air. Dan juga dinamakan *yawm tarwiyah* ialah hari perpindahan, kerana manusia berpindah dari Makkah ke Mina.<sup>82</sup>

Mengenai waktu dan tempat keberangkatan para jemaah haji ke Arafah terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dengan PERSIS, adakah pada 8 Zulhijah atau 9 Zulhijah? Adakah berangkat daripada Makkah atau Mina?

---

<sup>79</sup> Lihat: Keputusan Dewan Hisbah “*Sa'ī* Setelah Tawaf *Ifāḍah* Bagi yang Haji Tamattuk,” dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 463; *Ibid.*, 25; Lihat juga: Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī*, 3:423.

<sup>80</sup> Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, 5:60.

<sup>81</sup> Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muḥadhdhab*, 9:123; Lihat pada nota kaki dalam Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:716; Untuk lebih jelas, rujuk pada bab sebelumnya dalam masalah yang sama.

<sup>82</sup> Al-Nawawi, *Ibid.*, 121.

Ulama KEMENAG berpendapat bahawa pada tarikh 8 Zulhijah (hari Tarwiyah) jemaah haji berangkat dari Makkah terus menuju ke Arafah, dan tidak perlu ke Mina.

Sandaran KEMENAG berdasarkan pendapat para ulama, seperti Imam al-Shawkānī, bahawa dibolehkan berangkat segera ke Arafah sebelum hari Tarwiyah pada satu atau dua hari sebelumnya khusus bagi orang yang sakit, lanjut usia, wanita dan orang-orang yang takut bersesak-sesakan, sebagaimana dibolehkan terlambat hingga keesokan hari pada hari ke sembilan, dengan catatan harus sampai di Arafah ketika tergelincirnya matahari.<sup>83</sup>

Adapun menurut pendapat Shaykh Muḥammad Jawad Mughniyah bahawa tiada seorang pun dari ulama mazhab fiqh yang berpendapat dengan mewajibkan bermalam di Mina pada malam Arafah, atau mewajibkan melakukan sesuatu perbuatan di sana. Malah al-‘Allāmah al-Ḥillī dalam “*al-Tadhkirah*” berpendapat: Bermalam pada malam Arafah di Mina disunatkan untuk beristirahat, bukan untuk beribadat. Dan orang yang meninggalkannya tidak diwajibkan apa-apa.<sup>84</sup>

Ungkapan al-‘Allāmah al-Ḥillī dengan perkataan *istirāḥah* merupakan ringkasan dari keterangan yang panjang dan luas, dan keterangan tersebut sudah memadai. Tujuan bermalam di Mina adalah supaya setibanya di Arafah memiliki semangat yang tinggi. Maka apabila jemaah harus bermalam di Makkah pada malam Arafah kemudian esok paginya datang ke Arafah dengan melintasi Mina, atau setelah solat Zohor sebagaimana biasa dilakukan oleh para jemaah haji pada umumnya maka tetap diberi pahala dan di anggap memadai.<sup>85</sup>

---

<sup>83</sup> Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab*, 264; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 156; ‘Ja’far bin al-Hasan, *Sharā’i’ al-Islām fī Masā’il al-Ḥalāl wa al-Ḥarām*, 54.

<sup>84</sup> Mughniyah, *Ibid.*, 264.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 264-265.

Shaykh Muhammad Jawad dan al-Hilli mengatakan: “Pada 8 Zulhijah, jemaah haji berpakaian *ihram* (niat) haji bagi yang melaksanakan haji tamattuk di khemah masing-masing. Sedangkan bagi yang melaksanakan haji ifrad dan qiran tidak perlu berniat haji lagi kerana masih dalam keadaan *ihram* semenjak *miqat* saat tiba, setelah itu berangkat ke Arafah.”<sup>86</sup>

Mereka juga menegaskan bahawa, sebahagian besar ulama mengatakan sunat hukumnya mabit di Mina pada malam Tarwiyah 8 Zulhijah. Sebahagian yang lain menganjurkan agar lebih mengutamakan wuquf di Arafah yang merupakan rukun utama ibadat haji.<sup>87</sup>

Dr. M. Shaleh Putuhena menjelaskan dalam bukunya, “*Historiografi Haji Indonesia*,” pada 7 Zulhijah, jemaah haji Indonesia mula menuju Arafah untuk melaksanakan wuquf. Semuanya mengenakan pakaian *ihram*. Petugas Konsulat Belanda yang terdiri atas wakil konsul dan stafnya, serta doktor masuk dalam rombongan pertama ini. Jemaah haji terakhir tiba di Arafah pada 8 Zulhijah.<sup>88</sup>

Ustaz Idris mengatakan: Pada waktu Subuh 8 hari bulan Zulhijah, iaitu pada hari Tarwiyah, bersiap-siaplah dari rumah masing-masing dengan memakai kain *ihram*

---

<sup>86</sup> Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji* (Jakarta: Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2002), 31; Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah*, 35-36; Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 30; Pimpinan Pusat Persatuan Islam, Bidang Garapan Bimbingan Haji dan Umrah, *Petunjuk Praktis Haji Tamattuk* (cet. ke-16, Bandung: CV. Karya Ihsan, 2008), 20; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:716.

<sup>87</sup> Departemen Agama RI, *Ibid.*, 33.

<sup>88</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 194; A.K. Widjoatmodjo, “Verslag Hadj 1356” ( Suatu laporan tentang pelaksanaan ibadat haji, t.tp.t.t.), 11; Lihat surat dari Vice Consul kepada Zaakgelastigde der Nederlanden di Jeddah, Makkah 29 Mac 1934 tentang haji 1352.



untuk wuquf di padang Arafah sambil memasang niat di dalam hati dan membaca: لبيك

اللهم حجاً yang artinya: “*inilah aku ya Allah, aku hendak mengerjakan haji.*”<sup>89</sup>

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: لَبَيْكَ عُمْرَةً وَحَجًّا.

Ertinya: *Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Inilah aku ya Allah, aku hendak mengerjakan umrah dan haji.”*<sup>90</sup>

Adapun pendapat PERSIS bahawa jemaah haji berangkat menuju ke Mina pada hari Tarwiyah tarikh 8 Zulhijah, sebelum berangkat ke Arafah<sup>91</sup> berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Jābir:

لَمَّا كَانَ يَوْمَ التَّرْوِيَةِ تَوَجَّهُوا إِلَى مِئَةِ، فَأَهْلُوا بِالْحَجِّ، وَرَكِبَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فِيهَا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ وَالْفَجْرَ، ثُمَّ مَكَثَ قَلِيلًا حَتَّى طَلَعَتِ الشَّمْسُ.

Ertinya: “*Ketika hari Tarwiyah para jemaah berangkat menuju ke Mina, dan mereka berniat menunaikan haji dan Rasulullah SAW menaiki*

<sup>89</sup> Idris Ahmad, *Fiqh Syafi'i* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd, 2006), 1:468; Lihat: Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 47; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 163; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 103.

<sup>90</sup> H.R. Imam Muslim, dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab fī al-Ifrād wa al-Qirān bi al-Ḥajj wa al-'Umrah, No. 1232.

<sup>91</sup> Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:277; Muḥammad Ibn 'Abd al-Wahāb. *Mukhtaṣar Zād al-Ma'ād* (cet. ke-2, Kaherah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1987), 118; Al-Samarqandī, *Tuḥfah al-Fuqahā'*, 1:404; Muḥammad bin Idris al-Shāfi'ī, *al-Umm*, 3:547; Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 3:2278; : Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amin. *Ḥāshiyah 'alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār fī Fiqh Madhhab al-Imām Abī Ḥanīfah al-Nu'mān* (Bairut: Dār al-Fikr, t.t.), 2:554; Al-Qayruwani, *Risālah Ibn Abī Zayd al-Qayruwani*, 370-371; Al-Bardha'ī, *al-Tahdhīb fī Ikhtisār al-Mudawwanah*, 1:205; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah*, 101; Al-Ḥasanī, 'Alawī bin 'Abbās al-Mālikī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām* (cet. 1. Bairut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2008), 106.

kenderaan; Maka beliau pun solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh, kemudian berhenti sebentar sehingga terbit matahari...<sup>92</sup>

Dan dari Nāfi‘ yang diriwayatkan oleh Imam Mālik:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ ابْنَ عُمَرَ كَانَ يُصَلِّي الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ وَالصُّبْحَ بِمِنَى ثُمَّ يَعْدُو إِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ إِلَى عَرَفَةَ.

Ertinya: Bahawa ‘Abd Allah bin ‘Umar r.a. solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh di Mina, setelah terbit matahari berangkat ke Arafah.<sup>93</sup>

Kemudian Imam Mālik mengatakan:

وَالْأَمْرُ الَّذِي لَا اخْتِلَافَ فِيهِ عِنْدَنَا أَنَّ الْإِمَامَ لَا يَجْهَرُ بِالْقُرْآنِ فِي الظُّهْرِ يَوْمَ عَرَفَةَ.

Ertinya: Menurutku sesuatu yang tiada ikhtilāf (perbezaan pendapat) di situ ialah, bahawa imam tidak menjaharkan bacaan al-Quran (mengeraskan seperti pada solat Subuh) pada solat Zohor di hari Arafah.<sup>94</sup>

Imam Mālik menghukumkan makruh bagi yang tidak mabit di Mina pada hari Tarwiyah, atau lebih awal berangkat ke Mina sebelum hari Tarwiyah, dan lebih awal berangkat ke Arafah sebelum hari Arafah.<sup>95</sup>

<sup>92</sup> H.R. Imam Muslim, dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:886-892. Kitab: al-Ḥajj. Bab: Ḥajjah al-Nabi SAW. no. 148/1218; Al-Nawāwī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:11. Kitab al-Ḥajj, Bab Ḥajjah al-Nabi; Al-Mubarakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī*, Kitab al-Ḥajj, Bab mā Jā’a fī al-Khurūj ilā Mina wa al-Muqamu biha, no. 875.

<sup>93</sup> H.R. Imam Malik, dalam: *al-Muwatta’*, Jilid. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab al-Ṣalāt bi Mina Yawm al-Tarwiyah, no. 483. H.R. al-Ḥākim, dalam Imam Muhammad bin ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Nisabūrī, al-Mustadrak ‘ala al-Ṣaḥīḥayn, Juz. 1, Kitab al-Manāsik, no. 1695.

<sup>94</sup> Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. *Tanwīr al-Ḥawalik: Sharḥ ‘alā Muwatta’ Mālik* (Mesir: Isa al-Bāb al-Halabī, t.t.), 1:133.

<sup>95</sup> Al-Bardha’ī, *al-Tahdhīb fī Ikhtishār al-Mudawwanah*, 1:503.

‘Abd al-Muḥsin bin Muḥammad al-Sāmiḥ berkata dalam kitabnya, “*al-Bida’ wa al-Mukhālafāt fī al-Ḥajj*,” bahawa jemaah haji yang terus menuju ke Arafah pada hari Tarwiyah tanpa singgah di Mina terlebih dahulu adalah perbuatan bidaah.<sup>96</sup>

Menurut keterangan Muḥammad al-Kandahlawī: Mengikut (sunnah Rasul), *iḥrām* haji keluar dari Makkah pada hari Tarwiyah, solat Zohor di Mina, lalu bermukim sehingga solat di sana lima waktu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh dan berkhemah di sana, kerana Rasulullah SAW melakukan demikian dan ini adalah pendirian Imam Sufyān, Mālik, Syafii dan lain-lain, dan kami tidak melihat orang-orang yang berbeza pendapat. Menurut Ibn al-Mundhir, “Aku tidak mencatat, bahawa orang-orang yang berbeza dengan mereka.”<sup>97</sup>

Shaykh ‘Abd al-‘Azīz bin Bāzz, dalam kitabnya “*al-Taḥqīq wa al-Idāḥ*” menegaskan bahawa perlakuan sebahagian Syeikh Haji yang membawa jemaah pada petang hari 8 Zulhijah, dari Makkah terus ke padang Arafah tanpa bermalam di Mina adalah nyata meninggalkan contoh dan amalan Rasulullah SAW; malah ia adalah suatu bidaah yang mesti di ubah.<sup>98</sup>

Ada dua keterangan yang berbeza Seperti di dalam kitab “*Siyār A’lām al-Nubalā’*,” diterangkan bahawa Rasulullah SAW berangkat ke Mina setelah tergelincir matahari. Kemudian menurut Abū ‘Abd Allah Al-Qurṭubī dalam “*Sharḥ Muwaṭṭā’*,” bahawa Rasulullah SAW berangkat ke Mina pada petang hari Tarwiyah, tetapi bila kita perhatikan, kedua-dua keterangan ini tidak menunjukkan dalil. Oleh kerana itu, al-Nawāwī mengatakan: Demikian mereka (Nabi dan para sahabat) setelah selesai solat

<sup>96</sup> Al-Sāmiḥ, al-‘Aṣīrī dan al-Khāṭī, *al-Bida’ wa al-Mukhālafāt fī al-Ḥajj*, 38.

<sup>97</sup> Al-Kandahlawī, Muḥammad Zakariyyā bin Muḥammad, *Awjāz al-Masālik ilā Muwaṭṭā’ Mālik* (Bairut: Dār al-Fikr, 1973), 7: 354; Lihat: Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 437-438.

<sup>98</sup> Ibn Bāzz, *al-Taḥqīq wa al-Idāḥ li Kathīr min Masā’il al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 46.

Subuh di Makkah, lalu mereka solat Zohor di Mina dan inilah mazhab yang sah dan masyhur dari nas-nas Syafii.<sup>99</sup>

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa solat Zohor pada hari Tarwiyah itu adalah di Mina, demikian pula Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh. Sehingga kita dapat memahami bahawa di antara ahli fiqh ada yang menulis bab, “*Hukm al-Mabīt bi Minā*.”<sup>100</sup> Dan bagi siapa yang sengaja pergi ke Mina sebelum tarikh 8 tanpa alasan yang kuat adalah menyalahi sunnah.<sup>101</sup>

Seterusnya, kita perhatikan pula keterangan hadis-hadis di bawah:

Hadis riwayat Ibn ‘Abbās r.a.:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ يَوْمَ التَّرْوِيَةِ وَالْفَجْرَ يَوْمَ عَرَفَةَ بِمِنَى.

Ertinya: “*Rasulullah SAW solat Zohor hari Tarwiyah dan Subuh hari Arafah di Mina.*”<sup>102</sup>

Hadis lain dari ‘Abd al-‘Azīz bin Rāfi’ mengatakan:

<sup>99</sup> Al-Kandahlawī, *Awjāz al-Masālik*, 7:355.

<sup>100</sup> Ini adalah kesepakatan jumhur ulama. Lihat Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muḥadḍḥab*, 9:120, 125; Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 3:2135, 2278; Muhammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, 3:547; Al-Ḥasanī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām*, 106.

<sup>101</sup> Keputusan Dewan Hisbah, “Ihram Haji (tarikh 8 Tarwiyah) di Mina,” dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 503.

Ada juga yang berpendapat bahawa apabila keadaan sangat sesak, maka dibolehkan untuk bertolak dari Makkah lebih awal ke Mina, iaitu pada 7 Zulhijah untuk menginap semalam dan solat fardhu lima waktu di Mina atau selewat-lewatnya pada 8 Zulhijah.

Diriwayatkan oleh Sa‘id bin Mansur dari Hasan, bahawa ia berangkat dari Makkah menuju ke Mina, satu atau dua hari sebelum hari Tarwiyah. Tetapi Malik menganggapnya makruh. Selain itu, makruh menurut pendapatnya yang tinggal di Makkah pada hari Tarwiyah itu hingga petang. Kecuali jika sedang berada di Makkah itu telah tiba waktu solat Jumaat, maka ia wajib solat terlebih dahulu sebelum berangkat. (Lihat: Nota kaki 30 dalam Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 438; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:717; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 112.

<sup>102</sup> H.R. Abi Dawud, 1:591. Kitab: al-Manasik. Bab: al-Khuruj ila Mina, no. hadis: 1911.

عن عبد العزيز بن رفيع قال: سألت أنس بن مالك رضي الله عنه: أخبرني بشيء عمّلتُهُ  
عَنْ النبي صلى الله عليه وسلم: أين صَلَّى الظُّهُرَ يَوْمَ التَّرْوِيَةِ؟ قَالَ: بِمِنَى.

Ertinya: Aku bertanya kepada Anas bin Malik: Terangkanlah kepadaku yang engkau mengerti dari Nabi SAW di mana solat Zohor pada hari Tarwiyah? Anas menjawab, di Mina.<sup>103</sup>

Ada pula keterangan yang menerangkan bahawa Imam al-Thawrī meriwayatkan dari ‘Amr bin Dīnār ia mengatakan: “Aku melihat Abū Zubayr (sahabat Rasulullah) solat Zohor di Makkah pada hari Tarwiyah.” Kemudian diriwayatkan pula bahawa ‘Ā’ishah r.a. tidak keluar dari Makkah pada hari Tarwiyah sehingga lewat sepertiga malam.<sup>104</sup>

Apabila keterangan itu sah, maka ini lebih memungkinkan adanya darurat, dan lebih memperkuat keharusan mabit di Mina. Selain itu, ada pula keterangan yang lain, iaitu Ibn al-Mundhir meriwayatkan jalan Ibn ‘Abbās, bila matahari telah tergelincir hendaklah berangkat ke Mina.<sup>105</sup>

Baginda SAW berangkat dari Mina menuju ke Arafah, lalu singgah di Namirah untuk solat Zohor dan Asar dengan *jamak qasar*, kemudian mendengar khutbah. Ibn Qudāmah dalam kitabnya, “*al-Mughnī*” mengutip kata-kata Ibn ‘Abd al-Barr seperti berikut: Ini semua tiada *ikhtilāf* (perbezaan) dalam kalangan ulama muslimin.<sup>106</sup>

Secara kesimpulan, PERSIS berpendapat bahawa 8 Zulhijah hari Tarwiyah solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh di Mina. Dan pada malam harinya 9 Zulhijah

<sup>103</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Hajj, Bab: Ayna Yusalli al-Zuhr Yawm al-Tarwiyah, no. 1570, 1574. H.R. Imam Muslim, dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Hajj, Bab Istihbab Tawaf al-Ifāḍah Yawm al-Nahr, No. 1309. H.R. Imam Tirmidhī, dalam: *Sunan al-Tirmidhī wa Sharḥ al-‘Ilal*, Jilid. 2, Bab al-Khurūj ila Mina, No. 1912.

<sup>104</sup> - Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muḥadhdhab*, 9:137.

<sup>105</sup> - Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, 5:60.

<sup>106</sup> - Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:206.

(hari Arafah) mabit di Mina, lalu berangkat menuju ke Arafah dari Mina dan singgah dahulu di Namirah, dan bukan dari Makkah kemudian mabit di Arafah. Sementara ulama KEMENAG berpendapat sebaliknya, bahawa tarikh 8 Zulhijah itu jemaah hendaklah menuju ke Arafah, bukan ke Mina.

Tetapi apabila di analisis dalil-dalil yang mereka kemukakan, pengkaji cenderung mengambil jalan tengah di antara kedua-dua pendapat tersebut walaupun pada 8 Zulhijah para jemaah pergi ke Mina dan mabit di sana, tetapi bukan bererti suatu keharusan, melainkan hanya sunat sahaja. Demikian pula halnya dengan pendapat imam empat mazhab; Syafii, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī dalam masalah ini.

### 5.2.5 Waktu Wuqf di Arafah

Hal yang mungkin terjadi dengan alasan teknik memasuki Arafah<sup>107</sup> sebelum waktunya, iaitu sebelum *zawāl* atau keluar dari Arafah setelah lewat waktunya iaitu setelah Isyak.

---

<sup>107</sup> Dinamakan dengan “Arafah” kerana Nabi Adam dan Hawa bertemu dan saling mengenal kembali (dalam bahasa disebut dengan “*ta’aruf*.” Atau kerana di sana pula Jibril a.s. mengajarkan (dalam bahasa Arab “*arrafā*”) Nabi Ibrāhīm a.s.tentang manasik haji. Setelah itu Jibril bertanya kepada Nabi Ibrāhīm, “Sudah mengertikah engkau?” Nabi Ibrāhīm menjawabnya dengan kalimat “*arraftu*.” Sedangkan menurut Ibn ‘Abbas r.a., dinamakan Arafah kerana di sanalah manusia mengakui (dalam bahasa Arab disebut “*ya’tarifun*” dosa dan kesalahan-kesalahannya.

Arafah merupakan salah satu *mash’ar* di luar batas tanah suci, yang terletak di sebelah Tenggara Masjidil Haram dalam jarak lebih kurang 22 km. Luasnya kira-kira 10.4 km. Terdapat papan tanda di sepanjang jalan yang menandai batas-batas Arafah. Di sanalah para jemaah haji berkumpul untuk melaksanakan wuqf pada 9 Zulhijah dan solat Zohor dan Asar jamak taqdim dengan satu azan dan dua kali iqamat. Di samping itu, sentiasa melantunkan doa-doa kepada Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda, “*Haji itu ialah di Arafah*” dan “*Setiap bahagian tanah Arafah ialah sah untuk wuqf.*” (Lihat: Al-Haythamī, *Majma’ al-Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*, 3:251; Al-Bashā, Ibrāhīm Rafā’at, *Mir’ah al-Harāmāyn* (Bairut: Dār al-Ma’rifah, t.t.), 1:211; “Mawaqit al-Hajj al-Zamāniyyah wa al-Makāniyyah,” *Majalah al-Buḥūth al-Fiqhiyyah al-Mu’āsarah*, 37:17).

Arafah dalam al-Quran disebutkan menerusi surah al-Baqarah 2:198, yang bermaksud: “*Maka apabila kamu telah bertolak dari Arafah, berzikirlah kepada Allah di Mash’aril Ḥaram.*” Di sanalah turunnya surah al-Ma’idah 5:3, “*Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu jadi agamamu.*” Menurut ‘Umar al-Khattab r.a., bahawa dirinya pernah datang ke Arafah, sedangkan Rasulullah masih di sana. (Lihat: H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab: al-Maghazī, no. 4407).

Di Arafah juga terdapat bukit Rahmah (Jabal Rahmah) dan padang luas tempat Nabi SAW pernah wuqf di sana pada hari Arafah. Di sana Nabi pernah bersabda, “*aku telah wuqf di sini, dan Arafah seluruhnya ialah tempat untuk melaksanakan wuqf.*” (Lihat: H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab al-Hajj, no. 1218).

Para ulama mazhab sepakat bahawa waktu wuquf di Arafah adalah pada hari kesembilan pada bulan Zulhijah. Namun, mereka berbeza pendapat mengenai waktu permulaan dan berakhirnya wuquf.<sup>108</sup>

Dalam masalah ini terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS.

Dalam bab sebelum ini, telah dibahaskan secara panjang lebar mengenai perbezaan pendapat ulama mengenai waktu bermula dan berakhirnya waktu wuquf. KEMENAG bersandarkan kepada pendapat jumur ulama (Shāfi‘iyyah, Ḥanafiiyyah, Mālikiyyah dan Ḥanābilah) yang menyatakan bahawa wajib wuquf sehingga terbenam matahari pada 9 Zulhijah agar menggabungkan malam dan siang dalam wuquf di Arafah. Mengingat akan Nabi wuquf di Arafah hingga terbenam matahari. Pendapat ini pula yang dipilih oleh Ibn Taymiyyah. Ibn ‘Abd al-Barr meriwayatkan bahawa pendapat ini merupakan kesepakatan umat.<sup>109</sup> Apabila meninggalkan Arafah sebelum terbenam matahari, maka sah dan sempurna wuqufnya menurut para ulama tetapi ia wajib membayar *dam*. Sementara kalau dia berwuquf di malam hari sahaja tanpa siang harinya, maka tiada kewajipan apa-apa ke atasnya dan hajinya sah.<sup>110</sup>

Antara dalil jumur ulama adalah menerusi kata-kata Sālim bin ‘Abd Allah kepada al-Ḥajjāj seperti yang terdapat dalam Ṣaḥīḥ Bukhārī.

---

<sup>108</sup> Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muḥadhdhab*, 9:145; Aceng Zakaria, “Meninggalkan Arafah Setelah Isa,” dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (PERSIS) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 540-544; Bandingkan Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab*, 265-267.

<sup>109</sup> Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muḥadhdhab*, 9:145; Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 331, 334,340.

<sup>110</sup> Ini merupakan pendapat Abu Hanifah dan Ahmad. (Lihat: Zakariyya bin Muhammad bin Ahmad bin Zakariyya al-Ansari, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Ṭullab* (cet. ke-1, Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 1:251; Al-Faṭānī, *Fath al-Mu‘īn*, 326; Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī*, 3:436; Al-Bashanfar, *Ibid.*, 341-342; Lihat: Aceng Zakaria. Meninggalkan Arafah Setelah Isyak, dalam: Wawan Shofwan, *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah* (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 543; Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab*, 265; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:719.

قال سَالِمُ ابْنُ عَبْدِ اللَّهِ لِلْحَجَّاجِ: إِنْ كُنْتَ تُرِيدُ أَنْ تَصِيبَ السُّنَّةَ، فَأَقْصِرِ الْخُطْبَةَ وَعَجِّلِ الْوُقُوفَ.

Ertinya: *Sālim bin ‘Abd Allah berkata kepada Ḥajjāj, “Jika engkau ingin mengikuti sunnah Rasulullah, pendekkanlah khutbahmu dan percepatkanlah wuquf.”*<sup>111</sup>

Beliau menyebutkan, “*percepatkanlah wuquf,*” menunjukkan bahawa permulaan waktu wuquf adalah setelah tergelincir matahari dan pendapat itu adalah lebih berhati-hati.

Dan hadis riwayat Imam Muslim dari Jābir:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَلَّى الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ ثُمَّ أَتَى الْمَوْقِفَ.

Ertinya: “*Bahawasanya Nabi SAW solat Zohor dan Asar, kemudian beliau datang ke tempat wuquf.*”<sup>112</sup>

Ringkasnya, masa dibolehkan bagi seseorang untuk melakukan wuquf iaitu setelah tergelincir matahari 9 Zulhijah hingga terbit fajar hari Nahar 10 Zulhijah,<sup>113</sup> ertinya boleh bagi jemaah haji meninggalkan Arafah sebelum terbenam matahari atau setelah solat Isyak apabila ada uzur syar‘i yang membolehkan seseorang untuk

<sup>111</sup> H.R. Imam al-Bukhari, dalam: *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, 4:326. Kitab: al-Ḥajj, Bab: Qaṣr al-Khutbah bi ‘Arafah, no. hadis: 1663.

<sup>112</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab Hujjah al-Nabi, no. 1218.

<sup>113</sup> Departemen Agama RI, *Panduan Perjalanan Haji* (Jakarta: Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2002), 22; Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 64; Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji*, 31; Bandingkan: Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, 9:145; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 17; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 104; Idris Ahmad, *Fiqh Syaḥī’i*, 1:469; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 23; ‘Abd al-Jawād Khalaf Muḥammad, *al-Ḥajj wa Mammū’ātuḥu* (cet. ke-1, Mesir: Dār al-Dawliyyah al-Thiqāfiyyah, 2008), 49.



melakukan perkara tersebut. Tetapi apabila tiada uzur maka wajib baginya membayar *dam*.<sup>114</sup>

Adapun pendapat PERSIS, sebagaimana yang dicatatkan dalam Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (PERSIS) menyatakan bahawa: Waktu wuquf bermula dari tergelincir matahari 9 hingga terbit fajar 10 Zulhijah; Meninggalkan Arafah selepas *ghurūb* lebih utama; meninggalkan Arafah selepas Isyak, hajinya sah.<sup>115</sup> Keputusan ini disokong oleh Wahbah al-Zūhaylī dalam kitabnya, “*al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*.”<sup>116</sup>

‘Abd al-Muḥsin bin Muḥammad al-Sāmiḥ menegaskan dalam kitabnya “*al-Bida‘ wa al-Mukhalāfāt fī al-Ḥajj*,” apabila jemaah haji meninggalkan Arafah sebelum tenggelam matahari dianggap perbuatan bidaah dan menyalahi Sunnah Nabi SAW.<sup>117</sup>

Kesimpulannya, perbezaan pendapat antara KEMENAG dengan PERSIS adalah terletak kepada ketegasan dalam menetapkan sesuatu hukum, di mana KEMENAG mewajibkan *dam* terhadap jemaah haji yang meninggalkan Arafah di luar waktu yang telah ditetapkan iaitu antara waktu setelah tergelincir matahari hingga tenggelam matahari pada 9 Zulhijah, sementara PERSIS hanya memandang waktu tersebut sebagai sunat sahaja, dan dibolehkan keluar Arafah sebelum tenggelam matahari dan setelah masuk waktu Isyak tanpa dikenakan *dam* baik dengan keuzuran mahupun tidak.

---

<sup>114</sup> Berbeza dengan jemaah haji Malaysia. Menurut mereka harus meninggalkan Arafah sebelum tenggelam matahari pada 9 Zulhijah dan sah wuqufnya. (Lihat: Lembaga Tabung Haji, *Ibid.*, 105).

Ulama sepakat apabila seseorang meninggalkan wuquf dengan sengaja, maka hajinya menjadi batal dan wajib mengulang hajinya pada tahun berikutnya. (Lihat: Idris Ahmad, *Fiqh Syaḥī‘ī*, 1:485).

Walaupun demikian ia boleh ber-*tahalul* setelah selesai mengerjakan umrah. Akan tetapi wajib ke atasnya membayar *qadha* dan membayar hadiah. Dan kalau rukun yang ditinggalkan itu sebelum ia ber-*tahalul* hendaklah dikerjakan rukun itu kembali. (Lihat: Idris Ahmad, *Fiqh Syaḥī‘ī*, 1:483-484).

<sup>115</sup> Lihat: Al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab*, 9:145.

<sup>116</sup> Al-Zūhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 3:2234.

<sup>117</sup> Al-Sāmiḥ, al-‘Aṣīrī dan al-Khāṭī, *al-Bida‘ wa al-Mukhalāfāt fī al-Ḥajj*, 39.

Apabila dikaji secara mendalam dan melihat dalil-dalil yang dikemukakan baik dalil naqli mahupun aqli, KEMENAG nampak lebih tegas dalam mengambil keputusan hukum mengenai jemaah yang meninggalkan Arafah sebelum waktunya iaitu sebelum terbenam matahari. Dan wajib dikenakan *dam* jika tidak kembali lagi. Sementara PERSIS menganggap perkara itu hanyalah sunat sahaja. Padahal dasar hukumnya cukup jelas dan kuat menyatakan larangan meninggalkan Arafah sebelum terbenam matahari. Oleh kerana itu, pengkaji lebih cenderung dengan pendapat KEMENAG.

### **5.2.6 Waktu Melontar Jamrah**

Melontar jamrah itu adalah ibadat yang ditetapkan waktunya dengan ijmak. Rasulullah SAW melaksanakannya pada waktu-waktu yang tertentu. Oleh kerana itu, tidak boleh melaksanakannya pada selain waktu yang ditentukan oleh Rasulullah SAW. Akan tetapi, apabila ada dalil yang membolehkan melaksanakan ibadat tersebut bukan pada waktu yang telah ditentukan disebabkan mudarat atau uzur, maka dalam keadaan demikian dibolehkan melaksanakannya.

Sesungguhnya hari-hari jamrah itu waktu untuk melontar. Maka apabila seseorang berada dalam keadaan mudarat atau uzur, boleh mengakhiri melontar dari waktu awal hingga akhirnya, hal yang demikian boleh dan tidak dikenakan apa-apa baginya.

Adapun mengenai waktu untuk melontar jamrah aqabah<sup>118</sup> adalah pada hari Nahar. Sedangkan melontar ke tiga-tiga jamrah dilakukan pada hari jamrah. Dalam perkara ini terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dengan PERSIS.

---

<sup>118</sup> Melontar Jamrah aqabah adalah amalan yang paling pertama dikerjakan dari semua amalan manasik haji pada Hari Raya Qurban. Ini kerana melontar jamrah itu laksana ucapan selamat dan penghormatan bagi Mina sebagaimana perlaksanaan tawaf qudum sebagai ucapan selamat dan penghormatan bagi Masjidil Haram. Jamrah aqabah adalah jamrah yang paling akhir jika dari arah Mina dan Jamrah pertama jika dari arah Makkah. (Lihat: Al-Bashanfar, *al-Mughni fi al-Fiqh al-Haji wa al-'Umrah*, 365).

Mengenai perbincangan perbezaan pendapat ulama mazhab mengenai melontar jamrah berserta dalil-dalilnya sudah dibahaskan secara panjang lebar dalam bab sebelum ini. Walaupun demikian, dalam bab ini pengkaji akan memfokuskan mengenai perbezaan pendapat antara kedua lembaga tersebut di atas.

Walaupun sudah dibahaskan mengenai waktu melontar, tetapi secara ringkasnya menurut KEMENAG, masa untuk melontar jamrah aqabah bermula selepas separuh malam 10 Zulhijah dan berakhir apabila terbenam matahari (masuk waktu Maghrib) pada 13 Zulhijah. Dan waktu yang paling afdal untuk melontar jamrah aqabah pada 10 Zulhijah adalah apabila masuk waktu Dhuha hingga tergelincir matahari pada hari tersebut<sup>119</sup> Tetapi walaupun demikian, KEMENAG membolehkan waktu melontar setelah lewat tengah malam 10 Zulhijah hingga terbit fajar 11 Zulhijah,<sup>120</sup> dan waktu ikhtiar dilakukan setelah waktu Zohor hingga terbenam matahari.<sup>121</sup>

Dalam hal ini KEMENAG berpegang kepada hadis Rasulullah SAW dan pendapat para ulama.

Dan berkata Ibn ‘Abbās r.a.:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: رَمَيْتُ بَعْدَ مَا أَمْسَيْتُ فَقَالَ: لَا حَرَجَ.

<sup>119</sup> Al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā*, 1:408. Pendapat al-Nawawi dalam “*al-Majmu*,” (Lihat bab 3, perbincangan: Hukum dan Waktu Melontar Jamrah).

<sup>120</sup> Pendapat al-Nawawi dalam kitab “Manāsik,” Ibn Hajar dalam “Hashishat al-Kibat,” Al-Bahūṭī berkata dalam kitab “al-Rawd al-Murba’,” dan Imam Ibn Rushd dalam kitab “*Bidāyah al-Mujtahid*.” Ini juga yang menjadi pegangan Imam Syafii dan Ahmad. Dan juga pendapat Imam ‘Ata’, Asma binti Abu Bakar, Ibn Abi Malikah dan Ikrimah bin Khalid. (Lihat bab 3, perbincangan : Hukum dan Waktu melontar Jamrah).

<sup>121</sup> Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 70; Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji*, 36; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 83; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 114; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:452; Al-Sharbinī, *al-Iqnā’ fī Ḥill Alfāz Abī Shujjā’*, 1:236; Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Hajj wa al-Umrah*, 375.

Ertinya: “Nabi SAW ditanya orang di Mina. Kata seorang lelaki, “Saya melontar setelah petang.” Katanya: “Tiada kesempatan!”<sup>122</sup>

Diterima dari Ibn ‘Abbās r.a.:

رَمَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْجِمَارَ عِنْدَ زَوَالِ الشَّمْسِ، أَوْ بَعْدَ زَوَالِ الشَّمْسِ.

Ertinya: “Bahawa Rasulullah SAW melontar jamrah ketika tergelincir atau sesudah tergelincir matahari.”<sup>123</sup>

Hadis mengenai waktu melontar jamrah aqabah iaitu setelah terbit matahari, adalah hadis riwayat Imam Muslim dari sahabat Jābir r.a.<sup>124</sup>

Berikutnya pendapat para ulama, seperti berkata Ibn ‘Abd al-Barr: “Para ahli telah berijmak bahawa orang yang melontarnya pada hari Nahar sebelum matahari terbenam, bererti telah termasuk orang yang melontar pada waktunya, walaupun ia tidak beroleh sunatnya.”<sup>125</sup>

Imam Abū Ḥanīfah, Imam Mālik, Imam Ishāq, Imam Ibn Mundhir dan satu riwayat dari Imam Aḥmad berpendapat, melontar jamrah aqabah boleh setelah fajar dan sebelum matahari terbit.<sup>126</sup>

Jika seseorang mendapat keuzuran untuk melontarnya pada waktu siang, bolehlah ia menangguhkan hingga malam hari. Berdasarkan riwayat Mālik dari Nāfi’,

<sup>122</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, Jilid. 3, Kitab al-Ḥajj, Bab al-Dhabh Qabla al-Ḥalq; Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 5, Bab Ramy al-Jimār, no. 12660. Bandingkan: H.R. Imam al-Nasā’ī, dalam: Imam al-Sanadī, *Ḥāshiyah al-Sanadī ‘alā al-Nasā’ī*, Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bab al-Ramy ba’da al-Masa’, no. 3058.

<sup>123</sup> H.R. Imam Ahmad, dalam: Aḥmad bin Ḥanbal, Abū ‘Abdullah bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad bin Idrīs bin ‘Abdullah bin Ḥayyān bin ‘Abdullah bin Anas, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (al-Qāhirah: Muassasah Qurṭūbah, t.t.), 1: 49.

<sup>124</sup> Lihat hadis ini dalam bab 3, perbahasan: “Hukum dan Waktu Melontar Jamrah.”

<sup>125</sup> Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī*, 3:452; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:713.

<sup>126</sup> Ibn ‘Ābidīn, *Ḥāshiyah ‘alā al-Durr al-Mukhtār*, 2:567; Al-Samarqandī, *Tuḥfah al-Fuqahā’*, 1:408; Al-Dardirī, Abī al-Barkat Sayyidi Aḥmad, *al-Sharḥ al-Kabīr* (Mesir: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah Isā al-Bāb al-Halabī, t.t.), 2:52; Ibn Qudāmah, *Ibid.*, 452; Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 367. Bandingkan dengan Mughniyah, *Fiqh Lima Mazḥab*, 274.

bahawa seorang puteri dari Ṣāfiyah isteri dari Ibn ‘Umar berada dalam keadaan nifas di Muzdalifah, maka ia terlambat datang bersama Ṣāfiyah dan baharu tiba di Mina setelah terbenamnya matahari pada hari Nahar itu. Maka Ibn ‘Umar menyuruh kedua-duanya melontar jamrah ketika baharu tiba, dan menurut pendapatnya hal itu tidak menjadi masalah.”

Menurut Ibn al-Qayyim, batas awal melontar jamrah aqabah bagi jemaah yang lemah adalah semenjak terbit fajar dan untuk jemaah lainnya setelah terbit matahari.<sup>127</sup>

Jika tiada uzur, maka makruh mengundurkannya. Menurut golongan Ḥanafī dan Syafii, begitu juga dengan suatu riwayat dari Mālik, hendaklah ia melontar di waktu malam dan tidak wajib *dam*, berdasarkan hadis Ibn ‘Abbās yang lalu. Tetapi menurut Aḥmad, jika sampai berakhirnya siang hari Nahar ia masih juga belum melontar, maka hendaklah ia melontar padakeesokan harinya, iaitu setelah matahari tergelincir.<sup>128</sup>

Adapun masa yang afdal untuk melontar di ketiga-tiga jamrah pada hari 11, 12 dan 13 Zulhijah bermula apabila tergelincir matahari (masuk waktu Zohor) hingga terbenam matahari (masuk waktu Maghrib) hari tersebut. Jika jemaah haji tidak sempat melontar ketiga-tiga jamrah bagi hari ke-11 Zulhijah pada waktu afdal tersebut, mereka boleh melontar pada waktu malam 12 Zulhijah. Begitulah juga keadaannya jika tidak sempat melontar pada siang 12 Zulhijah, maka boleh melontar pada malam 13 Zulhijah.<sup>129</sup>

---

<sup>127</sup> Al-Bashanfar, *Ibid.*, 367; Mughniyah, *Ibid.*, 274.

<sup>128</sup> Ibn Hazm menyebutkan bahawa izin melontar malam hari itu hanya khusus bagi wanita dan tidak bagi lelaki. Mereka tidak diizinkan, baik yang lemah mahupun yang kuat sama sahaja. Sedangkan alasan yang digunakannya ialah hadis: “Barang siapa yang berhalangan, boleh lebih dahulu berifadah di malam hari dan melontar di malam hari.” (Lihat: Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sumrah*, 1:731, 732-733; Mughniyah, *Ibid.*, 274-275.

<sup>129</sup> Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji*, 37; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 88; Bandingkan: Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 115-116; Al-Sharbīnī, *al-Iqnā’ fī Ḥill Alfāz Abī Shujā’*, 1:236; Sayid Sabiq, *Ibid.*, 733.

Para ulama seperti Imam Syafii, Imam al-Ḥarāmī, Imam al-Rāfi‘ī dan Imam al-Isnawī berpendapat, waktu melontar jamrah pada hari-hari jamrah bermula dari terbit fajar (masuk waktu Subuh) sehingga terbit fajar pada keesokan harinya.<sup>130</sup> Ini bermakna, jemaah haji boleh melontar selepas Subuh sebelum tergelincir matahari (masuk waktu Zohor) pada hari Tasyriq.

Berakhirnya masa untuk melontar batu di ketiga-tiga jamrah bagi hari ke 11 Zulhijah itu ialah apabila terbenamnya matahari (masuk waktu Maghrib) hari ke 13 Zulhijah. Begitu juga dengan lontaran batu di ketiga-tiga jamrah bagi hari ke 12 dan 13. Oleh itu, bagi jemaah yang tidak sempat melontar bagi hari ke 11 dan 12 hendaklah melontar pada hari ke 13 Zulhijah sebelum terbenam matahari pada hari tersebut.<sup>131</sup>

Pendapat di atas berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari sahabat Jābir r.a., dan hadis dari sahabat Ibn ‘Umar r.a.<sup>132</sup>

Selain itu, pendapat ini bersandarkan kepada pendapat para ulama, seperti Ibn Qudāmah menyebutkan dalam kitabnya “*al-Mughnī*,” pengarang kitab “*Badā’i* al-Ṣanā’i,” al-Nawāwī berkata dalam “*al-Majmū’*,” dan “*al-Idāh fī Manāsik al-Ḥajj*.”<sup>133</sup>

Adapun menurut PERSIS, waktu melontar jamrah aqabah adalah pada hari Nahar 10 Zulhijah waktu Dhuha sehingga terbenam matahari. Sedangkan waktu melontar untuk ketiga-tiga jamrah pada hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijah) adalah dilaksanakan setelah tergelincir matahari hingga terbenam matahari. Sekiranya

---

<sup>130</sup> Atau boleh dilakukan setelah terbit matahari sehingga terbit fajar keesokan harinya, dan untuk menghindari panas terik matahari, biasanya jemaah melakukan lontaran pada waktu petang atau malam hari. Adapun jika tidak ada keuzuran, maka makruh mengundurkannya. (Lihat: Sayid Sabiq, *Ibid.*, 731-732; Lihat juga: Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 71; Departemen Agama RI, *Ibid.*, 37.

<sup>131</sup> Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 88; Departemen Agama RI, *Ibid.*, 72.

<sup>132</sup> Lihat hadis ini dalam bab 3, perbahasan: Hukum dan Waktu Melontar Jamrah.

<sup>133</sup> Lihat dalam bab 3, perbahasan: Hukum dan Waktu Melontar Jamrah.

dilakukan sebelum terbit matahari atau setelah terbenam matahari (waktu Maghrib) maka hukumnya tidak sah.<sup>134</sup>

Pendapat PERSIS ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad:

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَمَى جَمْرَةَ الْعَقَبَةِ يَوْمَ النَّحْرِ ضُحَىٰ وَرَمَىٰ فِي سَبِيلِ سَائِرِ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ بَعْدَ مَا زَالَتِ الشَّمْسُ.

Ertinya: *Dari Jābir r.a. berkata, “Bahawa Nabi SAW melontar jamrah aqabah pada hari Nahar waktu Dhuha dan pada hari-hari Tasyriq beliau melontar setelah zawāl (setelah tergelincir matahari).”*<sup>135</sup>

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرْمِي الْجِمَارَ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ.

Ertinya: *Dari Ibn ‘Abbās r.a mengatakan, “Rasulullah SAW melontar jamrah-jamrah (pada hari Tasyriq) ba‘da zawāl (setelah tergelincir matahari).”*<sup>136</sup>

Selain hadis-hadis di atas, terdapat pendapat-pendapat para ulama, seperti penerangan Ibn ‘Abd al-Barr, bahawa para ulama sepakat bahawa Rasulullah SAW melontar pada waktu Dhuha 10 Zulhijah.<sup>137</sup>

Berkata pula Ibn al-Mundhir: “Menurut sunnah, janganlah seseorang melontar kecuali setelah terbit matahari seperti yang dilakukan oleh Nabi SAW. Dan tidak boleh melontar sebelum terbit fajar itu, kerana pelakunya melanggar sunnah....”<sup>138</sup>

<sup>134</sup> Usman Shalehuddin, *Masailul Hajj*, 50. Pendapat ini juga ditegaskan oleh Ustaz Toha Kahfi (Ketua Bahagian Urusan Haji Persis, Bandung-Indonesia), dalam temubual dengan pengkaji, Rabu, 30 September; Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah*, 55-56.

<sup>135</sup> Al-Bannā, Aḥmad ‘Abd al-Raḥmān, *al-Faḥ al-Rabbānī li Tartīb Musnad Aḥmad ma‘a Mukhtaṣar Sharḥ Bulūgh al-Amānī* (Bairut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 12:175; H.R. Imam al-Bukhārī, dalam Al-‘Asqalānī, *Faḥ al-Bārī*, 3:706, Kitab: al-Ḥajj, Bab: Ramy al-Jimār, no: 134.

<sup>136</sup> *Ibid.*; H.R. Imam al-Bukhārī, dalam Al-‘Asqalānī, *Faḥ al-Bārī*, Kitab: al-Ḥajj, Bab: Ramy al-Jimār, no: 134.

<sup>137</sup> Usman Salīḥ al-Dīn, *Masā’il al-Ḥajj*, 50; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:449.

Imam Mujāhid, Imam al-Thawrī dan Imam al-Nakhā'ī berpendapat: Tidak boleh melontar jamrah aqabah sebelum matahari terbit.<sup>139</sup>

Secara kesimpulan, perbezaan antara KEMENAG dengan PERSIS dalam masalah ini adalah dari sudut ketegasan dalam menentukan waktu lontaran, baik pada hari Nahar ataupun Tasyriq. Nampaknya KEMENAG lebih bertolak ansur dan fleksibel dalam menentukan waktu lontaran jika dibandingkan PERSIS. Walaupun demikian, terdapat persamaan hukum antara kedua badan tersebut, iaitu sama-sama memberi keringanan bagi yang uzur untuk melontar pada selain waktu yang telah ditentukan, iaitu boleh melontar jamrah aqabah setelah lewatnya tengah malam (sebelum terbit fajar) 10 Zulhijah. Dan tidak boleh melontar sebelum lewatnya pertengahan malam menurut ijmak ulama.

Berdasarkan hadith dan pendapat para ulama yang dikemukakan oleh kedua-dua jabatan tersebut, maka pengkaji lebih cenderung kepada pendapat KEMENAG. Ini kerana, melihat keadaan jemaah haji yang semakin bertambah dari tahun ke tahun, maka lebih objektif jika waktu lontaran jamrah tersebut diperluas dan tidak hanya terbatas dari waktu pagi sehingga terbenam matahari sahaja. Tetapi boleh juga dilaksanakan pada malam hari, malah boleh diakhirkan waktu perlaksanaannya sehingga sebelum terbenam matahari pada 13 Zulhijah.

### **5.2.7 Hadyu Haji Tamattuk dan Qiran**

Banyak yang beranggapan bahawa *hadyu* yang dilaksanakan oleh jemaah yang mengerjakan haji tamattuk dan qiran disebut sebagai *dam*, dengan pengertian sebagai denda kerana melakukan haji dengan cara tersebut.

---

<sup>138</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:733.

<sup>139</sup> Al-Bashanfar, *al-Mughnī fi al-Fiqh al-Ḥajj wa al-'Umrah*, 366, 370.



Dinamakan tamattuk kerana sifatnya bersenang-senang kerana dibolehkan melakukan semua larangan berih̄rām antara pelaksanaan haji dan umrahnya. Sementara dinamakan qiran kerana ia mendapat keuntungan dan kesenangan dari segi amalan-amalan haji dan umrah yang dikerjakan hanya dengan sekali secara bersamaan iaitu dengan tawaf yang satu, sa'i yang satu, bercukur atau bergunting yang satu dan juga miqātnya yang satu.<sup>140</sup> Dalam hal ini, terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS.

Menurut KEMENAG, *hadyu* adalah *dam* atau denda atas pelanggaran yang dilakukan iaitu melaksanakan haji dengan cara tamattuk atau qiran.<sup>141</sup>

Dasar pendapat tersebut berdasarkan firman Allah SWT:

فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۚ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ۚ ذَلِكَ لِمَنْ لَمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Al-Baqarah 2:196.

Ertinya: “Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih *dam* yang mudah didapati. kalau ia tidak dapat (mengadakan *dam*), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar Masjid al-Ḥarām (Makkah)...”

<sup>140</sup> Lihat masalah ini dalam bab 3, perbahasan: Hukum Menyembelih Hadyu Haji tamattuk dan Qiran.

<sup>141</sup> Zakariyya bin Muhammad al-Anṣārī, *Fath al-Wahhab*, 1:259-260; Lembaga Tabung Haji, *Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 137; Idris Ahmad, *Fiqh Syaḥī'i*, 1:482; Lembaga Tabung Haji, *Soal Jawab Haji & Umrah*, 36,149; Jadd al-Haqq ‘ala Jadd al-Haqq, “Ta’jil al-Hady Ghayr Ja’iz,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyya al-Barri (Mesir: Dār al-Ifṭā’, 1980), 200; Ḥasan Ma’mūn, “Makān wa Zamān Dhabh al-Hady fī al-Ḥajj,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyyā al-Barri (Mesir: Dar al-Ifṭā’, 1980), 207; Atfīsī, *Sharḥ al-Nayl wa Shifā’ al-‘Alil*, Kitab ke-6, Bab al-Mawāqit fī al-Ḥajj, 13, dan dalam Bab: *Fī Kayfiyyat al-Iḥrām*, 55-56; Departemen Agama RI, *Pedoman Tugas Karu dan Karom* (Jakarta: Direktorat Jenderal Penyelenggaraan Haji dan Umrah, t.t.), 78.

Firman Allah SWT yang menyatakan bahwa tujuan dari penyembelihan *hadyu* adalah untuk menolong fakir miskin:

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ  
بَهِيمَةٍ ۖ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا ۗ الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Al-Hajj 22:28

Ertinya: “Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternakan (untuk dijadikan korban); Dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”

hadis Rasulullah SAW mengenai pelaksanaan haji qiran yang wajib menyembelih *hadyu* sebagai *dam*:

عَنْ نَافِعٍ قَالَ: أَرَادَ ابْنُ عُمَرَ الْحَجَّ عَامَ حِجَّةِ الْخُرُوبِيَّةِ فِي عَهْدِ ابْنِ الزُّبَيْرِ، فَقِيلَ لَهُ: إِنَّ  
النَّاسَ كَائِنٌ بَيْنَهُمْ قِتَالٌ، فَتَخَافُ أَنْ يَصُدُّوكَ، فَقَالَ: (لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ)، إِذْ أَنْصَعَ كَمَا صَنَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،  
أَشْهَدُكُمْ أَنِّي قَدْ أُوجِبْتُ عُمْرَةً، ثُمَّ خَرَجَ حَتَّى إِذَا كَانَ بِظَاهِرِ الْبَيْدَاءِ قَالَ: مَا شَأْنُ الْعُمْرَةِ  
وَالْحَجِّ إِلَّا وَاحِدٌ، أَشْهَدُكُمْ أَنِّي قَدْ أُوجِبْتُ حَجًّا مَعَ عُمْرَتِي، وَأَهْدِي هَدِيًّا مُقَلَّدًا إِشْتِرَاءً  
بِقَدِيدٍ...

Ertinya: Dari Nāfi', ia berkata, “Ibn ‘Umar r.a. berkehendak menunaikan haji pada tahun terjadinya haji golongan Hurūriyyah (semacam dari kelompok Khawārij) pada masa pemerintahan Ibn Zubayr. Sebuah nasihat disampaikan kepada Ibn ‘Umar r.a. bahwa orang-orang sedang sibuk berperang. Kami takut mereka itu akan menghalangmu.” Ibn ‘Umar r.a. menjawab, “Sesungguhnya pada peribadi Rasulullah SAW itu ada suri tauladan yang bagus bagi kamu semua. Jika demikian, saya akan melakukan seperti yang telah dilakukan Rasulullah SAW. Saya bersaksi kepada kamu semua bahwa saya telah memulai pelaksanaan umrah, kemudian Nabi SAW keluar sehingga beliau merasa di tengah tanah yang luas. Beliau berkata, “Tiada haji dan umrah melainkan satu paket. Saya bersaksi kepada kamu semua

*bahawa saya telah menyatukan haji dan umrah saya. Saya akan menyembelih haiwan hadyu yang sudah saya tandai di pundaknya dan telah membelinya dengan qadīd iaitu pakaian yang terbuat dari bulu binatang.”<sup>142</sup>*

Menerusi bab sebelum ini, pengkaji telah membincangkan secara terperinci mengenai *dam* haji tamattuk dan qiran. Para imam mazhab telah sepakat mengenai wajibnya membayar *dam* bagi jemaah haji tamattuk dan qiran, sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab “*al-Mughnī*,” dan “*al-Inṣāf*.”<sup>143</sup>

Berbeza dengan pendapat PERSIS, menurut mereka *hadyu* bagi yang mengambil haji dengan cara tamattuk dan qiran bukan merupakan *dam* atau denda atas pelanggaran, melainkan bahagian dari cara haji tamattuk dan qiran wajib menyembelih *hadyu*. Ini kerana, para sahabat Nabi SAW yang sebelumnya telah berniat haji qiran dari Zulhulaifah, setibanya di Makkah disuruh untuk mengubah niatnya menjadi haji tamattuk oleh Nabi SAW kerana mereka tidak membawa *hadyu* dari Madinah. Andai kata *hadyu* itu diertikan “*denda*” kerana pelanggaran, tidak mungkin Nabi SAW akan menyuruh mereka untuk mengubah dari haji qiran kepada haji tamattuk. Malah jika Nabi SAW sendiri tidak membawa *hadyu* dari Madinah nescaya beliau melaksanakan haji tamattuk.<sup>144</sup> Kerana yang dimaksudkan dengan *dam* adalah denda atas pelanggaran terhadap larangan-larangan *ih̄rām*. Jika terjadi pelanggaran maka diwajibkan menutupi atau menebus dengan sesuatu yang telah ditentukan oleh agama. Tentu sahaja tidak semua pelanggaran atau kesalahan dapat ditebus dengan melakukan sesuatu, tetapi ada

---

<sup>142</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Ḥajj, Bab Ṭawāf al-Qarīn, no. 1559. H.R. Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab Bayān Jawāz al-Tahalul bi al-Iḥṣār wa Jawāz al-Qirān, no. 1230.

<sup>143</sup> Rujuk bab 3, perbahasan: Hukum Menyembelih Hadyu Haji tamattuk dan Qiran.

<sup>144</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 56; Usman Shalehuddin, *Masailul Haji*, 79; Usman Shalehuddin, “Hadyu Dengan Qimah Menggugurkan,” dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 467.

juga sesuatu pelanggaran itu menyebabkan tidak sahnya haji dan umrah, sehingga mesti mengulanginya pada tahun-tahun berikutnya.<sup>145</sup>

Amalan merubah niat di atas adalah berdasarkan keterangan daripada hadis-hadis yang sahih. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menamatkan *sa'i* baginda di *Marwah*, Baginda bersabda:

لَوْ أَنِّي اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ لَمْ أَسُقِ الْهَدْيَ وَجَعَلْتُهَا عُمْرَةً، فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ لَيْسَ مَعَهُ هَدْيٌ فَلْيَحِلَّ وَلْيَجْعَلْهَا عُمْرَةً.

Ertinya: “*Sekiranya aku berkesempatan lagi untuk haji pada masa hadapan nescaya aku tidak akan membawa binatang korban (hadyu) dan aku akan jadikan dia umrah. Oleh itu, sesiapa yang tidak membawa bersama binatang korban, maka hendaklah ia bertahalul dan menjadikan niat haji sebagai umrah sahaja (haji tamattuk).*”<sup>146</sup>

وَفِي رِوَايَةٍ: أَحِلُّوا مِنْ إِحْرَامِكُمْ، فَطُوفُوا بِالْبَيْتِ، وَبَيْنَ الصَّغَا وَالْمَرْوَةِ، وَقَصِّرُوا، وَأَقِيمُوا حَالًا، حَتَّى إِذَا كَانَ يَوْمُ التَّرْوِيَةِ فَأَهْلُوا بِالْحَجِّ وَاجْعَلُوا الَّتِي قَدِمْتُمْ بِهَا مُتَعَةً.

Ertinya: *Dan pada riwayat yang lain: Nabi SAW, “Bertahalullah kamu daripada iḥrām kamu, lakukanlah tawaf mengelilingi Ka’bah, kemudian bersa’i antara Ṣafā dan Marwah, dan pendekkanlah rambutmu, dan kamu (di Makkah) dalam keadaan halal (tanpa pantangan iḥrām), sehingga jika tiba hari Tarwiyah hendaklah kamu beriḥrām untuk haji, dan jadikanlah kedatanganmu ke Makkah ini sebagai haji tamattuk.*”<sup>147</sup>

Jadi, menurut pendapat PERSIS, *hadyu* yang dibawa oleh Rasulullah SAW dari luar Makkah bukan sebagai hadiah untuk fakir miskin Makkah, melainkan untuk

<sup>145</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Ibid.*, 57.

<sup>146</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab Ḥujjah al-Nabī, no. 147. H.R. Imam Abī Dāwūd, dalam: *Sunan Abī Dāwūd*, Juz. 1, Kitab al-Manāsik, Bab Ṣifah Ḥujjah al-Nabī, no. 1905.

<sup>147</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Ḥajj, Bab al-Tamattu’ wa al-Iqrān wa al-Ifrād bi al-Ḥajj wa Faskh al-Ḥajj li man lam Yakun ma’ahu Hady, no. 1493. H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab Bayān Wujūb al-Iḥrām, no. 1216. H.R. Imam-Syafii, dalam: *Musnad Imām Syafii*, Juz. 1, Bab fī al-Ifrād wa al-Qirān wa al-Tamattu’, no. 954.

memenuhi kriteria haji qiran yang beliau laksanakan.<sup>148</sup> Perkara ini jelas bertentangan dengan pendapat KEMENAG yang menyatakan bahawa daging *hadyu* itu diperuntukkan untuk fakir miskin, sebagaimana yang diterangkan dalam hadis di atas.<sup>149</sup>

Adapun mengenai waktu penyembelihan, antara KEMENAG dengan PERSIS wujud perbezaan pendapat.

Menurut KEMENAG, haiwan *dam* dapat disembelih setelah ada amalan haji atau umrah yang dilanggar sehingga bagi haji tamattuk, *dam*nya boleh disembelih setelah melaksanakan umrah.<sup>150</sup>

Pendapat dini selaridengan mazhab Syafii. Masalah itu adalah hak yang bersifat nyata dan wajib hukumnya dengan memenuhi dua alasan/sebab. Mendahulukan menyembelih *hadyu* boleh untuk salah satu dari dua kes itu. Kesnya seperti menunaikan zakat setelah memenuhi syarat nisab, tetapi belum masuk waktu satu tahun.<sup>151</sup>

Adapun dalil yang menjadi sandaran dalam mazhab Syafii, iaitu boleh menyembelih *hadyu* sebelum Hari Raya Korban adalah:<sup>152</sup>

1. *Hadyu* tamattuk itu adalah hak yang bersifat nyata dan hukumnya wajib kerana dua alasan, iaitu ibadat haji dan umrah. Jadi, boleh mendahulukan penyembelihan kerana salah satu dari dua alasan itu. Hal ini diqiyaskan/analogi dengan perlaksanaan zakat setelah memenuhi syarat milik nisab walaupun masanya belum sampai satu tahun.

## 2. Firman Allah SWT

---

<sup>148</sup> Usman Shalehuddin, *Masa'il al-Haji*, 92,93; Usman Shalehuddin, "Hadyu Dengan Qimah Menggugurkan," 473.

<sup>149</sup> Lihat: Hasan Ma'mun, "Makān wa Zamān," 207.

<sup>150</sup> Zakariyya al-Anṣārī, *Fath al-Wahhāb bi Sharḥ Minhāj al-Ṭullāb*, 1:260; Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji*, 48. Untuk lebih jelas, sila rujuk dala, bab 3, perbahasan "Hukum Menyembelih Hadyu Haji tamattuk dan Qiran."

<sup>151</sup> Rujuk masalah ini dalam bab 3, perbahasan: Hukum Menyembelih Hayu Haji tamattuk dan Qiran.

<sup>152</sup> Lihat: Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-'Umrah*, 215-216. Untuk lebih jelas, sila rujuk pada bab 3, perbahasan "Hukum Menyembelih Hadyu Haji tamattuk dan Qiran."

فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ

Al-Baqarah 2:196

Ertinya: “Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih dam yang mudah didapati...”.

Hanya dengan berihram haji, wajib bagi orang yang menunaikan haji tamattuk untuk membayar *dam*.

3. Penyembelihan haiwan *hadyu* itu berkait rapat dengan pelaksanaan haji tamattuk, sedangkan pelaksanaan haji tamattuk dapat terjadi ketika mengucapkan niat ihram untuk haji. Kaedahnya: jika tempat penyandaran sudah ada, sesuatu yang hendak disandarkan itu dapat terus dilakukan.
4. Berpuasa merupakan pengganti bagi menyembelih haiwan *hadyu* (jika tidak mampu menyediakan binatang itu) dan dibolehkan melakukannya dengan mendahulukan sebahagian puasa itu daripada puasa 3 hari di bulan Zulkaedah iaitu 7, 8 dan 9. Seperti yang disebutkan dalam firman Allah SWT:

فَصِيَامٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ

Al-Baqarah 2:196

Ertinya: “Maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji...”.

Bolehnya mendahulukan pengganti (yakni berpuasa) menjadi petunjuk bolehnya mendahulukan yang diganti (menyembelih haiwan *hadyu*).

5. Adanya sebahagian hadis yang menunjukkan boleh menyembelih *hadyu* sebelum Hari Raya Korban. Antaranya hadis dari Jābir r.a. yang menerangkan mengenai haji Rasulullah SAW:

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ فِي حُجَّةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَرْنَا إِذَا حَلَلْنَا أَنْ نَهْدِيَ وَيَجْتَمِعَ النَّفَرُ مِنَّا فِي الْهَدْيَةِ.

Ertinya: “Dari Jābir r.a., ia berkata mengenai haji Rasulullah SAW di mana beliau SAW memerintahkan kepada kami (para sahabat) agar jika kamu telah bertahalul, hendaklah kamu menyembelih *hadyu* dan rombongan berkumpul menyantap *hadyu* itu.”<sup>153</sup>

Hal itu terjadi ketika Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat supaya bertahalul dari *iḥrām* hajinya. Al-Nawāwī berkata dalam *Sharḥ Muslim*, “Hadis itu menjadi dalil bolehnya menyembelih haiwan *hadyu* tamattuk setelah tahalul dari umrah dan sebelum ber*iḥrām* untuk haji.”<sup>154</sup>

6. *Dam* tamattuk itu adalah *dam* paksaan. Jadi, *hadyu* boleh disembelih setelah keluar ketetapan hukum wajibnya sebelum Hari Raya Korban seperti *dam* bayar *fidyah* kerana memakai wangian dan pakaian berjahit.

Adapun menurut PERSIS, tidak boleh menyembelih *dam* tamattuk dan qiran sebelum Hari Raya Korban, tepatnya tempoh penyembelihan itu bermula dari hari Nahar (10 Zulhijah) berterusan sehingga terbenam matahari pada hari yang ke 13 daripada hari Tasyriq (11,12,13 Zulhijah).<sup>155</sup>

<sup>153</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab l-Ishtirāk fī al-Hady, no. 1318.

<sup>154</sup> Lihat dalam Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-'Umrah*, 216.

<sup>155</sup> Usman Shalehuddin, *Masa'il al-Hajj*, 79, 82-83; Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah*, 49; Pimpinan Pusat Persatuan Islam, *Petunjuk Praktis Haji Tamattuk*, 23; Usman Shalehuddin, “Hadyu Dengan Qimah

Pendapat ini sesuai dengan pendapat kebanyakan ulama selain ulama mazhab Syafii, berpendapat tidak boleh menyembelih *dam* tamattuk dan qiran sebelum Hari Raya Korban dengan dalil-dalil berikut:<sup>156</sup>

1. Firman Allah SWT:

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ  
بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۖ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Al-Haj 22:28

Ertinya: “Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); Dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang qurban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”

2. Dan hadis Rasulullah SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: الْأَيَّامُ الْمَعْلُومَاتُ يَوْمَ النَّحْرِ وَثَلَاثَةُ أَيَّامٍ بَعْدَهُ.

Ertinya: “Dari Ibn ‘Abbās r.a., ia berkata: al Ayyām al-Ma‘lūmāt itu ialah hari Nahar (tarikh 10 Zulhijah) dan tiga hari setelahnya (11, 12, 13 Zulhijah).”<sup>157</sup>

Dengan ayat dan keterangan dari Ibn ‘Abbās ini jelas bahawa menyembelih *hadyu* di luar waktu yang telah ditetapkan adalah tidak sah.

Menggugurkan,” 468-469; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata‘allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 128; Johari Alias, *Panduan Ibadah Haji, Umrah dan Ziarah*, 127.

<sup>156</sup> Al-Bashanfar, *al-Mughni fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-‘Umrah*, 216.

<sup>157</sup> H.R. Ibn Abi Hatim, dalam: *Al-Muttaqī al-Hindī, Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 2, Bab Tafsir Surat al-Hajj, no. 4528.



3. Berdasarkan perbuatan peribadi Rasulullah SAW sendiri.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَتَأْخُذُوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ.

Ertinya: Rasulullah SAW bersabda, “Ambillah dari aku/contohnya aku dalam hal melakukan manasikmu.”<sup>158</sup>

Rasulullah SAW tidak menyembelih atas nama peribadi beliau, juga tidak atas nama salah satu dari isteri-isterinya kecuali pada Hari Raya Korban. Begitu juga para sahabatnya.

4. Tidak seorang pun dari Khulafā’ al-Rāshidīn, Muhajirin dan Ansar menyebutkan adanya dalil atau keterangan yang kuat bahawa dibolehkan menyembelih haiwan *hadyu* itu dan tidak dibolehkan sebelum Hari Raya Korban kerana diqiyaskan kepada waktu penyembelihan haiwan korban itu sendiri.
5. Menyembelih haiwan *hadyu* itu tidak dibolehkan sebelum Hari Raya Korban kerana diqiyaskan kepada waktu penyembelihan haiwan korban itu sendiri.
6. Keterangan yang ada dalam hadis-hadis sahih menunjukkan mengenai haiwan *hadyu* yang dibawa orang yang tertahan dari tanah halal/bukan tanah suci. Jika menyembelih *hadyu* tamattuk itu dibolehkan sebelum Hari Raya Korban, pasti ia akan tahalul dari umrah kemudian menyembelih haiwan tersebut seperti yang diterangkan dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* dan hadis lain bahawa Ḥafṣah r.a. berkata:

---

<sup>158</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, Juz. 8, Kitab al-Ḥajj, Bab Ḥajjah al-Nabī; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, al-Jāmi‘ al-Sagħīr, Jilid. 5, no. 7221.

عن نافع، عن ابن عمر، عَنِ حَفْصَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ، أَنهَا قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ! مَا شَأْنُ النَّاسِ حَلُّوا بِعُمْرَةٍ وَمَمْ تَحَلَّلْنَ أَنْتَ مِنْ عُمْرَتِكَ؟ قَالَ: إِيَّيْ لَبَدْتُ رَأْسِي وَقَلَّدْتُ هَدْيِي فَلَا أُحِلُّ حَتَّى أَنْحَرَ.

Ertinya: *Daripada Nāfi', dari Ibn 'Umar, dari Hafsa r.a., beliau berkata, "Wahai Rasulullah! Bagaimana keadaan orang-orang (para sahabat) yang telah bertahalul umrah, sedangkan engkau sendiri belum bertahalul dari umrahmu itu? Rasulullah SAW menjawab, "Saya telah memberi pengikat di rambutku dan membawa haiwan hadyu. Saya tidak akan tahalul sebelum menyembelih haiwan hadyu ini."*<sup>159</sup>

Secara kesimpulan, perbezaan yang mendasar antara KEMENAG dengan PERSIS dalam masalah ini adalah, KEMENAG menganggap *hadyu* bagi yang mengambil haji dengan cara tamattuk dan qiran adalah *dam* atau denda dan boleh disembelih sebelum Hari Raya Korban. Sementara PERSIS berpendapat *hadyu* tamattuk dan qiran bukan *dam* atau denda atas pelanggaran dan wajib *hadyu* disembelih setelah Hari Raya Korban.

Bila diteliti dengan cermat, dalil-dalil yang dikemukakan oleh kedua-dua kelompok ulama yang menjadi sandaran bagi kedua-dua organisasi tersebut sama-sama kuat. Tetapi jika dilihat dari segi kemaslahatan dan keselesaan dengan keadaan jemaah yang semakin hari semakin bertambah. Maka pengkaji lebih cenderung dengan pendapat KEMENAG yang menyatakan boleh menyembelih *hadyu* haji tamattuk dan qiran sebelum Hari Raya Korban dan setelah melaksanakan umrah. Alasannya kerana dengan cara ini keadaan jemaah akan lebih tertib dan selesa. Sebab, jika semua pemotongan *dam* tersebut dilaksanakan setelah Hari Raya Korban maka akan menimbulkan kesesakan dan tidak nyaman. Selain itu, jika dilaksanakan setelah umrah

<sup>159</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Ḥajj, Bab Man Labbada Ra'sahu 'inda al-Iḥrām wa Ḥallaqa, no. 1638. H.R. Imam Muslim, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj, Bab Bayān anna al-Qarīn la Yataḥallalu illā fī Wakt Tahalul al-Ḥajj al-Mufrād, no. 1229. H.R. Imam Ibn Mājah, dalam: Sunan Ibn Mājah, Juz. 2, Kitab al-Manāsik, Bab Man Labbada Ra'sahu, no. 3046.

maka jemaah mempunyai masa yang cukup lapang untuk melaksanakan perkara tersebut.

### 5.2.8 Umrah Sunat Sesudah Haji Tamattuk dan Qiran

Banyak yang melaksanakan umrah setelah haji dan dikatakan bahawa itu adalah umrah sunat. Dan banyak jemaah haji yang menggunakan kesempatan selama ada di Makkah untuk melakukan beberapa kali umrah sunat. Malah ada sebahagian mereka beranggapan bahawa tujuh kali umrah sama nilainya dengan melaksanakan ibadat haji.

Pemahaman seperti ini berdalilkan kejadian yang dialami oleh ‘Ā’ishah, iaitu beliau melaksanakan haji tamattuk, kemudian kerana mengalami haid dan terhalang dari melaksanakan umrah, maka beliau hanya melaksanakan haji sahaja. Tetapi setelah beliau diberangkatkan ke Tan’im untuk melaksanakan iḥrām umrah maka timbul permasalahan. Adakah umrah yang dilaksanakan oleh ‘Ā’ishah itu umrah sunat setelah haji atau bukan? Dan boleh melaksanakan umrah berkali-kali atau tidak? Dalam hal ini, terdapat perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS.

Menurut KEMENAG, boleh seseorang melaksanakan umrah sunat<sup>160</sup> sesudah haji tamattuk dan qiran berkali-kali, baik untuk dirinya, untuk orang lain atau dihadiahkan bagi ibubapanya. Maka tempat memulakannya ialah Tan’im, iaitu satu tempat yang terletak antara Makkah dan Madinah.<sup>161</sup>

Pendapat tersebut berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

---

<sup>160</sup> Umrah sunat ialah umrah yang dilaksanakan untuk kali kedua dan seterusnya, dan bukan kerana nazar. Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji*, 6).

<sup>161</sup> Atfīsi, *Sharḥ al-Nayl wa Shifā’ al-‘Alīl*, Kitab ke-6, 464; Idris Ahmad, *Fiqh Syafi’i*, 1:480; Departemen Agama RI, *Ibid.*, 7; Lihat perbincangan lebih terperinci dalam bab sebelum ini; Al-Banjari, Aḥmad Jamhūri Jaharis Nūr al-Dīn, *Dalīl li al-Ḥajj wa al-Mu’tamirīn fī Ziyarah al-Haramayn al-Sharīfayn* (siri. ke-1, Makkah: al-Narjīs, 1428H.), 113.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَقَارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحُجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ.

Ertinya: *Dari Abī Hurayrah r.a., bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, “Umrah yang satu dengan umrah berikutnya adalah kifarāt (penghapusan dosa) bagi apa-apa yang ada di antaranya; dan haji mabrur, tiada imbalan baginya kecuali surga.”*<sup>162</sup>

Hadis dari ‘A’ishah r.a.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا لَمَّا خَرَجَتْ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوُدَاعِ حَاضَتْ فَتَفْعَلُ كَمَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ الطَّوَافِ ثُمَّ قَالَتْ: فَلَمَّا قَضَيْنَا الْحُجَّ أَرْسَلَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ إِلَى التَّنْعِيمِ فَأَعْتَمَرْتُ فَقَالَ: هَذِهِ مَكَانُ عُمْرَتِكَ.

Ertinya: *“Dari ‘A’ishah r.a. bahawasanya tatkala ia keluar bersama Rasulullah SAW pada haji wadā’, beliau sedang haid, maka beliau mengerjakan seperti apa yang dikerjakan oleh orang haji, kecuali tawaf, kemudian ia berkata: Tatkala kami menunaikan ibadat haji, aku disuruh oleh Rasulullah SAW bersama ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr ke Tan’im, maka akupun umrah. Lalu ‘Abd al-Raḥmān berkata: “Inilah tempat umrah kamu.”*<sup>163</sup>

Al-Ṣan‘ānī menerangkan dalam kitabnya, *“Subul al-Salām”*: Dan pada ucapan *“al-‘Umrah ilā al-‘Umrah”* menjadi dalil berulang-kalinya umrah. Dan sesungguhnya tidak makruh dalam hal itu dan tidak terbatas dengan waktu. Dari zahir hadis itu, waktunya adalah umum dalam pensyariatan umrah dan itu merupakan mazhab jumhur. Dan dikatakan kecuali bagi orang yang keliru dengan haji. Dan dikatakan pula *“kecuali hari-hari Tasyriq,”* dan dikatakan pula *“dan hari Arafah,”* dan dikatakan, *“kecuali bulan-bulan haji, bagi yang selain haji tamattuk dan qiran,”* tetapi yang lebih jelas ialah

<sup>162</sup> H.R. Muttafaq ‘Alayh, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:629; *Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:983. (Lihat: Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, al-Jāmi‘ al-Sagḥīr, Jilid. 4, Faṣl fī al-Maḥalla bi Alin min Ḥarf al-‘Ayn, no. 5733; Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 5, Kitab al-Faḍāil, no. 12294.

<sup>163</sup> H.R. Imam al-Bukhari, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Kitab al-Ḥajj, Bab Kayf Taḥillu al-Ḥaid wa al-Nufasā’, no. 1481.

bahawa umrah itu disyariatkan secara mutlak. Rasulullah sendiri melakukannya pada bulan-bulan haji. Seperti yang telah maklum, walaupun umrah yang keempat dengan haji, sebab beliau berhaji qiran, seperti yang telah jelas dalil-dalilnya. Demikian itu adalah mazhab para imam yang jelas.”<sup>164</sup>

Berkata Ṭāwūs, “Orang-orang Jahiliyah menganggap berumrah pada bulan-bulan haji itu sebagai perbuatan yang paling keji. Mereka menyebutkan: “Apabila telah berlalu bulan Safar, dan telah sembuh luka-luka di kaki unta, serta telah hilang jejak dari jemaah haji, baharulah datang saat berumrah bagi sesiapa yang hendak mengerjakannya!” Maka tatkala Islam datang, orang-orang pun disuruh untuk mengerjakannya pada bulan-bulan haji, hingga dengan demikian umrah pun dapat dilakukan pada musim haji hingga hari kiamat.”<sup>165</sup>

Jumhur ulama berpendapat bahawa waktu umrah dalam setahun itu ialah sepanjang hari. Justeru dapat dilakukan pada salah satu di antara hari-hari tersebut. Namun begitu, Abū Ḥanīfah menganggapnya makruh pada lima hari, iaitu hari Arafah, hari Nahar dan hari-hari Tasyriq. Sedangkan menurut Abū Yūsuf makruh melakukannya pada hari Arafah dan tiga hari setelah itu. Dan mereka bersepakat boleh melakukannya pada bulan-bulan haji. Adapun waktunya yang lebih utama ialah bulan Ramadan.<sup>166</sup>

Menerusi pandangan para ulama seperti di atas, mengenai dibolehkannya melaksanakan umrah secara mutlak dalam satu tahun, secara umum menunjukkan boleh memperbanyakkan umrah setelah menunaikan ibadat haji tamattuk dan qiran, tanpa ada sebarang halangan.

---

<sup>164</sup> Al-San‘ānī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām* (cet. ke-4, Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1987), 2:178; Lihat: Atfisi, *Sharḥ al-Nayl wa Shifā’ al-‘Alīl*, Kitab ke-6, 464.

<sup>165</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:750; Wawan Shofwan, *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah* (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 450,459.

<sup>166</sup> Sayid Sābiq, *Ibid.*, 751; Atfisi, *Sharḥ al-Nayl wa Shifā’ al-‘Alīl*, Kitab ke-6, 464.

Adapun menurut pendapat PERSIS, memperbanyak umrah sepanjang musim haji khususnya setelah haji tamattuk dan qiran tidak terdapat keterangan bahawa Nabi SAW atau para sahabat melakukan perkara tersebut, sepertimana yang dilakukan oleh kebanyakan jemaah haji. Hal ini tentu sahaja bukan bererti para sahabat malas atau tidak mahu mendapat pahala, tetapi kerana Nabi SAW tidak pernah mencontohkan atau menganjurkannya.<sup>167</sup>

Adapun perbuatan ‘Ā’ishah (seperti dalam hadis di atas) berīhrām dari Tan’im sesudah selesai haji, kerana beliau belum sempat melaksanakan umrah sebelum haji kerana haid. Jadi tidak boleh dijadikan dalil untuk memperbanyak umrah. Malah ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr yang ditugaskan Nabi SAW untuk menghantarkan ‘Ā’ishah īhrām dari Tan’im tidak melaksanakan umrah lagi.<sup>168</sup>

Menurut riwayat Muslim dari Ṭāwūs dari ‘Ā’ishah, Nabi SAW bersabda, “*Tawafmu itu telah merangkumi haji dan umrahmu.*”<sup>169</sup>

Adapun Rasulullah SAW memberangkatkan ‘Ā’ishah untuk umrah dari Tan’im itu hanyalah sekadar menenteramkan hati. Ini disebabkan oleh ‘Ā’ishah yang menangis kerana merasa belum tenteram.<sup>170</sup>

---

<sup>167</sup> Sebagai bandingan atau contoh Ibn ‘Umar r.a. menyatakan bahawa tidak ada solat sunat rawatib kecuali sebelum Subuh bagi mereka yang sedang safar (bepergian). Hal ini bukan kerana Nabi SAW melarangnya, melainkan kerana Nabi SAW tidak mencontohkan. Dan para sahabat berusaha meninggalkan apa yang ditinggalkan oleh Nabi SAW sebagai realisasi “*beruswah*” (meneladani) kepada beliau. (Lihat: Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 74-75; Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah*, 85-86).

<sup>168</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Ibid.*, 75.

<sup>169</sup> H.R. Imam Muslim.

<sup>170</sup> Al-‘Asqalāni, *Fath al-Bārī*, 3: 741.

Bagi yang mengalami haid sesudah ihram haji tamattuk atau qiran, cukup melaksanakan haji sahaja. Tetapi apabila merasa belum tenteram, ia boleh melaksanakan satu kali umrah sesudah hajinya dan *miqat*-nya dari Tan’im. (Lihat: Usman Shalehuddin, *Masailul Haji*, 104.

Dalam kitab “*Fatḥ al-Rabbānī*” dijelaskan: “Dan tidak terdetik berita ada seorang sahabat di zaman Nabi SAW yang keluar dari Makkah ke Tanah Halal, untuk *īhrām* umrah, selain ‘Ā’ishah.”<sup>171</sup>

Imam Mālik berkata: “Sesungguhnya apa yang Nabi SAW dan para sahabat tinggalkan padahal ada sebab dan rangsangan untuk mengamalkannya, maka meninggalkan atas perbuatan tersebut menunjukkan bahawa perbuatan tersebut tidak disyariatkan dan malah dilarang dalam agama.”<sup>172</sup>

Para ulama, termasuk Shaykh Ibn Taymiyyah dalam fatwanya. Keterangan beliau juga dikutip oleh Shaykh Muhammad bin Šālih al-‘Uthaymin dalam “*Al-Shahr al-Mumti*” menyatakan bahawa umrah berulang-ulang setelah menunaikan ibadat haji adalah makruh dan tidak disyariatkan.<sup>173</sup> Seperti dalam kenyataan-kenyataan di bawah ini:

1. Pelaksanaan empat umrah yang dikerjakan Rasulullah, masing-masing dikerjakan dengan perjalanan (safar) tersendiri. Bukan satu perjalanan untuk sekian banyak umrah, seperti yang dilakukan oleh jemaah haji sekarang ini. Shaykh Muhammad bin Saleh al-‘Uthaymin menyimpulkan, setiap umrah mempunyai waktu safar tersendiri. Ertinya, satu perjalanan hanya untuk satu umrah sahaja.<sup>174</sup> Sedangkan perjalanan menuju Tan’im belum bisa dianggap safar. Sebab masih berada dalam lingkungan wilayah Makkah.
2. Para sahabat yang menyertai Rasulullah SAW dalam haji *wadā’*, tiada riwayat yang menerangkan salah seorang dari mereka yang pergi keluar menuju tanah

---

<sup>171</sup> Al-Bannā, *al-Fatḥ al-Rabbānī*, 9:58.

<sup>172</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 75-76.

<sup>173</sup> Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām bin ‘Abd Allah bin al-Khadr bin Muḥammad bin al-Khadr bin ‘Ālī bin ‘Abd Allah bin Taymiyyah al-Namīrī al-Harrānī al-Dimashqī, *Majmū’ al-Fatāwā* (cet. ke-1, t.tp: t.p, 1423 H.), 26: 248-290. (Pembahasan mengenai umrah bagi orang-orang yang berada di Makkah); Al-‘Uthaymin, Muḥammad bin Šāleḥ, *al-Shahr al-Mumti’ ‘alā Zād al-Mustaqni’* ( cet. ke-1, Madinah: Muassasah A-Sam, 1421 H./2001 M.), 7: 407.

<sup>174</sup> Muhammad bin Saleh al-‘Uthaymin, *Ibid.*, 2: 668.

yang halal untuk tujuan umrah, baik sebelum atau setelah pelaksanaan ibadat haji.<sup>175</sup>

3. Umrah Rasulullah SAW yang dimulai dari Ji'ranah tidak boleh dijadikan dalil untuk membolehkan umrah berulang-ulang. Sebab beliau tidak keluar dari Makkah ke Ji'ranah secara khusus, namun ada perkara lain yang membuat beliau keluar dari Makkah. Jadi, tidak sejuata-mata keluar untuk mengerjakan umrah.<sup>176</sup>
4. Nabi SAW, juga para sahabat –kecuali 'Aisyah r.a.- tidak mengerjakan satu umrah pun dari Makkah, walaupun setelah Makkah ditakluki.<sup>177</sup>
5. Mengenai umrah yang dilakukan oleh 'Aisyah pada haji *wadā'* bukanlah berdasarkan perintah Nabi SAW. Beliau mengizinkan setelah 'Aisyah memohon dengan sangat.<sup>178</sup>
6. 'Ata' bin Abi Rabah berkata: Tiada manusia ciptaan Allah kecuali wajib atas dirinya haji dan umrah. Dua kewajipan yang harus dilaksanakan bagi orang yang mampu, kecuali penghuni Makkah. Mereka wajib mengerjakan haji, tetapi tidak wajib umrah, kerana mereka sudah mengerjakan tawaf. Dan itu sudah mencukupi".<sup>179</sup>
7. Intisari umrah adalah tawaf. Adapun *sa'i* antara *Safa* dan *Marwah* bersifat menyertai sahaja. Bukti yang menunjukkan sebagai penyerta adalah, *sa'i* tidak dikerjakan kecuali setelah tawaf. Dan ibadat tawaf ini boleh dikerjakan oleh penduduk Makkah, tanpa harus keluar dari batas tanah suci Makkah terlebih dahulu. Barangsiapa yang sudah mampu mengerjakan perkara yang inti, ia tidak

---

<sup>175</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmū' al-Fatāwā*, 26: 252.

<sup>176</sup> *Ibid.*, 254.

<sup>177</sup> *Ibid.*, 256, 273.

<sup>178</sup> *Ibid.*, 252.

<sup>179</sup> 'Ata' bin Abi Rabah al-Salam al-Quraysi al-Fihri, dari kalangan generasi Tabi'in. Berguru kepada sejumlah sahabat Nabi. Di antara mereka, Jabir bin Abdillah, Ibn Abbas, Abu Hurayrah, Abu Sa'id al-Khudri, Abdullah bin Amr bin al-Ash, Abdullah bin Zubayr. Seorang Mufti Makkah di zamannya dan dikenal sebagai orang yang paling tahu mengenai manasik haji. Wafat 114 H.



diperintahkan untuk menempuh wasilah (perantara yang menghantarkan kepada tujuan).<sup>180</sup>

8. Berkeliling di Kaabah adalah ibadat yang dituntut. Adapaun menempuh perjalanan menuju tempat halal untuk berniat umrah dari sana merupakan sarana menjalankan ibadat yang diminta. Orang yang menyibukkan diri dengan sarana (menuju tempat halal untuk menunaikan umrah dari sana) sehingga meninggalkan tujuan inti (tawaf), orang ini telah salah jalan, tidak faham agama.
9. Mereka mengetahui dengan yakin, bahawa tawaf di sekeliling Baitullah jauh lebih utama daripada sa'i dan hal-hal lain dari amalan umrah. Malah Ibn Taymiyyah menilainya sebagai perkara bidaah.<sup>181</sup>
10. Pada penaklukan Makkah, Nabi SAW berada di Makkah selama sembilan belas hari. Tetapi, tiada riwayat bahawa beliau keluar ke daerah halal untuk melaksanakan umrah dari sana.<sup>182</sup>

Secara kesimpulan, Kementerian Agama berpendapat, boleh seseorang melaksanakan umrah sunat berulang-kali setelah selesai ibadat haji tamattuk dan qiran, sementara PERSIS tidak membolehkan, kerana perkara itu tidak pernah dicontohkan oleh Rasulullah SAW.

Dari keterangan di atas, kelihatan pendapat-pendapat mengenai dibolehkan dan tidak dibolehkan memperbanyak umrah setelah ibadat haji tamattuk dan qiran memiliki dalil yang cukup kuat. Akan tetapi jika diperhatikan dengan cermat dalil yang dipegang oleh KEMENAG lebih kuat, kerana memandangkan ibadat umrah adalah amalan sunat;

---

<sup>180</sup> Ibn Taymiyyah, *Majmū' al-Fatāwā*, 26: 262.

<sup>181</sup> *Ibid.*, 264.

<sup>182</sup> Al-'Uthaymin, *al-Shahr al-Mumtī' 'alā Zād al-Mustaqni'*, 2: 668.

jika dikerjakan mendapat pahala dan jika ditinggalkan tidak berdosa, maka perkara itu boleh sahaja dilakukan. Jika perkara itu adalah bidaah maka ia akan menjadi bidaah hasanah yang boleh dikerjakan.

### 5.2.9 Badal Haji dan Umrah

Bab sebelum ini telah membahaskan secara terperinci mengenai permasalahan badal haji dan umrah, berdasarkan dalil-dalil al-Quran, hadis mahupun pendapat para ulama mazhab. Antara mereka ada yang menyokong disyariatkan badal haji dan umrah, dan ada pula yang menolaknya. Akan tetapi fokus perbahasan dalam bab ini adalah menumpukan perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS.

Pendapat jumhur ulama menyatakan bahawa badal dalam masalah haji adalah disyariatkan. Pendapat ini telah dijadikan sandaran dan amalan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia.<sup>183</sup>

Antara alasan atau dalil yang dijadikan dasar adalah:

عن ابن عباس أَنَّ امْرَأَةً مِنْ خَتَمِ قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ فَرِيضَةَ اللَّهِ فِي الْحُجِّ عَلَى عِبَادَةِ  
أَدْرَكْتُ أَبِي شَيْخًا كَبِيرًا لَا يَثْبُتُ عَلَى الرَّاحِلَةِ أَفَأَحْجُّ عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ، وَذَلِكَ فِي حَجَّةِ  
الْوَدَاعِ.

Ertinya: *Dari Ibn ‘Abbās r.a., bahawa seorang perempuan dari Khath’am berkata: “Wahai Rasulullah sesungguhnya kewajipan dari Allah mengenai haji telah sampai kepada ayah hamba setelah tua, ia tidak mampu untuk mengadakan perjalanan, apakah aku boleh melakukan haji untuknya? Nabi SAW menjawab: “ Iya.” Ini berlaku pada waktu haji wadā’.*<sup>184</sup>

<sup>183</sup> Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata‘allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 19,70; Rujuk bab IV, dalam perbahasan “ Hukum Badal Haji dan Umrah.”

<sup>184</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, Juz. 3/461, Kitab “al-Ḥajju,” Bab “al-Ḥajju ‘Amman Yaḥujju ‘anhu,” no. 1513, 1854, 1855, 4399, dan 6228; Imam Muslim, 2/973, Kitab “al-Ḥajju,” Bab “al-Ḥajju ‘an al-‘Ajiz,” no. 1334.

Dan keterangan lain, hadith Nabi SAW:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: إِنَّ أُمَّي نَذَرْتُ أَنْ تَحُجَّ فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ حُجِّي عَنْهَا أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمَّكِ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً أَفَضُّوا اللَّهَ فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.

Ertinya: *Dari Ibn ‘Abbas r.a. bahawa seorang perempuan dari Juhaynah datang kepada Nabi SAW lalu berkata: Sesungguhnya ibuku bermaksud untuk ibadat haji, tapi ia tidak boleh dilaksanakan sehingga ia wafat, apakah saya harus menghajikannya? Nabi SAW menjawab: “Ya, hajikan sahaja olehmu. Bagaimana pandanganmu jika ibumu itu mempunyai hutang, apakah engkau akan membayarnya? Bayarlah hutang kepada Allah, kerana hutang kepada Allah lebih berhak untuk dibayar.”*<sup>185</sup>

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ سَمِعَ رَجُلًا يَقُولُ لَبَّيْكَ عَنْ شُبَيْرَةَ قَالَ: مَنْ شُبَيْرَةَ؟ قَالَ: لَا قَالَ أَخٌ لِي أَوْ قَرِيبٌ لِي فَقَالَ حَجَّجْتَ عَنْ نَفْسِكَ؟ قَالَ: لَا قَالَ: حُجَّ عَنْ نَفْسِكَ ثُمَّ حَجَّ عَنْ شُبَيْرَةَ.

Ertinya: *Dari Ibn ‘Abbas r.a. bahawa Nabi SAW mendengar seorang lelaki berkata: Labbayka ‘an Shubramah, lalu Nabi bertanya: “Siapakah Shubramah itu?” Ia menjawab: “Saudaraku atau kerabatku”. Nabi bertanya: “Apakah engkau sendiri sudah haji?” Ia menjawab: “Belum,” Nabi bersabda: “Hajilah untukmu dahulu kemudian haji untuk Shubramah.”*<sup>186</sup>

Mengenai hadis tersebut telah disepakati kesahihannya, namun ada perbezaan pendapat mengenai *marfū’nya*.<sup>187</sup>

<sup>185</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juz. 1, Bab al-Ḥajju wa al-Nudhur ‘an al-Mayyit, no. 1754.

<sup>186</sup> Lihat: Ibn Khuzaymah, Abū Bakr Muḥammad bin Ishāq. *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, ed. Muhammad Muṣṭafā al-‘Azhamī (Bairut: al-Maktab al-Islāmī, 1975), 4:345, no. 3039; Abū Dāwūd al-Sijilsattānī dan Sulayman bin al-As‘ad, *Sunan Abū Dāwūd* (Bairut: Dār al-Fikr, 1990), 2:421; ‘Ali bin ‘Umar al-Dāruqutnī, *Sunan al-Dāruqutnī* (Bairut: Dār al-Fikr, 1994), 12:39, no. 12419; Al-Ṭabrānī, Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb, *al-Mu‘jam al-Saghīr* (Bairut: Dār al-Fikr, 1981), 1:220; Ibn Ḥibbān, Abū Hātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī, *al-Iḥsān Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* (Makkah: Dār al-Bāzz, 1987), 4:120, no. 3977.

<sup>187</sup> Ibn Hazm, *al-Maḥallī*, 7:62; Sila rujuk pembahasan secara terperinci mengenai kedudukan hadis-hadis tersebut dalam bab III, tajuk: “Hukum Badal Haji dan Umrah.”

Dari hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa menggantikan orang yang telah meninggal untuk naik haji, hukumnya wajib, baik hal itu diwasiatkannya atau tidak. Kerana hutang itu wajib dibayar secara mutlak.<sup>188</sup>

Pendapat di atas menjadi mazhab Ibn ‘Abbās, Zayd bin Thābit, Abū Hurayrah, Abū Ḥanīfah dan Syafii. Dan menurut mereka upahnya harus dikeluarkan dari harta si mati.<sup>189</sup>

Ibn Ḥazm menegaskan dalam kitabnya “*al-Maḥallī*,” “Barang siapa berkata bahawa amalan jasad tidak boleh digantikan oleh orang lain, maka dakwaan itu adalah batal dan dusta. Malah perkara itu diperintahkan oleh Rasulullah SAW, dan jika diqiyaskan kepada solat maka qiyas itu adalah batil.”<sup>190</sup>

Berbeza sedikit dengan pendapat Imam Mālik yang mengatakan bahawa wajib menggantikan orang yang telah meninggal dunia jika ia berwasiat. Jika ia tidak memberi wasiat, maka tidak wajib digantikan.<sup>191</sup>

Tetapi walaupun Imam Mālik meletakkan syarat untuk menggantikan haji dengan “wasiat,” akan tetapi tidak mengubah maksud disyariatkan badal dalam ibadat haji.

Jika ada hadis yang menerangkan bahawa amal manusia itu akan terputus apabila telah meninggal dunia kecuali tiga hal (amal jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak saleh yang mendoakannya). Maka yang terputus adalah usahanya sendiri, adapun

---

<sup>188</sup> Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 7:42, 44; Al-Faṭānī, *Fath al-Mu‘īn*, 323; Aḥmad Harīrī, “al-Ḥajj ‘an al-Ghayr,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyyā al-Barrī (Mesir: Dār al-Iftā’, 1980), 192; Ibn Hazm, *Ibid.*, 59, 65; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata‘allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 82.

<sup>189</sup> Al-Samarqandī, *Tuḥfah al-Fuqahā’*, 1:426-428; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:636; Aḥmad Harīrī, *Ibid.*, 192; Ibn Ḥazm, *Ibid.*, 65.

<sup>190</sup> Ibn Hazm, *Ibid.*, 59.

<sup>191</sup> Al-Bardha‘ī, *al-Tahdhīb fī Ikhtisār al-Mudawwanah*, 1:224; Ibn Hazm, *Ibid.*, 62, 273; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:637; Bandingkan dalam Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 7:41, 44; Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī*, 3:188; Al-Murtaḍā, *Tāj al-Madhhab li Ahkām al-Madhhab*, 165.

usaha atau amalan orang lain masih bisa bermanfaat baginya seperti doa dan lain-lain. Adapun al-Quran ayat 39 surah al-Najm<sup>192</sup>, yang menerangkan bahawa manusia tidak akan dapat pahala selain dari amal usahanyanya sendiri, maka anak yang menggantikannya untuk badal hajinya adalah merupakan usaha orang tuanya. M. Nāṣir al-Dīn a-Bānī mengatakan bahawa anak itu adalah merupakan usaha orang tuanya.<sup>193</sup>

Dan sebahagian besar ulama mazhab mendukung pendapat mengenai bolehnya melaksanakan badal haji, seperti ulama Ḥanafiyah, Shāfi'iyah dan Ḥanbaliyyah. Sedangkan ulama khalaf yang mendukung bolehnya melakukan badal haji antara lain: Shaykh M. Nāṣir al-Dīn al-Bānī, Shaykh 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allah bin Bāz, Shaykh Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaymin dan para ulama Saudi yang lain.<sup>194</sup>

1. Imam al-Bukhari dalam kitab Sahihnya<sup>195</sup> membuat tajuk:

- a. *Bāb al-ḥajj wa al-nudhūr 'an al-mayyit wa al-rujul 'an al-mar'ah* (Bab mengenai haji dan nazar dari orang yang mati dan haji orang lelaki untuk perempuan).
- b. *Bāb al-ḥajj 'amman la yastaṭī' al-thubūt 'alā al-rāḥilah* (Bab mengenai haji untuk orang yang tidak mampu duduk di atas kenderaan).

2. Imam Muslim dalam Kitab Sahihnya<sup>196</sup> membuat tajuk:

- Bāb al-ḥajj 'an al-'ajīz lizamānah wa ḥarāmin wa naḥwiha aw li al-mawt*  
(Bab mengenai haji untuk orang yang lemah dikeranakan sakit yang tiada harapan sembuh atau kerana terlalu tua atau kerana kematian).

---

<sup>192</sup> “ *Wa an laysa li al-insān illā mā sa 'ā.*”

<sup>193</sup> Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah* (Bairut: al-Maktab al-Islāmī, 1976), 1:793.

<sup>194</sup> Muḥammad bin 'Abd al-'Azīz al-Musnad, *Fatwa-Fatwa Haji dan Umrah oleh Ulama-Ulama Besar Saudi Arabia*, terj. H. AS. Zamakhsyari (Bogor: Pustaka Imam Syafii, 2002), 61-69.

<sup>195</sup> Al-Bukhārī, Abū Abdillāh Muḥammad Ibn Ismā'īl bin Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah al-Jūfī, *Matn al-Bukhārī Biḥāshiyah al-Sindī* (Bairut: Dār al-Fikr, t.t.), 1: 318.

<sup>196</sup> Muslim, Abū al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjāj Ibn Muslim al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Sahīh Muslim* (Bairut: Dār al-Fikr, 1988), 1: 614.

Tajuk-tajuk bab yang ditulis dalam kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim tersebut menunjukkan bahawa Imam al-Bukhari dan Imam Muslim yang dikenal sebagai Shaykh Ahli Hadis yang paling disegani di kalangan para pemerhati hadis lebih cenderung pada pendapat bahawa badal haji itu disyariatkan.

Secara ringkasnya, ulama mazhab telah bersepakat bahawa orang yang mampu melaksanakan haji dan dapat memenuhi semua syaratnya, maka dia wajib melaksanakan haji secara langsung, dan tidak boleh menggantikannya kepada orang lain. Tetapi apabila orang yang telah mengumpulkan semua syarat haji dari segi harta, tetapi dia sudah lemah untuk melaksanakannya sendiri secara langsung kerana tua, atau diserang penyakit yang tidak boleh diharapkan kesembuhannya, maka kewajipan untuk melaksanakannya secara langsung telah gugur, dan boleh digantikan orang lain melakukan hajinya.<sup>197</sup> Sedangkan menurut Imam Malik bagi orang yang masih hidup tapi tidak mampu melakukan haji sendiri maka tidak wajib dibadalkan kepada orang lain, kerana menurutnya badal dibolehkan bagi orang yang sudah meninggal dunia dan sudah berwasiat sebelumnya.<sup>198</sup>

Pendapat di atas disokong oleh fatwa Shaykh Jad al-Ḥaq ‘ala Jad al-Ḥaq dalam “*Fatāwā al-Azhār*”: “Berkata ulama Mālikiyah bahawa haji tidak boleh digantikan dengan orang lain, baik dalam keadaan sihat ataupun sakit. Dan upah adalah tidak sah. Adapun wasiat untuk menggantikan ibadat haji adalah makruh. Dan tiga ulama lain seperti Imam Syafii, Ḥanafī dan Ḥanbalī berpendapat bahawa dibolehkan badal dalam ibadat haji bagi sesiapa yang lemah melaksanakan ibadat haji dengan sendiri. Maka wajib baginya meminta pertolongan orang lain untuk menggantikannya dengan syarat hendaklah keadaan orang yang meminta tersebut lemah yang berterusan sehingga mati

---

<sup>197</sup> Al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, 8:172; Al-Faṭānī, *Fatḥ al-Mu’īn*, 323.

<sup>198</sup> Al-Bardha’ī, *al-Tahdhīb fī Ikhtisār al-Mudawwanah*, 1:224; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata’allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 19,31.

menurut kebiasaannya, seperti sakit yang tiada harapan untuk sembuh, buta dan tua. Tiada upah ke atas haji seperti ini menurut pendapat mazhab Ḥanafī. Selain itu, mazhab Syafii berpendapat tidak boleh meminta upah ke atas haji dengan syarat kedua orang yang berakad tersebut mengetahui pelaksanaan ibadat haji fardhu ataupun sunat keseluruhannya. Demikian juga mazhab Ḥambali mensyaratkan orang yang menggantikan tersebut telah melaksanakan ibadat haji sebelumnya.”<sup>199</sup>

Menurut Imam Syafii dan kebanyakan ulama, seseorang yang hendak mengerjakan haji untuk orang lain, hendaklah orang yang sudah menunaikan rukun haji. Jika tidak, maka haji yang dikerjakannya itu jatuh untuk dirinya.<sup>200</sup> Sedangkan menurut pendapat Imam Mālik, Imam Aḥmad, Imam Abū Ḥanīfah, Ibrāhīm, Ayyūb al-Sakhtiyānī, dan Ja‘far bin Muḥammad tidak wajib seseorang yang hendak membadalkan haji orang lain<sup>201</sup> sudah melaksanakan haji. Seandainya ia sudah melaksanakan haji, maka itu lebih utama.<sup>202</sup>

Berbeza halnya dengan pendapat PERSIS yang menolak adanya badal dalam masalah haji<sup>203</sup> Ini kerana menurut mereka, dalil di atas tidak boleh dijadikan sebagai dasar atau hujah untuk menghajikan seseorang kerana:<sup>204</sup>

---

<sup>199</sup> Jadd al-Ḥaqq ‘alā Jadd al-Ḥaqq, “Makānah al-Ḥajj fī al-Islām,” 201; Jadd al-Ḥaqq ‘alā Jadd al-Ḥaqq, “al-Istiṭā‘ah al-Shahīyah wa al-Ḥajj ‘an al-Ghayr,” 203.

<sup>200</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, 8:192; Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:257; Al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī*, 3:198; Jad al-Ḥaqq ‘alā Jad al-Ḥaqq, “Mufāja‘ah al-Hayd li al-Mar‘ah Athnā’ al-Ḥajj,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyya al-Barri (Mesir: Dār al-Iftā’, 1980), 205; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata‘allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 77. Untuk keterangan secara terperinci, sila rujuk dalam bab sebelum ini menerusi perbincangan yang sama.

<sup>201</sup> Persoalan menggantikan haji adalah bagi orang yang telah meninggal dunia dan bukan orang yang masih hidup. Kerana menurut beliau badal hanya berlaku bagi orang yang telah meninggal dunia. Lihat: Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 3:198.

<sup>202</sup> Lihat: Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:257; Aḥmad Harīrī, “al-Ḥajj ‘an al-Ghayr,” 192.

<sup>203</sup> Ibn Hazm, *al-Maḥallī*, 7:64; Pendapat kedua, Imam Malik, al-Layth, dan Hasan bin Salih berpendapat, “Seseorang tidak boleh menunaikan haji atas nama orang lain kecuali atas nama orang yang sudah meninggal dan belum melaksanakan fardhu haji,” Imam Malik berkata, “Tidak ada kewajipan haji bagi orang tersebut kecuali ia mampu melaksanakannya sendiri, kerana Allah SWT berfirman, “...bagi orang yang mampu menempuh perjalanan haji,” sedangkan orang itu tidak mampu. Ibn Rushd meriwayatkan pula pendapat seperti itu dari Imam Abu Hanifah, “Pendapat masyhur dari Imam Abu Hanifah adalah berlawanan dengan pendapat (yang menyatakan dibolehkan badal haji) itu.” Di dalam kitab “*Musannaḥ*” karya Ibn Abi Syaybah, terdapat riwayat dari Ibn ‘Umar r.a. yang mana beliau pernah berkata, “Seseorang tidak boleh menunaikan haji atas nama orang lain sebagaimana seseorang tidak boleh berpuasa atas nama yang lain.”

1. Hadis Shubramah riwayat Abū Dāwūd dan Ibn Mājah di atas tidak boleh digunakan sebagai hujah atau dalil. Menurut Ibn Mundhir, hadis tersebut tidak pasti *kemarfu'annya*. Imam Aḥmad menyebutnya *mawqūf* dan al-Dāruqutnī menyatakan *ḥadīth mursal*.
2. Mengenai hadis pertama yang diriwayatkan oleh al-Jamā'ah dan kedua yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī, dari segi sanad hadis tersebut adalah sahih. Tetapi dari segi *matan* (isi hadis) tidak boleh diamalkan. Ini kerana, isi hadis-hadis tersebut bertentangan dengan ayat al-Quran. Seperti ayat 97 surah Āli 'Imrān<sup>205</sup>, ayat 39 surah al-Najm<sup>206</sup>, ayat 18 surah Fāṭir<sup>207</sup> dan ayat 46 surah Fuṣilat.<sup>208</sup> Sementara, salah satu syarat hadis dinilai sahih ialah jika isinya tidak bertentangan dengan al-Quran atau dengan hadis *mutawātir*.<sup>209</sup> Pendapat ini disokong oleh Imam Mālik dalam "*Majmū'*"<sup>210</sup>
3. Ada yang menilai hadis-hadis di atas tidak bertentangan dengan surah al-Najm: 39. Ini kerana ayat tersebut dinilai dan hadis-hadis tersebut sebagai *takhṣīṣnya*. Alasan ini tidak boleh diterima kerana ayat tersebut tidak termasuk umum yang harus *ditakhṣīṣkan* oleh hadis. Kerana ayat tersebut sudah mengandungi *ḥaṣr* atau pembatas, sedangkan isi hadis tersebut menyebabkan gugurkan *ḥaṣr*. Alasan lainnya, ayat tersebut ditujukan kepada

---

Para ulama kelompok ini mengkritik hadis perempuan suku Khus'am (di atas. Pendapat ini disampaikan pula Imam Ibn 'Abd al-Bar. Sementara itu, Imam Iyad berpendapat, "Hadis perempuan dari suku Khus'am tersebut memberitakan tentang turunnya perintah kewajipan menunaikan haji bagi yang mampu diperjalannya, menunaikan haji atas nama bapanya dan bapanya mendapat pahala atau tidak dengan pelaksanaan haji tersebut. (Lihat: Al-Bashanfar, *al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-'Umrah*, 53-54, 59).

<sup>204</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 78-80.

<sup>205</sup> "Wa lillahi 'alā al-nās hijj al-bayti man istatā'a ilayhi sabīlā."

<sup>206</sup> "Wa an laysa li al-insān illā ma sa'ā."

<sup>207</sup> "Wa man tazakkā fainnamā yatazakkā li nafsih."

<sup>208</sup> "Man 'amīla ṣālihan falinafsih wa man asā'a fa 'alayhā wa mā rabbuka bi ḥallāmin li al-'abīd."

<sup>209</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 78; Ahmad Hassan Bandung, *Soal Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama* (cet. ke-15, Bandung: CV Penerbit Diponegoro, 2007), 1:242.

Al-Qurtubi berkata: Imam Malik berpendapat bahawa zahir hadis al-Khats'amiyyah bertentangan dengan zahir al-Quran. Maka yang kuat adalah zahir al-Quran. (Lihat: Aceng Zakaria, *al-Hidayah Pembahasan Perbedaan-perbedaan Pendapat Dalam Fiqh Berserta Pemecahannya: al-Hidāyah fī Masā'il Fiqhiyyah Muta'arīdah*, terj. A. Zakaria (cet. ke-1, Jawa Barat: Ibn Azka Press, 2004), 201).

<sup>210</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū'*, 8:173.



orang kafir bukan orang mukmin. Alasan ini tidak berdasarkan kerana menyalahi zahir ayat tersebut.<sup>211</sup>

4. Walaupun haji itu dijadikan sebuah nazar seperti yang dinyatakan dalam hadis riwayat al-Bukhārī di atas, tentu nazar kepada amal yang wajib hukumnya tidak sah. Sebab, andai kata ia mampu tentu haji itu wajib baginya sekalipun tidak nazar. Jika ia tidak mampu melaksanakan haji maka tidak berdosa kerana tidak termasuk kategori *istiṭā'ah*.
5. Haji itu "*fardu 'ayn*" untuk semua individu serta termasuk ibadat badaniah seperti halnya solat lima waktu, tidak boleh diwakilkan sebahagian apatah lagi keseluruhannya.<sup>212</sup>
6. Ibn 'Umar r.a. berkata: لَا يَحُجُّ أَحَدٌ عَنْ أَحَدٍ "Tidak boleh seseorang menghajikan untuk orang lain."<sup>213</sup>
7. Menurut riwayat Muslim pula, dari Ṭāwūs dari 'Ā'ishah, Nabi SAW bersabda, "Tawafmu itu telah merangkumi haji dan umrahmu."<sup>214</sup>
8. Ibadat haji itu, walaupun terdiri dari dua macam iaitu ibadat fizik dan ibadat harta, tetapi unsur fizik lebih menonjol. Kerana itu ibadat haji tidak boleh dibadalkan atau digantikan oleh orang lain.

Pendapat PERSIS juga disokong oleh keputusan Dewan Hisbah Persatuan Islam, antaranya:

---

<sup>211</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 79).

<sup>212</sup> Ini adalah sebahagian dari pendapat Malikiyah. Sebahagian lagi berpendapat boleh badal haji kalau ada wasiat. (Lihat: Aceng Zakaria, *al-Hidāyah*, 203; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:637; Bandingkan: Jadd al-Ḥaqq 'ala Jadd al-Ḥaqq, "Makānah al-Ḥajj fī al-Islām," 201.

<sup>213</sup> H.R. Imam al-Bukhārī, dalam: Al-'Asqalāni, *Fath al-Bārī*, Jilid. 4, Bab al-Ḥaj wa al-Nudhur 'an al-Mayyit wa al-Rajulu Yahujju 'an al-Mar'ah.

<sup>214</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Ḥajj. Bab Bayān Wujūh al-Ihrām wa Jawāz Idkhāl al-Ḥajj 'alā al-'Umrah, no. 1211.

1. Menghajikan untuk orang lain, sama ada yang masih hidup atau yang sudah mati tidak disyariatkan.
2. Seorang anak berangkat haji dengan niat mewakili atau menggantikan haji orang tuanya tidak disyariatkan.<sup>215</sup>

A. Hassan, salah seorang ulama besar PERSIS berpendapat, (menurut hadis di atas) harus bagi anak menghajikan orang tuanya yang telah mati atau masih hidup tetapi tidak mampu untuk mengerjakannya sendiri. Namun, tidak sampai pahalanya, melainkan pahala usahanya sendiri, tidak dari usaha orang lain.<sup>216</sup>

Ringkasannya, pendapat dan pegangan PERSIS menyatakan bahawa hadis yang memerintahkan menghajikan ayah atau ibunya yang telah meninggal adalah sah dari segi sanad. Tetapi tidak dapat diamalkan kerana bertentangan dengan al-Quran. Hadis yang memerintahkan saudaranya adalah *mawqūf*, begitu juga Ibn ‘Umar menyatakan bahawa seseorang tidak boleh menghajikan seseorang yang lain. Oleh yang demikian, ini bererti seseorang tidak boleh menunaikan haji bagi pihak yang lain baik orang tuanya atau saudaranya. Tambahan pula ibadat haji itu ibadat badaniah. Jadi mewakili yang lain yang masih hidup dalam melaksanakan sebahagian rukun haji seperti tawaf atau wuqūf tidak dibenarkan, apatah lagi mewakili yang mati dalam melaksanakan seluruh ibadat hajinya.<sup>217</sup>

KEMENAG pula menjawab alasan-alasan yang dikemukakan oleh PERSIS seperti berikut:

---

<sup>215</sup> Keputusan Dewan Hisbah, “Menghajikan Orang Yang Sudah Lanjut Usia Yang Sakit dan Mati,” dalam *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah*, ed. Wawan Shofwan Shalehuddin (cet. ke-1, Bandung: Persis Pers, 2008), 476.

<sup>216</sup> Ahmad Hassan Bandung, *Soal Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama*, 1:241-242.

<sup>217</sup> Bandingkan: Aceng Zakaria, *al-Hidāyah*, 205-206.

- *Istiṭā'ah* (berkemampuan) bagi ibadat haji ada dua; Badan dan *māl* atau harta.

Bagi orang yang ada *istiṭā'ah* badan dan mal, ia sendiri menunaikan haji. Adapun yang badannya tiada *istiṭā'ah* disebabkan lanjut usia atau sakit tetapi berkemampuan dari segi *māl*nya, maka boleh badal haji baginya.

Sebagaimana orang berkata: saya *istiṭā'ah*, mampu membuat rumah atau membuat pakaian. Maksudnya *istiṭā'ah* memberi upah kepada orang yang membangun rumah atau membuat pakaian baginya.<sup>218</sup>

- Zahir al-Quran menerusi surah al-Najm 53: 39 (*wa anna laysa li al-insān illā mā sa'ā*) menunjukkan ayat yang bersifat umum. Hadis yang ada dalam perbahasan ini merupakan pengkhususan dari umumnya ayat tersebut, atau kerana kandungan al-Quran itu untuk orang kafir (bukan untuk orang mukmin) Oleh sebab itu, antara zahir ayat dalam surah al-Najm 53: 39 dengan hadis ini tidak bertentangan.<sup>219</sup>

Ada lagi yang mengatakan bahawa “lam” (ditulis “li”) dalam ayat tersebut dengan erti “ ‘ala ” (tanggungan), yang ertinya tidak akan menjadi tanggungan, seperti pada ayat lain: “Bagi mereka laknat,” maksudnya kemalangan bagi mereka.<sup>220</sup>

<sup>218</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 4:341.

<sup>219</sup> Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, 4:320.

<sup>220</sup> Kenyataan ini disangkal oleh A.Zakaria iaitu salah seorang pakar rujuk agama bagi PERSIS. Iberskata bahawa ayat tersebut (surah al-Najm 53: 39), jika diperhatikan tidak termasuk umum yang harus di *takhsis* (pengkhususan). Kerana ayat tersebut sudah mengandungi *hasr* (pembatas), sedangkan isi hadis tersebut bererti menggugurkan *hasr*. Jadi mengamalkan hadis tersebut bererti menggugurkan *hasr*. Dan jika boleh pensyarah menta`wilkan LAM dengan ‘ALA atau menjadikan ayat tersebut hanya berlaku untuk orang kafir. Padahal itu menyalahi zahir ayat. Kemudian bagaimana dengan ayat-ayat lain, seperti: “Siapa yang menyucikan dirinya, maka ia hanya menyucikan diri sendiri.” (Fatir: 18). Dan ayat: “Siapa yang beramal shalih, maka kebajikannya itu hanya untuk dirinya sendiri.” (Fusilat: 46). (Lihat: Al-San‘ānī, *Subul al-Salām*, 2:182).

Dan tidak sah nazar kepada perkara-perkara yang wajib dikerjakan seperti haji. Kerana sekiranya ia mampu maka wajib baginya mengerjakan sekalipun tidak bernazar. Jika tidak mampu maka tidak wajib baginya. (Lihat: Aceng Zakaria, *al-Hidāyah*, 203, 204).

Allah SWT memimpin Nabi-Nya dengan wahyu untuk menjelaskan hukum, baik yang umum atau khusus. Maka dengan sabdanya itu, Nabi SAW menjelaskan dengan firman-Nya: “*Wa anna laysa li al-insan illā mā sa‘ā,*” Allah tidak bermaksud bahawa itu semua amal.<sup>221</sup>

- Haji yang diqiyaskan kepada solat adalah tidak sah. Ini kerana ibadat haji itu adalah ibadat *māliyah* dan *badaniyah*. Sedangkan solat merupakan ibadat badaniah. Oleh itu, tidak boleh disamakan antara haji dengan solat.

Pendapat di atas ditegaskan oleh al-Bannā dalam kitabnya “*al-Fatḥ al-Rabbānī*”, ibadat haji tidak boleh disamakan dengan ibadat solat, puasa dan ibadat badaniah yang lain, yang mana pada ibadat-ibadat tersebut tidak boleh dibadalkan.<sup>222</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, kesimpulannya adalah KEMENAG tetap pada pendirian yang mengatakan bahawa badal haji dibenarkan oleh syariat Islam. Sedangkan PERSIS menolak adanya badal haji dalam Islam.

Meneliti dalil-dalil yang dikemukakan oleh pendapat masing-masing seperti di atas, pengkaji cenderung kepada pendapat KEMENAG yang menyatakan badal haji adalah disyariatkan dalam Islam, kerana *rukḥṣah* atau kemudahan yang diberikan Allah dalam pelaksanaan ibadat haji adalah lebih patut. Ini kerana ibadat haji adalah ibadat jasad yang memerlukan kekuatan fizikal dan menanggung lebih banyak kepayahan jika dibandingkan dengan ibadat-ibadat yang lain. Sekiranya ibadat yang lain diberi keringanan, maka ibadat haji terlebih utama untuk diberi keutamaan dan cara yang tepat

---

<sup>221</sup> Ibn Khuzaymah, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 4:341.

<sup>222</sup> Al-Bannā, *al-Fatḥ al-Rabbānī*, 9:27; Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, 8:174.

untuk perkara tersebut iaitu dengan disyariatkannya badal ibadat haji dan umrah dalam Islam.

### 5.2.10 Solat Empat Puluh Waktu di Masjid Nabawi

Sebagai jemaah haji ada yang menggunakan kesempatan berziarah ke Madinah untuk melaksanakan solat empat puluh kali secara berturut-turut di masjid Nabawi. Amalan ini lebih dikenali dengan istilah *Solat Arba'in*.

Dan dimaksudkan oleh umumnya jemaah haji dengan solat *arba'in* ialah solat fardhu lima waktu secara berjemaah di masjid Nabawi sebanyak 40 waktu solat.<sup>223</sup> Hal tersebut dinilai sebagai amal yang sangat istimewa kerana akan mendapat pahala yang sangat besar. Dan dianjurkan berjemaah dengan imam rawātib dan tidak putus-putus kecuali ada *darūrah shar'iyah* (halangan yang dimaklumi seperti kesihatan dan datang haid bagi wanita).<sup>224</sup> Keyakinan tersebut didasarkan pada hadis:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِي ثنا الْحَكَمُ بْنُ مُوسَى قَالَ أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي الرَّجَالِ عَنْ نُبَيْطِ بْنِ عَمْرٍو وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَلَّى فِي مَسْجِدِي أَرْبَعِينَ صَلَاةً لَا يَفُوتُهُ صَلَاةٌ كُتِبَتْ لَهُ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبِحَاةٍ مِنَ الْعَذَابِ وَبِرِيٍّ مِنَ النَّفَاقِ.

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami ‘Abd Allah, ‘Telah menceritakan kepadaku ayahku (Aḥmad bin Ḥanbal), ‘Telah menceritakan kepada kami al-Hakam bin Mūsā. Abū ‘Abd al-Raḥmān ‘Abd Allah mengatakan, ‘Dan aku juga menerima langsung dari al-Ḥakam bin Mūsā, ‘Telah menceritakan kepada kami ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Rijāl, dari Nubayṭ bin Amr, dari Anas bin Mālik, dari Nabi SAW, beliau bersabda, ‘Barang siapa yang solat di masjidku (Nabawi) empat puluh (kali) solat, dengan tidak melewatkan satu solat pun, maka telah

<sup>223</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 61; Departemen Agama RI, *Tanya Jawab Ibadah Haji*, 61; Departemen Agama RI, *Bimbingan Manasik Haji*, 60-61.

<sup>224</sup> Departemen Agama RI, *Tanya Jawab*, *Ibid.*, 61.

*ditetapkan untuknya bebas dari api neraka selamat dari azab (seksa) dan bersih dari kemunafikan.”<sup>225</sup>*

Hadis tersebut diriwayatkan oleh Imam Aḥmad dan al-Ṭabrānī dalam “*Mu‘jam al-Awsaṭ*,” dan perawinya dapat dipercayai.<sup>226</sup> Hadis ini juga tercatat dalam “*Musnad Imam Aḥmad bin Ḥanbal*,”<sup>227</sup> dan juga *al-Mu‘jam al-Mufahras fī Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī*.<sup>228</sup>

Al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr al-Haythamī (wafat 807 H.) mengatakan dalam kitabnya “*Majma‘ al-Zawā‘id*”: Hadis ini diriwayatkan oleh Aḥmad bin Ḥanbal dan al-Ṭabrānī di dalam kitabnya “*Mu‘jam al-Awsaṭ*” dan perawi hadisnya *thīqah*, beliau pula berkata: hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī sebahagiannya.<sup>229</sup>

Dengan motivasi itu banyak jemaah haji yang berusaha keras untuk dapat melaksanakan solat *arba‘īn* tersebut kerana mengingati keutamaannya yang begitu besar.

Para ulama berbeza pendapat dalam memberikan penilaian terhadap hadis tersebut. Ada yang menilai kedudukan hadis itu sahih dan ada pula yang mengatakan dhaif. Pandangan ini jugalah yang mendasari perbezaan pendapat antara KEMENAG dengan PERSIS.

KEMENAG berpendapat, berdasarkan fakta-fakta di atas hadis itu adalah sahih dan boleh diamalkan, seperti dalam kitab “*Majma‘ al-Zawā‘id*” di atas, Ibn Hibbān

---

<sup>225</sup> H.R. Imam Ahmad dan al-Ṭabrānī, dalam: Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 12, Bab al-Ikmāl min Fadāil al-Madīnah wa mā Hawlahā, no. 34939; Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id*, 3:8. Kitab al-Ḥajj, Bab fī man Ṣallā bi al-Madīnah Arba‘īna Ṣalat, no. 5878.

<sup>226</sup> Al-Haythamī, *Ibid*.

<sup>227</sup> Ahmad Ibn Hanbal, *al-Musnad* (Mesir: Dār al-Ma‘ārif, 1949), 3:150.

<sup>228</sup> Iaitu kamus dari kitab-kitab, al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, Tirmidhī, Nasā‘ī, Ibn Mājah, al-Dārimī, Muwaṭṭa‘ Malik dan Musnad Ahmad bin Hanbal (Lihat: Ibn Ḥanbal, Abū ‘Abdillāh Aḥmad Ibn Hanbal Ibn Hilāl Ibn Asad al-Shaybānī, *al-Mu‘jam al-Mufahras fī Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī*, bab “fatawa.” (Leiden: t.tp., 1965), 5:205.

<sup>229</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id*, 2: 35; Usman Shalehuddin, *Masailul Hajj*, 56.

menggolongkan ke dalam kelompok hadis “*thiqaḥ*” (dapat dipercayai). Kemudian al-Mundhirī menyatakan dalam kitabnya “*al-Targhīb wa al-Tarhīb min Ḥadīth Sharīf*,” Juz II: 215, dalam bab: “*al-Targhīb fī al-Ṣalāḥ fī Masjid al-Ḥarām wa Masjid al-Madīnah*,” perawinya adalah sahih. dengan demikian boleh mengamalkan hadis tersebut.<sup>230</sup>

Mengenai keutamaan solat di masjid Nabawi tanpa batas waktu, dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW dari Abū Hurayrah r.a.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيَمَا سِوَاهُ  
إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ.

Ertinya: *Dari Abī Hurayrah r.a., sesungguhnya Nabi SAW bersabda: “Solat di Masjidku (masjid Nabawi) lebih utama daripada seribu kali solat di masjid lain, kecuali di Masjid al-Ḥarām.”*<sup>231</sup>

Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa solat di masjid Nabawi itu lebih utama dibandingkan dengan solat di masjid lain, kecuali Masjid al-Ḥarām. Oleh sebab itu, para jemaah haji khususnya mesti berusaha untuk dapat solat di masjid Nabawi, mengingat keutamaannya, tetapi bukan berdasarkan atas *ḥadīth arba‘īn* yang dhaif di atas.<sup>232</sup>

Sementara PERSIS memandang hadis tersebut dhaif dan tidak boleh diamalkan, kerana menurut Naṣīr al-Dīn al-Bānī salah seorang perawinya yang bernama *Nubayṭ* tidak dikenali.

<sup>230</sup> Al-Haythamī, *Ibid.*; Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 69

<sup>231</sup> H.R. Imam Bukhārī, Imam Muslim, Ibn Mājah, dan al-Nasā‘ī, dalam: Jalal al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Jāmi‘ al-Saghīr*, Jilid. 4, no. 5104; Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 2, no. 4433; Al-Manawī, *Fa’id al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi‘ al-Saghīr*, Juz. 4, no. 5104.

<sup>232</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 71.

Menurut beliau juga, penilaian al-Mundhirī itu hanya perkiraan sahaja, kerana *Nubayt* dalam kenyataannya tidak termasuk perawi yang sahih. Malah tiada seorang pun imam hadis yang enam (*Sunan Sittah*) meriwayatkan darinya kecuali Imam Aḥmad.<sup>233</sup>

Dan Shaykh Shu'ayb al-Arnauth mengatakan bahawa sanad hadith di atas dhaif (lemah) kerana status Nubayt bin 'Umar yang tidak diketahui.<sup>234</sup>

Dari segi *matan* (isi hadis) bertentangan dengan hadis lain, iaitu bermaksud:

عن أنس بن مالك قال: قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ صَلَّى اللهُ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيرَ الْأُولَى كَتَبَتْ لَهُ بِرَّتَانِ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النَّفَاقِ.

Ertinya: Dari Anas bin Mālik berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa yang solat kerana Allah 40 hari berturut-turut dengan berjamaah bermula dari takbir yang pertama, nescaya dia dicatat dua pembebasan, bebas dari api neraka dan kedua bebas dari sifat nifaq.”<sup>235</sup>

Dalam hadis tersebut dinyatakan 40 hari berturut-turut, bukan 40 kali solat. Bererti *matan hadīth arba'īn* di atas bertentangan dengan hadis yang darjatnya sahih ini.<sup>236</sup>

Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* keduanya terjamin kualiti kesahihan hadis di kalangan umat Islam. Disebabkan oleh ketelitian kedua-duanya dalam menetapkan syarat-syarat kesahihan hadis dan memilih hadis-hadis yang memenuhi syarat sahaja. Sehingga hadis yang dinyatakan kesahihannya oleh mereka berdua masyhur dengan istilah “*muttafaq ‘alayh*”. Dan *aṣḥāb al-sunan* iaitu Imam Abū Dāwūd,

<sup>233</sup> Al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, 366; Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Ibid.*, 69.

<sup>234</sup> Ahmad bin Hanbal, *Munad al-Imam Ahmad bin Hanbal* [Takhrij Shaykh Shu'ayb al-Arnauth], ( al-Qahirah: Muassasah Qurtubah, t.t.), 3: 155, no. 12605.

<sup>235</sup> H.R. Imam Ahmad, dalam: al-Imam al-Suyūṭī, *Ziyādāt al-Jāmi' al-Saḥīḥ*, no. 3113. H.R. Imam Tirmidhī, dalam: *Sunan al-Tirmidhī wa Sharḥ al-'Ilal*, Jilid. 1, Bab fī Faḍl al-Takbīr al-Ūlā, no. 241.

<sup>236</sup> Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis), *Risalah Haji*, 70.



Imam at-Tirmidhī, Imam al-Nasā’ī, Imam Ibn Mājah, al-Darimī kesemuanya tiada yang meriwayatkan hadith *arba’īn* tersebut.<sup>237</sup>

Demikian juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī:

حَدَّثَنَا عُقْبَةُ بْنُ مُكْرَمٍ وَنَصْرُ بْنُ عَلِيٍّ قَالَا حَدَّثَنَا ثَلْمُ بْنُ قُتَيْبَةَ بْنِ عَمْرِو وَعَنْ حُبَيْبِ ابْنِ أَبِي ثَابِتٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ صَلَّى لِلَّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيرَةَ الْأُولَى كُتِبَ لَهُ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النَّفَقِ.

Ertinya: “Telah menceritakan kepada kami ‘Uqbah bin Mukram dan Nasr bin ‘Alī keduanya berkata, ‘Telah menceritakan kepada kami Thalm bin Qutaybah bin ‘Amr, dari Ḥubayb bin Abī Thābit dari Anas bin Mālik, ia mengatakan, ‘Rasulullah SAW bersabda, ‘Barangsiapa yang solat kerana Allah empat puluh hari/malam secara berjemaah semenjak takbiratul iḥrām, maka telah ditetapkan untuknya dua baraan (kemulusan) dari neraka dan dari kemunafikan.”<sup>238</sup>

Menurut keterangan Abū ‘Īsā (al-Tirmidhī) hadis ini diriwayatkan dari Anas bin Mālik secara *mawqūf* (bukan dari Nabi SAW.) Dan aku tidak mengetahui seorang pun yang menganggap *marfū’* (dari Nabi SAW), kecuali yang diriwayatkan oleh Thālim bin Qutaybah dari Tu’mah bin Amr, tetapi hadis itu diriwayatkan dari Ḥubayb bin Abū Ḥubayb al-Bajalī dari Anas bin Mālik sendiri bukan sabda Nabi SAW.<sup>239</sup>

Secara kesimpulan, KEMENAG berpendapat bahawa hadis *arba’īn* di atas adalah sahih dan boleh diamalkan, sementara PERSIS menganggap hadis tersebut dhaif dan tidak boleh diamalkan sama sekali.

Melihat dalil-dalil yang dikemukakan oleh dua pendapat ulama di atas, pengkaji lebih cenderung dengan pendapat KEMENAG, kerana sifat hadis tersebut adalah *faḍā’il*

<sup>237</sup> Usman Shalehuddin, *Masailul Haji*, 55-56.

<sup>238</sup> H.R. Imam al-Tirmidhī, dalam: *Sunan al-Tirmidhī wa Sharḥ al-’Ilal*, Jilid. 1, Kitab Abwāb al-Ṣalāh, Bab fī Faḍl al-Takbīr al-Ūlā, no. 241; Al-Muttaqī al-Hindī, Jilid. 7, no. 20253.

<sup>239</sup> Usman Shalehuddin, *Masailul Haji*, 58.

*al-a'māl* (keutamaan beramal), maka lebih utama diamalkan daripada ditinggalkan jika berkemampuan. Sekiranya bidaah sekalipun maka ianya tergolong dalam bidaah hasanah.

### 5.2.11 Menziarahi Makam Nabi di Madinah

Masalah ziarah makam Nabi SAW adalah perkara yang lazim dikerjakan oleh jemaah haji, malah tidak afdal haji melainkan setelah ia solat di masjid Nabawi dan ziarah ke makam beliau dan para sahabatnya. Tetapi timbul pertentangan fahaman antara KEMENAG dan PERSIS dalam hal ini, adakah dibolehkan atau tidak?

Ahlusunnah Waljamaah yang menjadi iktiqad Kementerian Agama (KEMENAG) memfatwakan bahawa perjalanan ke Madinah untuk menziarahi makam Nabi SAW adalah perjalanan yang dituntut dalam syariat Islam. Ianya merupakan sunat muakkad yang baik sekali untuk dikerjakan.<sup>240</sup> Boleh dikatakan bahawa keutamaan menziarahi masjid Nabawi kerana ada maqam Rasulullah SAW di bawah Kubah hijau. Menziarahi masjid ini menjadi satu kemestian kepada jemaah haji walaupun ianya amalan sunat. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

مَنْ حَجَّ وَمَ يَزُرْنِي فَقَدْ جَفَانِي

Ertinya: “Sesiapa yang menunaikan haji tetapi tidak menziarahiku maka ia menjauhi dariku.”<sup>241</sup>

<sup>240</sup> Al-Sharbīnī, *al-Iqnā' fi Ḥill Alfāz Abī Shujjā'*, 1:237; Jadd al-Ḥaqq 'alā Jadd al-Ḥaqq, “A'māl al-Ḥajj wa al-'Umrah,” 198, ; Sirajuddin Abbas, *I'tiqad Ahli Sunnah wa al-Jama'ah* (cet. ke-8, Kota Bharu Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2001), 260, 265; Idris Ahmad, *Fiqh Syaḥī'i*, 1:486; Aṭīyyah Shaqar, “al-Ḥajj bidun Ziyārah,” dalam *Fatwa-Fatwa al-Azhar*, ed. Zakariyyā al-Barri (Mesir: Dār al-Ifā', 1980), 356; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah*, 202; Al-Banjārī, *Dalīl li al-Hajj wa al-Mu'tamirīn*, 53.

<sup>241</sup> H.R. Imam Dāruqutnī dan 'Adwī, dalam: Imam Mālik, *al-Muwatta'*, Jilid. 3, Bab Qabr al-Nabī wa ma Yustaḥabbu min dhālik, no. 947; Imam al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā'*, no. 2468. H.R. Al-Daylamī, dalam: Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl*, Jilid. 5, Bab Ziyārah Qubr al-Nabī min Ikṃāl, No. 12369.

Lihat *Sharḥ Zarqānī li al-Mawāhib*, 8:298. Hadis ini disebutkan oleh Ibn 'Adwī dalam “*Al-Kāmil*,” dan Ibn Ḥibbān dalam “*al-Du'afā'*,” dan al-Dāruqutnī dalam “*al-'Ilal, Gharā'ib al-Ruwāh*,” dari Malik dan lain-lain, semuanya daripada Ibnu Umar, sanadnya sampai kepada Nabi SAW.

Begitu juga ziarah ke makam ibu bapa, para ulama, orang-orang mati syahid, para pahlawan Islam, kaum muslimin-muslimat adalah sunat, dan berfaedah untuk dikerjakan.<sup>242</sup>

Secara lebih terperinci, dalil kaum Ahlusunnah adalah:

*Pertama*, hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا. وَفِي رِوَايَةٍ: فَزُورُوا الْقُبُورَ فَإِنَّهَا تُدَكِّرُ الْمَوْتَ.

Ertinya: *Sabda Nabi Muhammad SAW: “Dahulu saya melarang menziarahi kubur, (sekarang) ziarahlah,” dalam satu riwayat: “Maka ziarahilah kubur, kerana ziarah itu mengingatkan kepada mati.”*<sup>243</sup>

Sememangnya pada permulaan Islam, Nabi melarang menziarahi kubur kerana pada waktu itu tauhid umat Islam masih lemah, sebab baharu sahaja keluar dari kemusyrikan. Namun setelah keimanan dan ketauhidan umat Islam semakin kuat dan telah berakar dalam hati masing-masing, maka seluruh orang Islam dianjurkan dan disuruh untuk menziarahi kubur, kerana menziarahi kubur itu terutama kubur Nabi SAW mengingatkan manusia kepada mati dan kampung yang akan didiami selamanya, iaitu kampung akhirat.

*Kedua*, hadis Nabi SAW:

<sup>242</sup> ‘Aṭīyyah Shaqar, “al-Ḥajj bidun Ziyārah,” 356; Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata‘allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 202.

<sup>243</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Janā‘iz, Bab Isti‘zan al-Nabī Rabbahu fi Ziyārat Qabr Ummih, no. 977; *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, Kitab al-Janā‘iz, Bab Isti‘dhān al-Nabī Rabbahu fī Ziyārat Qabr Ummih. H.R. Al-Ḥākim dalam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Jamī‘ al-Saghīr*, Jilid. 6, no. 9285.

عن سليمان بن بريدة، عن أبيه؛ قال: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُهُمْ إِذَا خَرَجُوا إِلَى الْمَقَابِرِ أَنْ يَقُولَ قَائِلُهُمُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَا حِقُونَ نَسَأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ.

Ertinya: Dari Sulaymān bin Barīdah, dari ayahnya; berkata: Adalah Rasulullah SAW mengajarkan kepada mereka (sahabat-sahabat) apabila mereka datang ke perkuburan harus dikatakan: “*Salam atasmu hai orang mukmin lelaki dan perempuan, bahawasanya kami Insya Allah akan mengikuti kamu.*”<sup>244</sup>

Kelihatan dalam hadis ini Nabi Muhammad SAW menganjurkan kepada umatnya supaya datang berziarah ke perkuburan haruslah membaca doa tersebut.

Ini bermakna ziarah kubur dianjurkan oleh syariat Islam sehingga Nabi menyuruh dan mengajarkan doa yang akan dibaca ketika menghadap di makam perkuburan itu.

*Ketiga*, hadis Nabi dari ‘Ā’ishah yang bermaksud:

كَيْفَ أَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِذَا زُرْتُ الْقُبُورَ؟ قَالَ قُولِي: السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ.

Ertinya: Apa ucapan saya wahai Rasulullah kalau saya menziarahi kubur? Nabi menjawab: “*Katakanlah, salam atasmu hai orang-orang mukmin penduduk kampung ini.*”<sup>245</sup>

Dari hadis-hadis di atas dapat di ambil dua kesimpulan, iaitu:

<sup>244</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Janā’iz, Bab mā Yuqālu ‘inda Dukhūl al-Qubūr wa al-Du‘ā’, no. 104, 975; Imam Abū Zakariyya Yahyā bin Syarf al-Nawawī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, Kitab. 1, Bab Istihbāb Ziyārat al-Qubūr li al-Rijāl, no. 583; Muhy al-Dīn Abī Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Nawawī, *Terjemahan al-Adhkār Imām al-Nawawī: al-Adhkār al-Muntakhabah min Kalām Sayyid al-Abrār*, ed. Muhammad ‘Abd al-Qādir Shāhīn, terj. Panel Penterjemah, (cet. ke-3, Selangor-Malaysia: al-Hidayah Publication, 2012), 280, Kitab doa menutup mata orang yang meninggal dunia. Bab doa penziarah. H.R. Imam Ibnu Mājah, dalam: *Sunan Ibn Mājah*, Juz. 1, Kitab al-Janā’iz, Bab ma Jā’a fī mā Yuqālu idhā Dakhala al-Maqābir, no. 1547.

<sup>245</sup> H.R. Imam Muslim, dalam: *Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz. 2, Kitab al-Janā’iz, Bab mā Yuqālu ‘inda Dukhūl al-Qubūr wa al-Du‘ā’ li Ahliha, no. 974. H.R. Imam al-Nasā’ī, dalam: *Sunan al-Nasā’ī*, Jilid. 4, Kitab al-Janā’iz, Bab al-Amr bi al-Istighfār li al-Mukminin.

1. Nabi Muhammad SAW tidak melarang untuk menziarahi kubur.
2. Nabi Muhammad SAW tidak melarang wanita menziarahi kubur, tetapi menganjurkan dan mengajarkan doa-doa yang akan dibaca.

Jika menziarahi kubur sahaja sudah di sunatkan. Apatah lagi menziarahi kubur Nabi Muhammad SAW tentu lebih baik, lebih afdal dan lebih besar pahalanya.

*Keempat*, hadis Nabi SAW

مَنْ زَارَنِي بَعْدَ مَوْتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي

Ertinya: “Barangsiapa menziarahi kubur saya sesudah saya meninggal maka ia seolah-olah sudah menziarahi saya pada ketika hidup saya.”<sup>246</sup>

Dengan hadis ini Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa menziarahi beliau sesudah pulang ke rahmatullah seolah-olah menziarahi ketika beliau masih hidup.

*Kelima*, hadis Nabi SAW:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ زَارَ قَبْرِي وَجَبَتْ لَهُ شَفَاعَتِي.

Ertinya: Dari Ibn ‘Umar r.a. berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa menziarahi makamku, ia pasti mendapat syafa’atku.”<sup>247</sup>

<sup>246</sup> H.R. Imam Dāruqutnī dan Imam Ibn ‘Asākir. Daripada lelaki dari keluarga Hathib, dari Hathib dari Nabi SAW. Dan diriwayatkan oleh Abū Ya‘lā dalam musnadnya dan Ibn ‘Adi dalam Kamilnya, lihat: Imam al-Suyūṭī, *Ziyādāt al-Jāmi‘ al-Saghīr*, Kitab al-Durar al-Muntatsirah; Lihat juga: Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 5, Bab Ziyārah Qabr al-Nabī min al-Ikmāl, no. 12372; Al-Ghazālī, *Rahasia Haji dan Umrah* (Bandung: Karisma, 1997), 94.

<sup>247</sup> H.R. Ibn Abī al-Dunyā, Dāruqutnī dan Ibn ‘Adwī, dalam: Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Jāmi‘ al-Saghīr*, Jilid. 6, no. 8715; Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 15, Bab Ziyārah Qabr al-Nabī, no. 42583; Imam Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Juz. 2, Kitab al-Manāsik, Bab Faḍl al-Madīnah, no. 3112. H.R. Imam Mālik, dalam: *al-Muwatta‘a*, Jilid. 3, Bab Qabr al-Nabī wa ma Yustahabb min dhālik, no. 947. H.R. Imam al-Bazzar, dalam: Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id*, Jilid. 3, Kitab al-Ḥajj, Bab Ziyārah Siyyidina Muhammad SAW, no. 5841.

Maksud hadis ini dapat diertikan bahawa sesiapa yang tidak menziarahi makam Rasulullah seolah-olah ia tidak memerlukan syafa'at Nabi di Padang Mahsyar kelak.

Kedua-dua hadis di atas diriwayatkan oleh Imam Dāruqṭnī. Ramai ahli hadis yang mengatakan bahawa hadis-hadis ini adalah sahih, antaranya Imam Dāruqṭnī sendiri, Ibn al-Sakān, Imam Subkī dan lain-lain.<sup>248</sup>

Adapun fahaman Wahabi yang menjadi pegangan bagi fahaman PERSIS ialah mengharamkan ziarah kubur. Jika dilakukan maka perjalanan itu dianggap maksiat yang wajib dilarang.

Menurut mereka, yang disunatkan adalah mendatangi Masjid Nabi, bukan menziarahi kubur Nabi.<sup>249</sup> Dan sekiranya tujuan musafir itu untuk menziarahi kubur Nabi atau selain daripada Nabi itu disyariatkan, tentulah beliau memberitahukannya kepada umat beliau dan menunjukkan kepada mereka bagi memperoleh keutamaan itu.<sup>250</sup> Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لَا تَتَّخِذُوا قَبْرِي عَيْدًا وَلَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قُبُورًا وَحَيْثُمَا كُنْتُمْ فَصَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي.

Ertinya: “Janganlah kamu menjadikan kuburku sebagai tempat berhari raya (berpesta); dan janganlah kamu menjadikan rumah-rumah kamu sebagai kubur (sunyi tanpa ibadat) dan berselawatlah kamu ke atasku; kerana sesungguhnya selawat kamu itu akan disampaikan kepadaku di mana kamu berada (di sampingku atau berada di tempat yang jauh).”<sup>251</sup>

<sup>248</sup> Al-Nabhānī, Yūsuf, *Shawāhid al-Ḥaqq* (cet. ke-3, Kaherah: Mustafā al-Bāb al-Ḥalabī, 1965), 77.

<sup>249</sup> Al-Sāmih, al-‘Aṣīrī dan al-Khāṭi, *al-Bida‘ wa al-Mukhālafah fī al-Ḥajj*, 29.

<sup>250</sup> Ibn Bāzz, *al-Taḥqīq wa al-Idāḥ li Kathīr min Masā’il al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 92.

<sup>251</sup> H.R. Imam Abi Ya‘la dan Ibn Abi Hatim, dalam: Al-Haythami, *Majma‘ al-Zawa‘id wa Manba‘ al-Fawa‘id*, Jilid. 3, Kitab al-Ḥajj, Bab Ikrām Ahl Madīnah, no. 5847; H.R. al-Diya‘ fī al-Mukhtarah, dan Abu Ya‘la dan al-Qadi Isma‘il, dalam: Al-Ābādī, ‘Awn al-Ma‘būd, Kitab al-Manasik, Bab Ziyarah al-Qubur, No. 2047.

Berdasarkan hadis ini, jelas bahawa bermusafir kerana menziarahi kubur Nabi SAW sehingga terbentuk suatu pesta keramaian di kubur beliau adalah merupakan suatu perkara yang dibimbangkan oleh Rasulullah SAW sendiri disebabkan keadaan melampau sebagaimana yang telah berlaku di kalangan ramai manusia dengan sebab pandangan mereka bahawa agama Islam menyuruh bermusafir bagi menziarahi kubur Nabi SAW dan bukan kerana keutamaan sembahyang di Masjid beliau.<sup>252</sup>

Shaykh ‘Abd al-‘Azīz bin Bāzz menegaskan, tidak boleh seorang musafir ke Madinah hanya kerana untuk menziarahi kubur Nabi SAW atau kubur yang lain.<sup>253</sup>

Kaum Wahabi selanjutnya mengatakan bahawa tidak boleh meng*qasār* atau menjamak sembahyang dalam perjalanan untuk ziarah tersebut, kerana perjalanan itu dianggap sebagai perjalanan maksiat.<sup>254</sup>

Dan mereka berpendapat bahawa hadis-hadis yang diriwayatkan dalam perkara ini menunjukkan galakan bermusafir kerana menziarahi kubur Nabi SAW, namun *isnad* (periwayat) hadis-hadis ini didapati lemah; malah merupakan *hadīth mawdū‘* (rekaan) sebagaimana yang telah diperingatkan mengenai kedha’ifannya oleh ahli-ahli penghafaz hadis.<sup>255</sup>

Al-Hāfiẓ al-‘Uqaylī berkata: “Tiada didapati sesuatu hadis pun yang sahih dalam perkara (kelebihan menziarahi kubur Nabi) ini.”<sup>256</sup>

Manakala Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah membuat kepastian bahawa semua hadis yang disebut di atas adalah *mawdū‘*.<sup>257</sup>

---

<sup>252</sup> Ibn Bāzz, *al-Taḥqīq wa al-Idāh li Kathīr min Masā’il al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 92.

<sup>253</sup> Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata’allaq bi Ahkām al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 204.

<sup>254</sup> Sirajuddin Abbas, *I’tiqad Ahli Sunnah wa al-Jama’ah*, 310.

<sup>255</sup> Ibn Bāzz, *al-Taḥqīq wa al-Idāh li Kathīr min Masā’il al-Ḥajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 93.

<sup>256</sup> *Ibid.*

Shaykh ‘Abd al-‘Aziz bin Bazz berkata, banyak hadis sahih yang mendorong untuk menziarahi kubur secara umum bagi mengambil iktibar, pengajaran dan mendoakan kepada yang mati. Adapun hadis-hadis menyebut tentang menziarahi makam Nabi SAW secara khusus semuanya lemah. Malah ada yang berpendapat *mawdū’*.<sup>258</sup>

Tetapi kini fatwa tersebut sudah tinggal di atas kertas sahaja. Kaum Wahabi yang berkuasa di Makkah dan Madinah tidak sanggup lagi menahan desakan umat Islam dari seluruh dunia yang datang berduyun-duyun untuk menziarahi makam Rasulullah SAW setiap tahun atau di luar musim haji.

Selain fahaman Wahabiyyah, terdapat fahaman Salafiyyah yang dipelopori oleh Ibn Taymiyyah (sumber ilham bagi terbentuknya fahaman Wahabiyyah) juga merupakan pegangan bagi PERSIS.

Adapun perkara yang perlu mendapatkan perhatian dalam hal ini, iaitu Ibn Taymiyyah tidak melarang ziarah kubur kecuali mengadakan satu perjalanan yang khusus kepada kubur Nabi SAW atau kubur orang-orang saleh.(3)Buktinya dalam kitabnya “Majmu’ Fatawa” beliau menjelaskan: berkata kebanyakan (1), ziarah kubur orang-orang mukmin adalah dianjurkan untuk mendoakan (kebaikan) bagi yang telah mati di samping mengucapkan salam ke atas mereka. Ini sebagaimana Nabi SAW yang pernah ke perkuburan Baqi’ dan mendoakan (kebaikan) untuk mereka

---

<sup>257</sup> *Ibid.*

<sup>258</sup> Ibn Bāzz, *Fatāwā Tata‘allaq bi Ahkām al-Hajj wa al-‘Umrah wa al-Ziyārah*, 207.



Oleh kerana fahamannya bertentangan dengan keyakinan umat Islam di seluruh dunia, maka ramai ulama-ulama sunni yang memberi penentangan terhadap fahaman Ibn Taymiyyah, antaranya:<sup>259</sup>

Ibn Ḥajar al Haythamī, seorang ulama besar dalam abad ke X H. mengarang kitab, “*al-Jawhar al-Munẓam fī Ziyārah Qubr al-Sharīf ‘an Nabi al-Mukarram*” (Jawhar yang teratur untuk menerangkan ziarah kubur Nabi yang mulia).

Imam al-Ghazzāli, seorang ulama besar yang masyhur, telah menulis kitab “*Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* “ pada abad ke V H, yang mana beliau menyatakan dalam bahagian Adab Safar, ziarah ke makam Nabi SAW itu adalah diberi pahala bagi orang yang mengerjakannya.

Seorang ulama Islam bernama Ibn Hubayrah menerangkan dalam kitabnya, “*Ittifāq al-Aymah,*” bahawa telah sepakat Imam Mālik, Ḥanafī, Syafii dan Ḥanbalī memfatwakan bahawa ziarah ke makam Nabi adalah sunat hukumnya.

Jelaslah bahawa para ulama Islam ikutan umat semenjak dahulu hingga sekarang banyak sekali yang berikitiqad bahawa menziarahi makam Nabi SAW itu sunat, bukan bidaah.

Untuk lebih jelas, berikut merupakan dalil-dalil yang dikemukakan oleh golongan yang mengharamkan ziarah kubur:

لَا تَشُدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى

Ertinya: “*Janganlah bersengaja melakukan perjalanan (dalam rangka ibadat) kecuali ke tiga masjid iaitu Masjid al-Haram, Masjid Rasulullah SAW (Masjid al-Nabawi), dan Masjid al-Aqsa.*”<sup>260</sup>

<sup>259</sup> Sirajuddin Abbas, *I’tiqad Ahli Sunnah wa al-Jama’ah*, 262.

Ketiga masjid ini memiliki keutamaan dilihat dari zatnya. Al-Subki mengatakan, “Tiada satu pun tempat di muka bumi ini yang memiliki keutamaan sehingga seseorang bisa sengaja melakukan perjalanan ke sana selain dari masjid ini”.<sup>261</sup>

Berdasarkan hadis di atas, menurut Ibn Taymiyyah berkemas dan pergi menziarahi kubur adalah haram.

Golongan Ahlusunah menjawab, bahawa yang dilarang menurut hadith ini berkemas dan pergi dengan sengaja untuk solat ke masjid-masjid khusus selain ke tiga masjid di atas, kerana masjid-masjid tersebut darjatnya sama, boleh sembahyang di mana-mana tidak perlu membuang harta untuk menziarahinya.

Walaupun demikian, bukan bererti pergi jauh untuk menuntut ilmu, mencari nafkah, naik haji, untuk ziarah makam-makam, khususnya makam Nabi Muhammad SAW di Madinah itu dilarang dengan hadis ini.

Pendek kata dalil ini tidak sesuai jika digunakan untuk melarang pergi menziarahi makam Nabi SAW di Madinah.

Berikutnya hadis Nabi yang bermaksud: “*Tuhan mengutuk orang Yahudi dan Nasrani yang menjadikan kubur nabi-nabi menjadi masjid.*”<sup>262</sup>

Ibn Taymiyyah mengatakan bahawa orang-orang Yahudi dan Nasrani dikutuk oleh Tuhan kerana menjadikan makam-makam Nabi sebagai masjid. Serupa dengan orang Madinah yang membuat masjid dekat makam Nabi SAW dan orang-orang yang menziarahi Nabi SAW dan sembahyang di makam beliau.

---

<sup>260</sup> HR. Imam Bukhari, no. 1189 dan Imam Muslim, no. 1397, dari Abu Hurayrah.

<sup>261</sup> Al-‘Asqalāni, *Fath al-Bārī*, 4: 190.

<sup>262</sup> H.R. Imam al-Bukhari dan Muslim.

Ahlusunnah menjawab bahawa hadis ini tidak dapat menjadi dalil melarang orang ziarah ke makam Nabi SAW, kerana yang dikatakan di sini ialah larangan menjadikan kubur sebagai masjid dan bukan ziarah kubur malah bukan larangan untuk pergi menziarahi kubur.

Berikutnya, hadis ini dihuraikan maksudnya oleh hadis lain yang bermaksud: *“Sabda Nabi Muhammad SAW tatkala dikhabarkan kepada beliau keadaan gereja di Habsyi: Apabila meninggal seorang yang soleh di antara mereka, lalu dibuatnya masjid di atas perkuburan, kemudian ia membina patung-patung (gambar-gambar) orang-orang itu. Itulah makhluk yang paling buruk di sisi Allah pada hari Kiamat.”*<sup>263</sup>

Di dalam kitab *“Fath al-Bārī,”* Sharḥ al-Bukhārī diterangkan bahawa gambar itu akhirnya mereka sembah.<sup>264</sup>

Terbukti yang dilarang itu ialah membuat masjid di atas perkuburan dan menyembah gambar orang yang mati di dalamnya, bukan menziarahi kubur.

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa fahaman Ahlusunnah sebagai pegangan KEMENAG berpendapat bahawa menziarahi makam Rasulullah SAW atau makam-makam orang beriman yang lain di anggap perkara sunat dan mendapat pahala bagi siapa yang mengerjakannya. Tetapi sebaliknya PERSIS yang bersandar kepada pemikiran Ibn Taymiyyah dan Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb melarang keras menziarahi makam Rasulullah SAW di Madinah. Malah menganggapnya termasuk perkara bidaah dan maksiat kepada Allah SWT.

Dalam masalah ini, pengkaji lebih cenderung dengan pendapat Ahl Sunnah yang menjadi pegangan KEMENAG, kerana jika diteliti lebih dalam, dalil-dalil yang

---

<sup>263</sup> H.R. al-Bukhari, dalam: *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Kitab al-Jana’iz, Bab Binā’ al-Masjid ‘ala al-Qabr, 3:256. no: 70.

<sup>264</sup> Al-‘Asqalāni, *Fath al-Bārī*, 3: 256.

dikemukakan oleh KEMENAG lebih *rājih* berbanding dengan pendapat Wahabiyyah dan Salafiyah yang menjadi sandaran fahaman organisasi PERSIS. Hal itu terbukti dengan mudahnya dijawab oleh KEMENAG mengenai dalil-dalil ziarah kubur tersebut.

### 5.3 KESIMPULAN

Perbezaan pendapat dalam lapangan hukum sebagai hasil penelitian (*ijtihad*), tidak perlu dipandang sebagai faktor yang melemahkan kedudukan hukum Islam. Malah sebaliknya boleh memberikan kelonggaran kepada orang ramai sebagaimana yang diharapkan oleh baginda Nabi SAW menerusi hadisnya, yang bermaksud: “*Perbezaan pendapat (di kalangan) umatku adalah rahmat.*”<sup>265</sup>

Justeru itu, setiap orang diberi kebebasan untuk memilih salah satu dari mazhab-mazhab yang muktabar. Terutamanya empat mazhab yang telah dikenali ramai, kerana ijtihad empat mazhab tersebut tidak diragukan lagi kehebatannya dalam mengistinbatkan hukum-hukum Islam yang menjadi pegangan kebanyakan umat Islam pada hari ini.

Perbezaan dalam pelaksanaan ibadat haji dan umrah seperti antara KEMENAG dan PERSIS begitu ketara sekali di Indonesia. Hanya KEMENAG masih lagi berpegang kepada pendapat jumhur ulama terutama mazhab Syafii, sementara PERSIS tidak terikat dengan mana-mana mazhab. Kerana menurut mereka mazhab yang benar adalah al-Quran dan hadis. Malah adanya mazhab-mazhab tersebut hanyalah penyebab terjadinya perpecahan di kalangan sesama umat Islam.

---

<sup>265</sup> Hadis ini sudah di takhrij.

Dan jika dianalisis, KEMENAG yang berpegang kepada mazhab Syafii nampaknya lebih berhati-hati dan lebih bertolak ansur dalam pelaksanaan hukum Islam terutamanya berkaitan masalah ibadat haji dan umrah. Sementara PERSIS lebih tegas dan kurang fleksibel kerana mereka hanya melihat zahir ayat atau hadis, dan kurang memerhatikan anasir-anasir lain yang membolehkan memberi makna ayat atau hadis itu diterjemahkan ke dalam maksud lain.

Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat tersebut tidak menghalang kelancaran pelaksanaan ibadat haji di Indonesia, sebab masing-masing memiliki dalil dan alasan. Hanya perbezaan mereka dalam mengistinbatkan hukum dari al-Quran dan hadis tentu sahaja memiliki *ṭurūq al-istinbāt* tersendiri. Ini kerana masalah *ikhtilāf* merupakan masalah ijtihad sebagai hasil dari pemahaman terhadap sumber hukum Islam.

Dan kita berharap semoga perbezaan-perbezaan pendapat tersebut bukan menjadi jurang pemisah antara umat Islam, tetapi menjadi apa yang diharapkan oleh Rasulullah SAW, iaitu “*rahmah li al- ummah.*”

#### **RINGKASAN HUKUM HAJI MENURUT KEMENAG DAN PERSIS**

<b>Amalan Pekerjaan</b>	<b>atau</b>	<b>KEMENAG</b>	<b>PERSIS</b>
<i>Miqāt makānī</i>		Gelombang ke-1 boleh di asrama haji embarkasi tanah air, atau di atas pesawat sejajar dengan Qarn al-Manazil, atau di Air port Jeddah. Gelombang ke-2 di Bir Ali.	Gelombang ke-1 di atas pesawat sejajar dengan Qarnul Manazil. Gelombang ke-2 di Bir Ali.
Melalui <i>mīqāt</i> tidak berniat <i>īhrām</i>		Hajinya sah tetapi wajib bayar <i>dam</i>	Hajinya tidak sah
Mandi dan solat sunat		Sunat	Mandi sahaja yang Sunat,

īhrām		sedangkan solat tiada.
<i>Ramal</i> antara <i>Safa</i> dan <i>Marwah</i>	Sunat <i>ramal</i> dan ittiba' pada tawaf dan <i>sa'i</i>	Tidak disunatkan kecuali pada <i>ramal</i> haji <i>wadā'</i>
<i>Sa'i</i> setelah tawaf <i>ifādah</i>	Wajib <i>sa'i</i> setelah tawaf <i>ifādah</i> pada haji tamattuk, haji ifrad dan haji qiran tidak wajib apabila telah melaksanakan <i>sa'i</i> pada tawaf <i>qudum</i>	Tiada <i>sa'i</i> setelah tawaf <i>ifādah</i> , baik pada haji tamattuk, ifrad mahupun qiran.
Tarikh keberangkatan jemaah haji tamattuk ke Mina	Pada tarikh 8 Zulhijah disunatkan langsung menuju Arafah	Pada tarikh 8 Zulhijah disunatkan terlebih dahulu menuju Mina
Waktu wuquf di Arafah	Wajib dimulai dari tergelicir matahari 9 Zulhijah sehingga terbenam matahari. Boleh keluar dari Arafah sebelum ghurub tetapi wajib membayar <i>dam</i> bagi yang tiada uzur.	Boleh wuquf dari tergelicir matahari 9 Zulhijah sehingga sebelum tenggelam matahari, dan tidak dikenakan <i>dam</i> baik ada uzur mahupun tiada uzur.
Waktu melontar Jamrah aqabah	Bermula selepas separuh malam 10 Zulhijah dan berakhir apabila terbenam matahari pada 13 Zulhijah. Waktu yang afdal adalah apabila masuk waktu Duha tarikh 10 Zulhijah hingga tergelincir matahari. Boleh juga melontar setelah lewat tengah malam tarikh 10 Zulhijah hingga terbit fajar tarikh 11 Zulhijah. Dan waktu ikhtiar dilakukan setelah waktu Zuhur hingga terbenam matahari.	Pada hari nahar tarikh 10 Zulhijah waktu duha sehingga terbenam matahari
Waktu melontar tiga jamrah	Dari setelah tergelincir matahari hingga terbenam matahari. Kalau tidak sempat pada waktu tersebut maka boleh dilakukan pada malam harinya.	Dari setelah tergelincir matahari hingga terbenam matahari, dan apabila dilakukan sebelum terbit matahari atau setelah terbenam matahari maka hukumnya tidak sah
<i>Hadyu</i> haji tamattuk dan qiran	Merupakan <i>dam</i> atau denda atas pelanggaran yang dilakukan kerana melaksanakan haji tamattuk dan qiran	Bukan merupakan <i>dam</i> atas pelanggaran yang dilakukan, tetapi cara haji tamattuk dan qiran yang wajib menyembelih <i>hadyu</i>
Waktu penyembelihan <i>hadyu</i>	Bagi haji tamattuk boleh disembelih setelah melaksanakan umrah	Tidak boleh menyembelih <i>hadyu</i> haji tamattuk dan qiran sebelum hari raya Qurban.
Umrah sunat sesudah	Boleh seseorang	Tidak boleh kerana tiada

haji tamattuk dan qiran	melaksanakan umrah sunat sesudah haji tamattuk dan qiran berkali-kali	keterangan bahawa Nabi SAW ataupun para sahabat melakukan perkara tersebut
Badal haji dan umrah	Disyariatkan badal dalam haji dan umrah	Tiada badal dalam haji dan umrah
Solat empat puluh waktu di Masjid Nabawi	Sunat dan sangat dianjurkan	Tidak disyariatkan dalam Islam
Hukum menziarahi makam Nabi di Madinah	Sunat Muakkad	Bidaah dan dianggap perbuatan maksiat